



# **PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)**

## **MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH**

**IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN**

### **MODUL (KURSUS WAJIB)**

**(WAJ 3101)**

### **(TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA)**



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,  
BLOK 2200, PERSIARAN APEC,  
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA**

**Berkuat kuasa pada Jun 2011**





## **Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

## **Falsafah Pendidikan Guru**

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Cetakan Jun 2011  
Kementerian Pelajaran Malaysia

**Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.**

**MODUL PEMBELAJARAN INI DIEDARKAN UNTUK KEGUNAAN PELAJAR-PELAJAR YANG BERDAFTAR DENGAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI MENGIKUTI PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG) IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN.**

**MODUL PEMBELAJARAN INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT.**

## **PANDUAN PELAJAR**

### **PENGENALAN**

Modul pembelajaran ini disediakan untuk membantu anda menguruskan pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah sendiri ini. Modul pembelajaran ini memberi peluang kepada anda untuk menguruskan corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

### **PEMBELAJARAN ARAH KENDIRI**

Pembelajaran arah sendiri memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran sendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baru untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

### **SASARAN KURSUS**

Pelajar Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian yang mendaftar dengan Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (IPG KPM) di bawah Program Pensiswazahan Guru (PPG).

### **JAM PEMBELAJARAN PELAJAR (JPP)**

Berdasarkan standard IPG KPM yang memerlukan pelajar mengumpulkan 40 jam pembelajaran bagi setiap jam kredit. Anggaran peruntukan jam pembelajaran adalah seperti dalam Jadual 1:

Aktiviti-aktiviti Pembelajaran	Aghian Jam pembelajaran Mengikut Kredit Kursus					
	3 Kredit		2 Kredit		1 Kredit	
	Tanpa Amali (3+0)	Ada Amali (2+1) (1+2) (0+3)	Tanpa Amali (2+0)	Ada Amali (1+1) (0+2)	Tanpa Amali (1+0)	Ada Amali (0+1)
Membaca modul pembelajaran dan menyiapkan latihan / tugas terarah / amali	70	60	70	62	70	65
Menghadiri kelas interaksi bersemuka (5 kali)	10	10	5	5	5	5
Latihan Amali*	-	10	-	8	-	5
Perbincangan Atas Talian	7½	7½	5½	5½	5½	5½
Kerja Kursus	20	20	20	20	15	15
Ulangkaji	10	10	10	10	5	5
Amali/Peperiksaan	2½	2½	2½	2½	2½	2½
Jumlah Jam Pembelajaran	120		80		40	

\* Latihan amali akan dijalankan pada hari Ahad atau melalui kursus intensif.

## SUSUNAN TAJUK MODUL

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran sendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Ada di antara latihan ini mempunyai cadangan jawapan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial. Anda boleh berbincang dengan pensyarah, tutor atau rakan anda melalui email jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

## IKON

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat.

## **PEPERIKSAAN DAN PENTAKSIRAN**

Anda juga diperlukan untuk menduduki **peperiksaan bertulis** pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

Soalan peperiksaan akan meliputi semua tajuk dalam modul pembelajaran dan juga perbincangan

### **Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.**

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.
2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.
3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugas tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.
4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.
5. Rujuk sumber-sumber lain daripada apa yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.
6. Mulakan dengan sistem fail agar anda tahu di mana anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.
7. Cari kawan yang boleh membantu pembelajaran anda.



## AGIHAN TAJUK

### Kod & Nama Kursus: WAJ 3101 / Tamadun Islam & Tamadun Asia

Kandungan modul ini dibahagi kepada 10 tajuk/topik. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi bersemuka atau pembelajaran melalui modul.

INTERAKSI	TAJUK/TOPIK	JUMLAH JAM MENGIKUT PRO FORMA KURSUS
1	<b>Tajuk 1</b> : Pengenalan Ilmu Ketamadunan dalam Pembinaan tamadun Malaysia: <b>Tajuk 2</b> : Konsep Asas Tamadun Islam	4 jam
2	<b>Tajuk 3</b> : Interaksi Antara Pelbagai Tamadun <b>Tajuk 4</b> : Islam Dalam Tamadun Melayu	8 jam
3	<b>Tajuk 5</b> : Tokoh-tokoh Tamadun Islam <b>Tajuk 6</b> : Tokoh-tokoh Tamadun Asia <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Cina</li><li>▪ India</li><li>▪ Jepun</li></ul>	4 jam
4	<b>Tajuk 7</b> : Interaksi Tamadun Asia dan Relevansinya di Malaysia dan Dunia <b>Tajuk 8</b> : Interaksi Tamadun Asia dan Relevansinya di Malaysia dan Dunia	5 jam
5	<b>Tajuk 9</b> : Isu-Isu Kontemporari Tamadun Islam Dan Tamadun Barat <b>Tajuk 10</b> : Islam Hadhari Dan Proses Pembangunan Negara 10 Prinsip:	9 jam
	<b>JUMLAH</b>	30 jam



## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Falsafah Pendidikan Kebangsaan	i
Falsafah Pendidikan Guru	
Notis Hak Kerajaan	ii
Panduan Pelajar	iii
Agihan Tajuk	vi
Kandungan	vii
Pengenalan	xi
Tajuk Pembelajaran	
<b>Tajuk 1 : Pengenalan Ilmu Ketamadunan dalam Pembinaan tamadun Malaysia:</b>	1-10
1.0 Sipnosis	
1.1 Hasil Pembelajaran	
2.2 Konsep Tamadun	
2.3 Definisi	
2.4 Ciri	
2.5 Objektif	
<b>Tajuk 2 : Konsep Asas Tamadun Islam</b>	11-21
2.0 Sipnosis	
2.1 Hasil Pembelajaran	
2.2 Definisi	
2.3 Prinsip	
2.4 Sumber	
2.5 Matlamat Tamadun Islam	

<b>Tajuk 3 : Interaksi Antara Pelbagai Tamadun</b>	22-36
3.0 Sipnosis	
3.1 Hasil Pembelajaran	
3.2 Melayu	
3.3 Cina	
3.4 India	
3.5 Jepun	
3.6 Eropah	
3.7 Nilai-nilai universal antara tamadun	
3.8 Persamaan & perbezaan	
3.9 Contoh-contoh interaksi dalam sejarah (bahasa, kesenian & kesusasteraan)	
<b>Tajuk 4 : Islam Dalam Tamadun Melayu</b>	32-50
4.0 Sipnosis	
4.1 Hasil Pembelajaran	
4. 2 Peranannya dalam pembinaan tamadun Malaysia	
4.3 Teori kedatangan	
4.4 Kesan dan pengaruh Islam dalam Tamadun Melayu	
4.5 Peranan dalam pembinaan Tamadun Malaysia	
<b>Tajuk 5 : Tokoh-tokoh Tamadun Islam</b>	51-65
5.0 Sipnosis	
5.1 Hasil Pembelajaran	
5.2 Ibnu Rusyd	
5.3 Ibnu Sina	
5.4 Al-Biruni	
5.5 Al-Khawarizmi	
5.6 Al-Ghazali	

<b>Tajuk 6 : Tokoh-tokoh Tamadun Asia</b>	66-81
6.0 Sipnosis	
6.1 Hasil Pembelajaran	
6.2 Tokoh-tokoh Tamadun China	
6.2.1 Kung Fu Tze	
6.2.2 Lao Tze	
6.3 Tokoh-tokoh Tamadun India	
6.3.1 Mahatma Ghandi	
6.3.2 Sidharta Gautama Budha	
6.4 Tokoh-tokoh Tamadun Jepun	
6.4.1 Tokugawa Ieyasu	
6.4.2 Maharaja Meiji	
<b>Tajuk 7: Interaksi Tamadun Asia dan Relevansinya di Malaysia dan Dunia</b>	82-90
7.0 Sipnosis	
7.1 Hasil Pembelajaran	
7.2 Tamadun Cina dalam pemantapan tamadun Malaysia dan dunia	
7.3 Kekuatan tamadun Cina sebagai sumber rujukan	
<b>Tajuk 8 : Interaksi Tamadun Asia dan Relevansinya di Malaysia dan Dunia</b>	91-120
8.0 Sipnosis	
8.1 Hasil Pembelajaran	
8.2 Iktibar dari tamadun India : Pandangan semester dan nilai-nilai yang relevansi kepada Malaysia	
8.3 Sumbangan tamadun Jepun aspek politik , agama dan pendidikan yang relevansi kepada Malaysia	
<b>Tajuk 9 : Isu-Isu Kontemporari Tamadun Islam Dan Tamadun Barat</b>	121-142
9.0 Sipnosis	
9.1 Hasil Pembelajaran	
9.2 Hegemoni Barat & Globalisasi	
Media	
Ekonomi	
Politik	
Sosial	

Hak Asasi Manusia

9.3 Krisis Alam sekitar

9.4 Persepsi Jihad

9.5 Etika dalam Sains

9.6 Kesan perkembangan kontemporari kepada masyarakat dan negara.

**Tajuk 10 : Islam Hadhari Dan Proses Pembangunan Negara**  
**10 Prinsip:**

143-167

10.0 Sipnosis

10.1 Hasil Pembelajaran

10.2 Prinsip 1: Keimanan dan ketaqwaan kepada Ilahi

10.3 Prinsip 2: Kerajaan yang adil dan beramanah

10.4 Prinsip 3: Rakyat yang berjiwa merdeka

10.5 Prinsip 4: Penguasaan ilmu pengetahuan

10.6 Prinsip 5: Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif

10.7 Prinsip 6: Kehidupan berkualiti

10.8 Prinsip 7: Pembelaan hal kumpulan minoriti dan wanita

10.9 Prinsip 8: Keutuhan budaya dan moral

10.10 Prinsip 9: Pemeliharaan alam semulajadi

10.11 Prinsip 10: Kekuatan pertahanan

Bibliografi

168

Panel Penulis Modul

170

Ikon Modul

## PENGENALAN

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على رسول الله المبعوث رحمة  
للعالمين، ورضي الله عن الصحابة والتابعين ، ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين ،  
وبعد:

Modul kursus tamadun Islam & tamadun Asia (WAJ 3130) ini dihasilkan dan disusun khas untuk kumpulan Program Pensiswazahan Guru (PPG). Modul ini dihasilkan Berdasarkan Pro Forma Kursus bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian. Kursus tamadun Islam & tamadun Asia ini merupakan kursus wajib yang melibatkan 30 jam yang merangkumi Tajuk-tajuk penting iaitu : Pengenalan Ilmu Ketamadunan dalam Pembinaan Tamadun Malaysia, Konsep Asas Tamadun Islam, Interaksi Antara Pelbagai Tamadun, Islam dalam Tamadun Melayu Tokoh-tokoh Tamadun Islam, Tokoh-tokoh Tamadun Asia, Interaksi Tamadun Asia dan Relevansinya di Malaysia dan Dunia, Isu-isu Kontemporari Tamadun Islam Dan Tamadun Barat dan Islam Hadhari serta proses pembangunan negara.

Modul ini dihasilkan dengan merujuk buku-buku muktabar, internet dan blog sebagaimana dinyatakan dalam bibliografi. Di akhir modul ini disertakan dengan latih tubi bagi setiap tajuk untuk memantapkan ilmu pengetahuan para mahasiswa kumpulan Program Pensiswazahan Guru tentang kegemilangan tamadun masa dahulu dan masa kini.

Harapan panel penulisan agar kursus ini dapat melahirkan guru-guru yang berkualiti dan berpengetahuan luas serta berkemahiran tinggi sebagaimana tokoh-tokoh tamadun Islam dan tokoh-tokoh Tamadun Asia. Harapan panel juga agar ilmu pengetahuan yang diperolehi menerusi kursus ini dapat digunakan dalam pengejaran di sekolah.

Selamat menimba ilmu.

Panel Penulisan

Jun 2011



**TAJUK 1****PENGENALAN ILMU KETAMADUNAN DALAM PEMBINAAN TAMADUN MALAYSIA.****SINOPSIS**

Bab ini merupakan pengenalan kepada konsep tamadun. Penjelasannya dibuat berdasarkan perspektif tiga tamadun utama iaitu Tamadun Islam, Tamadun Barat dan Tamadun Melayu. Konsep perkembangan sesuatu tamadun dinilai berdasarkan hubungan yang wujud dengan elemen agama, budaya dan bangsa. Disamping itu perincian ciri-ciri penting yang melambangkan kewujudan sesuatu tamadun dipaparkan sebagai rangkuman elemen penting kewujudan dan kelangsungan sesuatu tamadun.

Unit ini mengandungi LIMA tajuk;

- 1.1: Pengenalan
- 1.2: Pengertian Tamadun Dalam Pelbagai Bahasa
- 1.3: Tamadun Menurut Sarjana Barat dan Sarjana Islam
- 1.4: Ciri-ciri Asas Tamadun
- 1.5: Faktor-faktor yang Mendorong Kelahiran Dan Perkembangan Tamadun.

**Hasil Pembelajaran**

Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat;

1. Membincangkan mengenai tamadun dalam pelbagai sudut oleh para sarjana.
2. Membincangkan ciri-ciri penting sesebuah tamadun, hubung kaitnya dengan aspek jasmani dan rohani.
3. Membezakan antara tamadun.

**1.1- Pengenalan**

Perkataan "*tamadun*" sering digunakan untuk menggambarkan kemajuan kebendaan (material) sesebuah masyarakat. Perkataan ini mula diperkenalkan oleh seorang penulis Kristian ( **Jurji Zaidan** ) yang menulis tentang sejarah Islam dan sastera Arab. Perkataan ini telah diterimapiakai sebagai perbendaharaan kata bahasa Melayu sejak zaman berzaman. Segelintir manusia masih lagi hidup dalam keadaan amat dhaif, namun pada umumnya dunia hari ini telah menempa sejarah tamadun yang tinggi. Ini terbukti dengan gaya hidup yang cemerlang, kemudahan yang canggih, kemajuan sains teknologi yang hebat, teknologi maklumat yang mengagumkan dan sebagainya. Ini di tinjau dari sudut fizikal. Bagimanapula dengan spiritual? Sikap, pegangan, nilai-nilai akhlak dan moral?. Hal ini masih boleh diperbincangkan panjang lebar. Walaupun begitu ada baiknya kita bincangkan apakah dia pengertian perkataan tamadun terlebih dahulu.

## 1.2- Pengertian Tamadun Dalam Pelbagai Bahasa

**Bahasa Latin** : *Civitas, civilis, civis dam civilitas = Civilization*. Bererti warganegara, undang-undang dan sistem pemerintahan Rom.

**Bahasa Greek** : *Kei* yang bererti kediaman (rumah) dan sesuatu yang datang kepada kita. Keimelion bererti khazanah atau harta yang disimpan.

**Bahasa Inggeris** : *Civilize* bererti memperbaiki tingkahlaku, menjinakkan dan menyelaraskan mengikut keperluan masyarakat. Ia juga bererti keluar dari kehidupan barbarian (primitif) kpd. kehidupan yang baik yakni mempunyai kehalusan akal budi dan kesopanan.

**Bahasa Tamil** : *Nakarikam, nakar* ialah kota dan ikam pula ialah pembentukan bandar.

**Bahasa Cina** : *Wen Ming, Ming* bererti cerah atau bercahaya. Jg. merujuk kpd. unsur-unsur material dan spiritual yang muncul drpd. pencapaian sejarah perkembangan manusia.

Kedua-dua Bahasa **Tamil** dan **cina** menyentuh tentang tingkahlaku yang baik.

**Bahasa Arab** : Tamadun berasal dari perkataan Arab "*maddana, yamuddunu, madinatan*" Madani adalah sifat nama yang membawa yang membawa erti sifat pembangunan, atau perbandaran serta keadaan budi bahasa yang terpuji. Ini bererti pembangunan sifat kekotaan dan insaniah di dalam diri. Lawan kepada sifat tersebut ialah "**Badw**" yang bererti kehidupan badwi. Nama **Kota Madinah** kepada suatu tempat yang dahulunya dinamakan **Yathrib**. Perkataan-perkataan lain yang biasa digunakan dalam bahasa Arab ialah *thaqafah, madaniyat, umran dan hadharah*.

*Thaqafah* dalam Bahasa Arab bermaksud kebudayaan. Menurut **Kart Wittfogel** dalam bukunya *Approaches to Asian Civilization*, iaitu ciri kebudayaan secara keseluruhan daripada sesuatu negara berdasarkan pemikiran dan kepercayaan. Dan **Arnold Toynbee** menerusi bukunya, *A Study of History* menjelaskan bahawa tamadun sebagai sejenis kebudayaan yang berkembang di dalam kota.



**Madaniyat** dalam Bahasa Arab bermaksud kota-kota. **Profesor Madya Dr. Lutfi Ibrahim** menyatakan bahawa **madaniyat** ialah kemajuan yang dicapai oleh satu-satu bangsa di dalam membangun dan memodenkan diri mereka agar dapat duduk di tahap yang lebih tinggi. Iaitu pencapaian dari segi kebendaan seperti alat teknologi dalam pertanian, pengeluaran, pengangkutan dan sebagainya, seni bina dan lain-lain lagi. Ia merupakan hubungan dengan alam sekitarnya yang bersifat kebendaan. Ia juga bersumberkan wahyu. **Abu Nasir al-Farabi** ( abad 11M ) telah memperkenalkan istilah **al-madaniyat** dalam kitabnya, *Al-Siasah Al-Madaniyat* yang membawa maksud kota, kehidupan yang berasaskan akidah, syarak dan akhlak. Istilah ini juga digunakan oleh **Muhammad Farid Wajdi** dalam kitabnya *Al-Madaniyat wa al-Islam* ( abad 20M ). Dan juga digunakan oleh **Syeikh Muhammad Abduh** di dalam risalahnya *Al-Islam wa al-Nas wa al-'Ilmu wa al-Madaniyat* dan *Tafsir al-Mannar*.


**Umrn** dalam Bahasa Arab bermaksud bangunan atau perbandaran. Istilah ini telah digunakan oleh **Ibnu Khaldun** di dalam kitabnya, *al-Muqaddimah* ( abad 14M – 19M ).

**Hadharah** dalam Bahasa Arab bermaksud kebudayaan. Menurut Ibnu Khaldun hadharah ialah sekumpulan manusia yang tinggal kekal di sesuatu tempat atau kota atau wilayah dan tanah pertanian. Istilah ini telah digunakan oleh Kurdi Ali dalam kitabnya, *Al-Islam wa al-Hadharah al-Arabiah*. **M.A.J Beg** dalam bukunya *The Image of Islamic Civilization*, menjelaskan bahawa **hadharah** dan **umran** mempunyai pengertian yang sama. Istilah **umran** lebih popular digunakan dalam abad 14M manakala **hadharah** dalam abad 20M. Menurut **Dr. Lutfi Ibrahim**, **hadharah** ialah merupakan pencapaian dalam hal kerohanian seperti pemikiran dan sebagainya yang berasaskan akidah, syarak dan akhlak. Ini merupakan hubungan manusia dengan manusia yang bersumberkan wahyu.

Kamus Dewan mendefinisikan **tamadun** sebagai keadaan kemajuan kebendaan atau pemikiran, budaya ,sosial , politik, beradaban dan dan lain-lain (Teauku Iskandar : 1994). Keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh taraf perkembangan pemikiran (sosial & budaya) yang tinggi - peradaban. Negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf perkembangan pemikiran (sosial & budaya) yang tinggi. Budaya hidup atau cara hidup orang-orang (negara, kawasan atau sesuatu zaman) tertentu. Keadaan pemikiran (budaya & sosial) yang halus.

Beberapa perkataan yang biasa digunakan dalam bahasa inggeris ialah **Culture, Renaissance, Urbanization, dan Civilization**. Adakah semua perkataan itu menyamai makna perkataan tamadun dalam bahasa Arab?

Umumnya memang terdapat perbezaan antara perkataan tersebut yang mencakupi makna dan skop perbahasan mengenainya walaupun ada ciri dan perkaitan di antara satu sama lain. **Culture, Urbanization** dan **Reneissance** mempunyai makna yang sempit dan **Civilization** dianggap mencakupi ketiga-tiga makna tersebut.



Berhenti sejenak dan fikirkan.

Lihat pula zaman Nabi Nuh as. Tentu anda tahu kemajuan yang telah dicapai pada masa itu. Ceritakan dengan rakan-rakan anda. Bagaimana pula pencapain dunia masa kini? Buat suatu kesimpulan tentang ketamadunan manusia.

### **1.3- Tamadun Menurut Sarjana Barat dan Sarjana Islam**

#### **1.3.1- Tamadun Menurut Sarjana Barat**

##### **a) *Arnold Toynbee***

Tamadun ialah sejenis kebudayaan yang berkembang di kota. Beliau menambah lagi tamadun ialah satu gaya kebudayaan yang bertanggungjawab membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama dan moral. (Mustafa Haji Daud: Tamadun Islam) atau dengan kata lain tamadun ialah suatu sistem masyarakat yang dapat membantu manusia menambah hasil pengeluaran atau produktiviti dan ia mempunyai empat elemen iaitu bahan-bahan ekonomi, sistem politik, pengetahuan dan seni.

##### **b) *A.S. Hornby dan E.C. Parnwell***

Menyatakan dalam bukunya "The Progressive English Dictionary" tamadun bermaksud "meningkatnya pencapaian hidup manusia daripada kemunduran kepada kemajuan dalam bidang sains, teknologi, politik, moral dan sebagainya.

**c) J. R. Strayer**

Menerangkan dalam bukunya “ The Mainstream of civilization” menjelaskan perkataan tamadun amat rapat hubungan dengan perbandaran. Beliau mengatakan tamadun itu lahir di bandar. (Mustafa Haji Daud: Pengantar tamadun Islam

**d) J.K. Fiebleman**

Tamadun ialah kepandaian mengeksploitasi material oleh masyarakat. Dengan perkataan lain, proses masyarakat ke atas material dengan sendiri menjadikannya barang baru bagi sesuatu keperluan.

**e) E.B. Taylor:**

Tamadun ialah suatu rangkaian rumit yang merangkumi aspek-aspek keilmuan kepercayaan, kesenian, nilai-nilai moral, perundangan, tradisi, bakat dan kebolehan yang dihasilkan oleh masyarakat.

**f) Oswarld Spengler**

Tamadun Barat lebih mementingkan kebendaan, kerana kebendaan itu membawa kepada kemajuan.

**g) Will Durant :**

Tamadun ialah peraturan masyarakat yang dapat membantu meningkatkan pengeluaran, kebudayaan dan ia merangkumi empat elemen iaitu sumber ekonomi, sistem politik, tradisi moral dan kesenian.

### **1.3.2- Tamadun Menurut Sarjana Islam**

**a) Ibnu Khaldun**

menerangkan tamadun ialah sekumpulan manusia yang mendiami sebidang tanah yang mempunyai perbekalan ekonomi yang mencukupi, keselamatan nyawa dan harta yang terjamin yang membolehkan mereka mencapai kemajuan dalam berbagai bidang.

**b) Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi**

mengatakan tamadun bermaksud kehalusan budi pekerti orang yang hidup di kota yang memiliki peraturan yang baik sehingga berjaya menghasilkan keamanan, keselamatan, kemakmuran dan penghasilan teknologi yang sempurna.

**c) Muhammad Rasyid Redha**

Agama adalah asas tamadun, Ini kerana peningkatan unsur maknawi (spiritual) akan mendorong kebanyakan fizikal. Rasionalnya semua tamadun di dunia ini ditegakkan berasaskan kepercayaan agama. Peningkatan atau kemusnahan sesuatu tamadun itu bergantung kepada keteguhan pegangan agama atau sebaliknya.

**d) Sayyid Qutb :**

Tamadun Islam ialah segala bentuk kemajuan yang dihasilkan oleh sekumpulan masyarakat.

**e) Said Hawa**

Tamadun secara umum terbahagi kepada dua kategori iaitu tamadun Islam dan tamadun Jahiliah. Tamadun Islam ialah segala aspek kemajuan yang tegak di atas kebudayaan Islam serta hasilnya relevan dengan kebudayaan itu. Manakala Tamadun Jahiliah pula ialah segala kemajuan yang dijelmakan dalam bentuk kebendaan dengan tidak mengambil kira aspek kerohanian dan moral.

**f) Umar Audah al-Khatib**

Tamadun ialah himpunan ilmu pengetahuan, syariat, peraturan tradisi dan moral yang menunjukkan keadaan pemikiran, ekonomi, akhlak, politik, kesenian dan seluruh kehidupan.

**g) Muhammad al-Bahiy**

Tamadun ialah keseluruhan penghasilan atau produktiviti yang menggambarkan nilai keperibadian manusia sama ada berbentuk falsafah, pengetahuan, kesenian, politik, kesusasteraan dan lain-lain.

### **1.3.3- Ciri-ciri Asas Tamadun**

1. Wujud penempatan masyarakat manusia di kawasan tertentu (Kota, bandar, kepolisan...)
2. Peningkatan kualiti kehidupan dan jangka hayat.
3. Wujud sistem organisasi dan institusi sosial dlm bidang politik, pentadbiran, ekonomi dan pendidikan yang sempurna.
4. Muncul satu bahasa atau beberapa bahasa serumpun dengan satu sistem tulisan tersendiri untuk berkomunikasi.
5. Wujud sistem perundangan dan sistem nilai/moral yang berkuatkuasa.
6. Peningkatan daya reka cipta dlm bidang teknologi & pembinaan.
7. Perkembangan daya kreativiti dalam bidang falsafah, kesenian, kesusteraan dan nilai estitika yang tersendiri.

### **1.3.4- Faktor-faktor yang mendorong kelahiran dan perkembangan**

1. Kedudukan yang strategik memungkinkan penggunaan sumber semulajadi demi kelangsungan kehidupan.
2. Rangsangan keagamaan dan kerohanian.
3. Penghayatan yang tinggi terhadap moral dan nilai yang terpuji.
4. Kesengsaraan hidup; Tamadun Jepun.
5. Keterbukaan dan toleransi terhadap sumbangan tamadun yang lain.

### **Kesimpulan**

Perkataan kebudayaan mengikut keterangan yang dikemukakan oleh setengah sarjana adalah sama dengan maksud tamadun. Manakala pendapat yang lain pula mengatakan kebudayaan ada sedikit perbezaan dengan tamadun dan berdasarkan pengertian-pengertian yang dinyatakan, konsep ketamadunan sepatutnya dilihat dari perspektif yang meliputi pencapaian tatasusila dan moral yang tinggi serta kemajuan petempatan dan kemudahan yang sempurna. Dalam sejarah Islam tiga istilah digunakan iaitu madaniyyah, 'umran dan hadharah yang menggambarkan pencapaian umat Islam dalam pemurnian aqidah, pelaksanaan syariah, kecemerlangan dan ketinggian akhlaq disamping ketrampilan dalam keilmuan dunia dan agama dan kemajuan kebendaan berteraskan agama.



Janakan kefahaman anda dengan menyiapkan latihan berikut

### **Aktiviti 1**

Nyata maksud "*tamadun*" dan huraikan ciri-ciri Asas Tamadun.

Perkataan "*Tamadun*" bermaksud;

**Bahasa Latin** : \_\_\_\_\_

**Bahasa Greek** : \_\_\_\_\_

**Bahasa Inggeris** : \_\_\_\_\_

**Bahasa Tamil** : \_\_\_\_\_

**Bahasa Cina** : \_\_\_\_\_

### Ciri-ciri Asas Tamadun

1. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
6. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

### Aktiviti 2

Apakah perbezaan di antara konsep tamadun mengikut kacamata Islam dengan perspektif Barat.

Perbezaan di antara konsep Tamadun Islam dengan Tamadun Barat.

Islam	Barat
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	

## Rumusan

1. Tamadun berasal dari perkataan Arab, *madana yaudunu madinatan* dan lahir sifat kata *tamadunan*. Tamadun dalam Bahasa Melayu ialah keadaan kemajuan kebendaan atau pemikiran, budaya ,sosial , politik, peradaban dan dan lain-lain. Dalam bahasa Inggeris pula perkataan yang biasa digunakan ialah **Culture**, **Reneissance**, **Urbanization**, dan **Civilazation**.
2. Sejarah ketamadunan manusia bermula seawal kewujudan Adam dan sentiasa ada peningkatan dari satu tahap kesatu tahap dan tidak akan terhenti.
3. Ramai tokoh yang memperkatakan tentang tamadun Islam sama ada atau penulis Barat mengikut kacamata dan kecenderungan masing-masing.
4. Kesimpulanya Tamadun dapatlah dikatakan sebagai suatu perubahan atau pembangunan atau kemajuan yang berlaku dalam setiap bidang kehidupan masyarakat samada berbentuk fizikal, peraturan, pentadbiran atau sebagainya dan juga pembangunan spiritual. Tamadun mementingkan kedua-dua aspek kehidupan namun pembangunan akhlak dan spiritual adalah diutamakan.



<b>TAJUK 2</b>	<b>KONSEP ASAS DAN PRINSIP TAMADUAN ISLAM</b>
----------------	---

**SINOPSIS**

Secara keseluruhan bab ini membicarakan kelahiran Tamadun Islam, konsep dan matlamat, ciri-ciri serta sifat Tamadun Islam. Selain itu, bab ini membincangkan tentang sumber-sumber Tamadun Islam serta tokoh-tokoh ilmuan Islam.

Unit ini mengandungi lima tajuk:

- 2.1: Pengertian Tamadun Islam .**
- 2.2: Ciri-ciri Tamadun Islam.**
- 2.3: Matlamat Tamadun Islam.**
- 2.4: Prinsip-prinsip Tamadun Islam.**
- 2.5: Sumber-sumber Tamadun Islam.**

### **Hasil Pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini peserta dapat:

1. Menerangkan konsep Tamadun Islam serta perbezaannya dengan Tamadun barat.
2. Menyatakan ciri-ciri Tamadun Islam
3. Menerangkan Matlamat Tamadun Islam.
4. Menyenaraikan prinsip-prinsip Tamadun Islam.
5. Menjelaskan sumber Tamadun Islam yang terdiri daripada wahyu dan akal.

### **2.1: Pengertian Tamadun Islam .**

Perkataan Tamadun merangkumi kebudayaan, peradaban, kemajuan (kebendaan dan kerohanian) dan sopan santun. Manusia tidak akan dapat mencari satu etika Tamadun jika tidak mempunyai masyarakat yang bermoral. Kemajuan Tamadun Islam tidak terbatas hanya pada kemajuan kebudayaan semata-mata, malah ia merupakan kemajuan yang serentak dengan kerohanian.

Disini dikemukakan beberapa pentakrifan "*Tamadun Islam*" oleh sarjana-sarjana Islam seperti;

- Sayyid Qutb
- Said hawa
- Umar Audah ai-Khatib

- Abu Bakar Hamzah

*Sayyid Qutb* telah mentakrifkan Tamadun Islam ialah segala bentuk kemajuan yang dihasilkan oleh sekumpulan masyarakat seperti sistem sosial, pemerintahan, Politik, ekonomi dan kebudayaan yang berteraskan syariat Allah serta bercirikan nilai-nilai moral Islam.

Manakala *Said Hawa* pula telah mentakrifkan Tamadun secara umum terbahagi kepada dua kategori iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Jahiliah. Tamadun Islam ialah segala aspek kemajuan yang tegak di atas kebudayaan Islam serta hasilnya relevan dengan kebudayaan itu. Manakala Tamadun Jahiliah pula ialah segala kemajuan yang dijelmakan dalam bentuk kebendaan dengan tidak mengambil kira aspek kerohanian dan moral.

*Umar Audah ai-Khatib* pula menyatakan Tamadun Islam ialah himpunan ilmu pengetahuan, syariat, peraturan tradisi dan moral yang menunjukkan keadaan pemikiran, ekonomi, akhlak, politik, kesenian dan seluruh kehidupan.

Dan *Abu Bakar Hamzah* mentakrifkan Tamadun Islam ialah sesuatu yang lahir dan berkembang bersama-sama dengan kehidupan manusia dan perkembangan yang lahir daripadanya, sarna ada sesuatu yang berupa niskala (nisbah) mahupun yang berupa sekala (material).

## **2.2: Ciri-ciri Tamadun Islam**

Tamadun Islam mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat diterangkan seperti berikut:

1. Sumber Tamadun Islam daripada al-Quran dan hadis (Tajuk ini akan diterangkan dalam tajuk berikut)
2. Nilai-nilai Tamadun Islam adalah tetap. Ini bermakna nilai baik dan buruk
  - a. yang menjadi ukuran untuk sesuatu tujuan atau perbuatan adalah
  - b. berasaskan kepada ajaran al Quran dan hadis bukan kepada hawa nafsu.
  - c. Sebagai contoh dalam kebudayaan Islam tidak dibenarkan sama sekali
  - d. minum arak kecuali dalam keadaan terpaksa (darurat)
3. Tamadun Islam bersifat terbuka kepada semua tamadun. Sifat ini bermaksud Tamadun Islam menerima tamadun-Tamadun asing yang telah mencapai kemajuan dalam berbagai bidang seperti pada zaman kerajaan Abbasiyah berbagai bidang ilmu daripada Greek telah diambil dan diterjemah ke dalam bahasa Arab. Hasilnya Tamadun Islam telah mencapai kegemilangan pada zaman itu. Walau bagaimanapun nilai-nilai yang bercanggah dengan ajaran al Quran dan Hadis ditolak. Di samping itu Tamadun Islam memberi sumbangan kepada kemajuan Tamadun lain umpamanya orang-orang Eropah telah mengambil khazanah ilmu dari kegemilangan Tamadun Islam di Sepanyol untuk menjayakan kemajuan di Eropah.
4. Tamadun Islam sesuai dengan sifat semula jadi manusia. Semua nilai adalah bertujuan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Nilai-nilai Tamadun Islam mendorong manusia untuk melakukan tugasnya sebagai khalifah Allah. Tugas ini bermaksud menjalankan peranan sebagai pengurus, pemimpin dan perancang kepada kemajuan dunia ini.
5. Tamadun Islam tidak terikat dengan bangsa atau daerah yang tertentu. Oleh

itu Tamadun berlaku di mana-mana seperti di kepulauan Melayu, di India, di Selatan Filipina dan sebagainya.


6. Tamadun Islam tidak tertakluk kepada masa-masa yang tertentu. Oleh itu Tamadun Islam boleh berlaku pada zaman Nabi Muhammad (rasul) sehingga zaman kini. Dalam hal ini tidak tepat sekiranya Tamadun Islam itu dikatakan hanya berlaku pada zaman Rasul atau zaman pertengahan.
7. Semua kemajuan yang dicapai semasa pemerintahan Islam dikira Tamadun Islam selagi tidak bertentangan dengan ajaran islam. Sesuatu ciptaan yang dibuat oleh bukan Islam tetapi di arah oleh pemerintah Islam dikira sebagai Tamadun Islam.



Terangkan perbezaan takrif Tamadun mengikut sarjana Barat dan Islam.

### 2.3: Matlamat Tamadun Islam

Matlamat Tamadun Islam terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Huquq Allah (Hubungan Manusia dengan Allah), Huquq al-'Ibad (Hubungan Manusia Sesama Manusia), Huquq al-Alam (Hubungan Manusia Dengan Alam Sejagat) hanya untuk menyempurnakan perhubungan tiga dimensi seperti rajah di bawah.



#### a) Huquq Allah (Hubungan Manusia dengan Allah)

Matlamat Tamadun Islam tidak dapat dipisahkan dengan matlamat hidup manusia sebagai hamba Allah dan khalifah Allah. Hamba Allah bermaksud melakukan ibadat hanya kepada Allah. Oleh itu sekiranya seseorang itu melakukan sesuatu ciptaan baru ia bermatlamat untuk mendapat keredaan Allah semata-mata bukan kerana hendak berbangga-bangga dengan perkara yang dihasilkan.

Islam tidak menentukan bahawa pemikiran manusia hanya terhad sekadar untuk memikirkan alam ini semata-mata. Ia menyuruh manusia berfikir lebih jauh dari itu, dengan menumpukan pemikiran kepada Allah Pencipta Alam ini dan segala yang terkandung di alam ini. Islam

menyeru penganutnya agar menghidupkan rasa perhubungan dengan Penciptanya kerana Dialah (Allah SWT) yang memudahkan dan mengurniakan ahli-ahli fikir untuk mencipta pelbagai ciptaan dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan dan manfaat manusia sejagat. Ini bermakna, tumpuan tidak hanya sekadar pada bidang pembangunan dengan menggunakan atau mengeksploitasi segala sumber dalam alam ini.

Hubungan manusia dengan Penciptanya, Allah SWT merupakan matlamat yang terpenting dan terakhir untuk dituju dalam kehidupan. Inilah hubungan yang paling tinggi berbanding dengan hubungan lain seperti hubungan dengan keluarga, kaum dan bangsa, jenis manusia, kebendaan dan sebagainya. Hubungan-hubungan lain ini merupakan makhluk Allah yang lain daripada perhubungan manusia dengan-Nya. Hakikatnya, hubungan mulia manusia dengan manusia dan alam lainnya akan kembali kepada hubungan yang kudus dengan Pencipta Alam itu sendiri. Maka itu, hubungan dengan Allah SWT adalah yang tertinggi, unggul, kudus, bahagia dan suci murni. Hubungan dengan Allah SWT adalah setinggi-tinggi martabat yang melahirkan suatu kenikmatan tidak terhingga kepada jiwa yang bersih dan suci.

Dalam konteks ini, Pencipta Alam inilah yang memerintah dan menguasainya tanpa membatakannya. Firman Allah SWT bermaksud:

*Katakanlah; Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatiri kerugian, dan rumah-rumah kediaman yang kamu sukai adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul-Nya dan daripada berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang fasik.*

(surah Al-Taubah, 9:24)

Oleh sebab itu, hubungan manusia dengan pencipta-Nya, Allah SWT adalah suatu bentuk hubungan yang unik, berkekalan dan mutlak serta tidak menyamai atau dapat dibandingkan dengan sebarang bentuk hubungan lain. Bentuk hubungan lain tidaklah sebegitu serta tidak dapat menyamai atau dibuat perbandingan. Umpamanya, hubungan dengan para rasul merupakan hubungan untuk mengambil petunjuk dan teladan daripada tingkah laku dan aktiviti mereka (sunnah), serta mematuhi ajaran yang dianjurkan oleh mereka, di samping mencintai sifat-sifat peribadi mereka yang begitu unggul, tetapi bukanlah hubungan perhambaan, kerana para rasul itu sendiri ialah hamba-hamba Allah SWT. Allah SWT berfirman yang bermaksud

*"Isa itu tidak lain hanyalah seorang hamba yang kami kurniakan kepadanya nikmat (kenabian) dan kami jadikan dia sebagai tanda bukti (kekuasaan Allah) untuk Bani Israel"*

## **b) Huquq al-'Ibad (Hubungan Manusia Sesama Manusia)**

Masyarakat Islam merupakan suatu masyarakat yang berbentuk sejagat, yakni tidak bersifat perkauman, tidak bersifat kebangsaan dan tidak terbatas dalam lingkungan sempadan geografi dan politik, lebih berbentuk kesatuan ummah. Hubungan dengan masyarakat bukan Islam tidak dibataskan sama ada kerana perbezaan jenis, warna kulit, bahasa dan bangsa, malah tidak juga memandang keyakinan dan kepercayaan individu, sebaliknya mementingkan hubungan baik, saling menghormati, bertoleransi dan berdisiplin. Bagi masyarakat Islam, hanya terdapat satu usuran untuk mendapat tempat utama di sisi Khaliq. Iaitu ketakwaan dan ketaatan kepada-Nya, di samping berbuat baik kepada hamba-hamba-Nya. Firman Allah SWT bermaksud

*“Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, lalu Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu saling kenal-kenalan. Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ahila yang paling takwa di antara kamu”* (surah Al-Hujuraat 49:13)

Dalam konteks ini, Rasulullah SAW juga telah memberikan penegasan tentang umat dan berkait pula dengan masyarakat Islam, dalam sebuah hadis Baginda yang bermaksud :

*“Tidak ada kelebihan seorang Arab dengan seorang ‘Ajam, kecuali kerana takwanya”*  
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)

Ini menunjukkan bahawa idea diskriminasi ras atau perkauman sudah dihapuskan dalam masyarakat Islam sejak zaman Rasulullah SAW lagi, dan sebaliknya membuka pintunya kepada seluruh umat manusia di atas bumi ini atas dasar persamaan yang sempurna dan di atas landasan perikemanusiaan yang murni. Atas dasar ini, semua manusia berhak untuk berhimpun dalam pangkuan Islam dan di bawah perlindungan sistem sosialnya. Namun begitu, dalam Islam wujud peranan dan tanggungjawab yang berbeza antara orang Islam(muslim)dengan orang Islam yang lain dan antara orang Islam dengan bukan Islam di dalam sesuatu masyarakat. Dengan itu, Islam mewajibkan kepada pemerintah-pemerintah Islam supaya menjaga kepentingan bukan Islam dengan seadil-adilnya, di samping terhadap orang Islam sendiri. Kezaliman, kekerasan dan penganiayaan sesama manusia tanpa mengira orang Islam atau bukan Islam ditolak dengan keras menurut ajaran Islam.

Kepentingan hubungan antara manusia dengan sesama manusia ditonjolkan dalam ajaran Islam. Ini termasuklah sebagaimana dinyatakan dalam beberapa hadis Rasulullah SAW antaranya yang bermaksud “Orang Mukmin itu dengan Mukmin yang lain adalah laksana satu bangunan, bahagian yang satu menguatkan bahagian yang lain” (diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim). Menurut sabda Rasulullah SAW lagi, yang bermaksud: Bandingan orang-orang Mukmin mengenai kasih sayang mereka, belas kasihan mereka dan timbang rasa mereka adalah laksana sebatang tubuh, jika satu anggota mendapat sakit, maka seluruh anggota yang lain turut merasai sakit tanpa tidur dan merasa demam(panas) (diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Berdasarkan hubungan manusia sesama manusia, hubungan yang begitu erat dan kasih sayang yang kukuh, merupakan satu bentuk keharmonian dan disiplin yang tinggi. Ini merupakan gambaran yang jelas bahawa Tamadun Islam begitu mementingkan hubungan sesama manusia.

Melalui tanggungjawab sebagai khalifah Allah manusia diberi ganjaran yang besar sekiranya ia berkorban masa dan waktu untuk mencipta sesuatu perkara baru yang memberi manfaat kepada manusia. Ciptaan perisian computer yang baru sudah tentu memudahkan ramai orang untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

### **c) Huquq al-Alam(Hubungan Manusia Dengan Alam Sejahtera)**

Khalifah Allah bermaksud membangunkan alam, menguruskan alam dan mentadbir Alam. Menjadi tanggungjawab manusia menguruskan alam dengan sebaik-baiknya. Manusia dikehendaki membuat kebajikan kepada manusia.

Selain daripada memberi sumbangan kepada manusia, menjadi tugas setiap insan membangunkan dengan baik alam sekitar yang meliputi pokok-pokok, binatang cekerawala dan sebagainya. Tidak dibenarkan sama sekali merosakkan alam ini Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Telah menjadi nyata kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia.....Allah menjadikan mereka merasakan sebahagian daripada perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar.” (al-Rum:41)

Ayat ini menerangkan bahawa kerosakan yang berlaku pada alam ini disebabkan oleh perbuatan manusia (seperti membuat pencemaran sungai dan udara). Akibatnya mereka menanggung kesusahan daripada perbuatan jahat tersebut.

Manusia mesti ingat bahawa Allah menjadikan alam untuk kepentingan manusia sejangat. Perkara ini dijelaskan dalam al Quran sebagaimana firmannya yang bermaksud:

“Allah yang menjadikan langit dan bumi dan ia menurunkan dari langit air, maka ia mengeluarkan dengannya buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu. Dan ia memudahkan bagi kamu kapal untuk kamu berjalan di laut dengan ketentuan daripadanya dan dimudahkan untuk kamu sungai-sungai, disediakan malam dan siang dan ia mendatangkan untuk kamu segala sesuatu yang kamu bermohon daripadanya.” (Ibrahim: 32-34)

## Kesimpulan

Matlamat Tamadun adalah untuk menjaga tiga dimensi perhubungan manusia. *hablum mina Allah* iaitu hubungan manusia dengan Allah s.w.t, *hablum mina al-nas* iaitu hubungan manusia dengan manusia dan *huquq al alam* iaitu hubungan manusia dengan alam.

Islam adalah agama fitrah yang pada asalnya dipunyai dan dimiliki semua manusia dan bersumber daripada Allah SWT. Ia mempunyai tujuan dan matlamat yang telah ditetapkan oleh Pencipta-Nya sendiri, iaitu

Allah SWT. Justeru, Tamadun Islam juga turut mempunyai tujuan dan matlamat, kerana sesuatu yang tidak mempunyai matlamat, tujuan atau objektif adalah sesuatu yang tidak bernilai dan bahkan sia-sia semata-mata. Matlamat Tamadun Islam dapatlah diringkaskan seperti berikut:


Ia bermatlamat menyempurnakan manusia secara menyeluruh. Justeru, Islam secara Idealnya, menghendaki dan menetapkan sistem dan peraturan supaya manusia mencari, mencipta, membangun, memajukan diri dan mempergunakan segala-gala yang disediakan oleh Allah SWT dalam alam ini untuk kebaikan dan manfaat semua manusia. Secara realitinya, manusia hanya perlu melaksanakan sistem dan peraturan tersebut dalam pembinaan dan pembentukan Tamadun mereka. Dengan pelaksanaan sistem ini, seluruh kebaikan dan manfaat dalam pencapaian dan kemajuan Tamadun tersebut akan kembali kepada manusia semula secara menyeluruh. Hal ini kerana, matlamat Tamadun Islam adalah segala-galanya daripada Allah SWT, kembali kepada Allah SWT dan untuk Allah SWT selama-lamanya.



Huraikan matlamat Tamadun Islam yang berkaitan dengan alam sekitar

## 2.4: Prinsip-Prinsip Tamadun Islam

Prinsip Tamadun Islam ialah memelihara keselamatan nyawa, akal, keturunan (maruah), harta dan kebebasan.



### Prinsip 1 : Memelihara Keselamatan Nyawa

Tamadun Islam meletakkan keselamatan nyawa di tempat paling utama. Membunuh adalah dilarang sama sekali. Dalam al-Quran menjelaskan :

“Dan janganlah kamu membunuh bangsamu sendiri . Sesungguhnya Tuhan itu penyayang kepadamu” (al-Nisa, 29)

Dalam ayat yang lain Allah menjelaskan: “Bahawa siapa yang membunuh seorang manusia bukan kerana hukuman pembunuhan atau kerana membuat bencana dalam negeri, maka bererti orang itu telah membunuh manusia seluruhnya.” (al-Maidah:32)

### Prinsip 2 : Memelihara Akal

Keselamatan akal juga diutamakan dalam Tamadun Islam kerana dengan akal manusia boleh menguruskan alam ini. Oleh itu Islam mengharamkan sesuatu perkara yang boleh merosakkan akal. Arak diharamkan kerana boleh merosakkan akal manusia. Perkara ini dijelaskan oleh al Quran seperti terjemahan berikut:

“Wahai orang yang beriman sesungguhnya meminum arak, berjudi, berkorban untuk berhala, mengundi nasib dengan panah adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu memperoleh keuntungan. (al-Maidah: 90)

### **Prinsip 3 : Memelihara Maruah**

Keselamatan keturunan dan maruah dapat dipelihara dengan cara menjauhkan diri daripada melakukan zina, homoseks dan lesbian. Perbuatan zina meosakkan keturunan kerana anak yang lahir ketiadaan bapa. Perbuatan lesbian dan homoseks pula menjadikan pasangan itu tidak mempunyai anak dan merupakan perbuatan terkutuk. Umat nabi Lut yang mengamalkan perbuatan homoseks telah dilaknat oleh Allah dengan cara menelompokkan bumi tempat tinggal mereka. Akibat daripada sek tanpa kahwin melahirkan jenayah-jenayah yang lain seperti pengguguran bayi dan pembunuhan bayi. Dalam al-Quran Allah menerangkan:

“Dan janganlah kamu menghampiri zina kerana ia merupakan perkara keji dan seburuk-buruk cara” (Israk: 32)

Hukuman yang berat dikenakan kepada pesalah-pesalah zina. Pukulan dengan rotan sebanyak seratus kali dikenakan kepada teruna dan dara dan rejam sampai mati dikenakan kepada pesalah yang telah berkahwin.

### **Prinsip 4 : Memelihara Harta Benda**

Harta adalah perlu dijaga supaya tidak hilang. Oleh itu orang yang memiliki harta disuruh supaya menjaganya dengan baik. Sesiapa yang mencuri akan dikenakan hukuman yang berat iaitu potong tangan. Firman Allah yang bermaksud:

*“lelaki dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya sebagai pembalasan bagi apa yang telah dikerjakan dan sebagai seksaan daripada Allah.” (al-Maidah:38)*

Berjudi dilarang sama sekali dan dimurkai oleh Allah. Semua peminat judi mengetahui bahawa amalan berjudi menghapuskan harta dan merupakan ajakan syaitan untuk memusnahkan harta yang dikumpul oleh manusia.

### **Prinsip 5 : Menjaga Hak Kebebasan**

Tamadun Islam mementingkan kebebasan. Manusia diminta supaya bebas daripada beragama secara ikutan. Manusia dikehendaki beragama kerana betul-betul yakin bahawa agama yang dianuti itu adalah agama yang benar yang diturunkan oleh Allah. Tidak dibenarkan beragama kerana mengikut ibu dan bapa. Manusia juga diminta supaya bebas daripada kesesatan. Akal manusia sahaja tidak dapat mengetalsalhui perkara-perkara ghaib seperti syurga dan neraka. Oleh itu akal manusia memerlukan pertunjuk daripada al-Quran bagi menerangkan perkara-perkara yang tidak dapat difikirkan oleh akal.

Umat Islam tidak boleh mamaksa orang-orang bukan Islam memeluk agama Islam. Cara yang baik ditunjukkan oleh al-Quran ialah melakukan dakwah dengan bijaksana. Walau bagaimanapun sekiranya orang-orang bukan Islam mengkhianati orang-orang Islam, perang jihad adalah dibenarkan.





Huraikan keselamatan nyawa, harta, maruah, akal dan kebebasan.

## 2.5: Sumber-Sumber Tamadun Islam

Sumber-sumber ketamadunan Islam dibahagikan kepada dua iaitu;

- a) Sumber Samawi (Wahyu)
- b) Sumber Wad'ie ( bukan berasaskan wahyu)

Sumber Samawi dikategorikan sebagai Agama Yahudi ( diturunkan Kitab Zabur dan Taurat), Agama Nasrani (diturunkan Kitab Injil) dan Agama Islam ( diturunkan al-Quran).

Sumber Wahyu dalam Tamadun Islam bermaksud ajaran-ajaran yang disampaikan oleh Allah kepada Nabi Muhammad melalui malaikat Jibril.

Sumber utama Tamadun Islam ialah Sumber Wahyu atau Naqli, ia dibahagikan kepada dua: al-Quran dan Hadis.

### AL-Quran

Al-Quran ialah semua ajaran yang disampaikan oleh Allah kepada Nabi Muhammad yang berlaku selama 23 tahun. Muhammad Abdul Jabbar Beg memetik pendapat M. Ali yang mengatakan "al-Quran merupakan pencetus revolusi kelahiran Tamadun Islam" Kandungan al-Quran secara ringkas mengandungi perkara yang berkaitan aqidah, syariat, akhlak, janji baik/jahat, cara-cara untuk mendapat kebahagiaan dan kisah orang yang menurut perintah Allah atau melanggar perintah Allah.

### Hadis

Hadis ialah kata-kata (selain Quran), perbuatan, dan perlakuan diam Nabi Muhammad. Peranan hadis ialah mentafsir dan menerangkan maksud al-Quran, mengulang dan menyokong kenyataan al-Quran, dan menjelaskan perkara-perkara yang tidak disebut dalam Quran. Sebagai contoh dalam al-Quran tidak menyebut bagaimana cara rukuk dan sujud, maka Nabi telah melakukan perbuatan tersebut.

### Contoh Hadis.

Rasulullah bersabda yang bermaksud "*Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad*" ( *Perkataan* )

Sabda Rasulullah, “ *Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang*” ( *Perbuatan* )

Nabi berdiam diri ketika melihat tentera-tentera Islam memakan dhab ( *Diam* )

Hasil daripada ajaran-ajaran yang disampaikan oleh al-Quran dan Hadis lahirlah bentuk Tamadun atau kebudayaan umat Islam umpamanya sistem perbankan tanpa faedah dan pakaian yang menutup aurat.

Sumber sokongan pula adalah merujuk kepada sumber yang bukan berasaskan wahyu yang mana ianya diambil dari keupayaan manusia menggunakan sebarang usaha dan potensinya. Antara keupayaan berikut adalah;

- a) Akal
- b) Penemuan Baru dan Warisan
  - i-Pancaindera yang lima
  - ii-Pengalaman dari kehidupan
  - iii-Adat dan norma masyarakat.

### **Akal**

Akal boleh dijadikan sumber Tamadun kerana akal memang merupakan suatu daya yang membolehkan manusia merancang dan bergerak. Akal boleh digunakan untuk membuat tafsiran dan bertindak. Walau bagaimanapun keputusan akal akan hanya dipakai jika tidak bertentangan dengan al-Quran.


Akal digunakan dalam ijtima' ulamak dan kias iaitu dengan berijtihad menggunakan akal fikiran dalam membuat sesuatu keputusan. Setelah berijtihad baharulah dikeluarkan pendapat yang merupakan ijtima' ulamak

### **Penemuan Baru dan Warisan**

Penemuan baru dalam berbagai bidang hasil penemuan dan penyelidikan boleh dijadikan sumber Tamadun Islam. Sains dan teknologi boleh diterima selagi tidak melanggar prinsip-prinsip Islam. Warisan yang baik boleh diambil dan diterima untuk Tamadun Islam.

Contonya bentuk-bentuk bangunan yang berunsur / lambang sesuatu bangsa. Boleh diterima dalam Tamadun Islam setelah diubah sesuai dengan kehendak dan acuan Islam sendiri.

Banyak ciptaan-ciptaan baru dihasilkan pada zaman kegemilangan kerajaan Abbasiyah dan kerajaan Islam di Sepanyol. Sejarah membuktikan bahawa banyak bahan-bahan Tamadun daripada Greek, Rom dan India telah diterima sebagai sumber Tamadun Islam . Sumber-sumber tersebut menjadi bahan pemikiran untuk menghasilkan Tamadun baru. Semua bahan yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam diterima sebagai sumber tamadun.



LAN

Terangkan al Quran dan Hadis sebagai sumber Tamadun Islam.

1. Dengan menggunakan peta minda huraikan ciri-ciri Tamadun Islam.

2. Huraikan keselamatan nyawa, keselamatan keturunan dan keselamatan kebebasan mengikut Tamadun Islam.

## **RUMUSAN**

- Pengertian Tamadun mengikut sarjana Islam dan Barat tidak ada perbezaan.
- Tamadun Islam mempunyai ciri-ciri yang tertentu seperti bersumberkan al Quran dan Hadis, dan meliputi semua tempat dan masa.
- Tamadun Islam mengutamakan kesematan nyawa, harta, akal, maruah dan kebebasan.
- Sumber Tamadun Islam ialah al-Quran, hadis dan akal.
- Matlamat Tamadun Islam untuk mengabdikan kepada Allah, berbuat baik kepada manusia dan menggunakan alam sekitar untuk tujuan yang memberi manfaat.

**TAJUK 3****INTERAKSI ANTARA PELBAGAI TAMADUN (MELAYU, CHINA DAN INDIA)****SINOPSIS**

Bab ini membincangkan tentang interaksi antara tamadun Melayu, China dan India. Perbincangan dilihat dalam dua zaman perkembangan pra-penjajah Barat dan zaman penjajahan Barat. Kewujudan interaksi ini dilihat berdasarkan sejarah kedatangan Bangsa Cina dan India ke alam Melayu dari segi hubungan perdagangan, diplomatik, penghijrahan serta penempatan kekal sebagai penduduk. Disamping itu, proses interaksi antara tamadun ini memberi kesan kepada percampuran budaya antara tamadun. Kesan integrasi ini boleh dilihat dalam penggunaan bahasa dan kesusasteraan Melayu serta budaya dan kesenian.

Unit ini mengandungi lima tajuk:

**3.1: Tamadun Melayu.**

**3.2: Tamadun Cina**

**3.3: Tamadun India**

**3.4: Tamadun Jepun**

**3.5 : Tamadun Eropah**

**3.6 : Nilai-nilai Universal antara Tamadun**

**3.7 : Persamaan Dan Perbezaan**

**3.8 : Contoh-contoh Interaksi Dalam Sejarah (Bahasa, Kesenian dan Kesusasteraan)**

**Hasil Pembelajaran**

Di akhir bab ini, pelajar dapat

- 1- Mengetahui jalinan sejarah interaksi antara Tamadun Melayu, China dan India.
- 2- Mendalami kesan interaksi yang wujud hasil interaksi antara Tamadun Melayu, China dan India.
- 3- Memahami ciri-ciri persamaan yang dikongsi bersama antara Tamadun.
- 4- Memahami ciri-ciri perbezaan yang wujud antara Tamadun.

## **Pengenalan**

Setiap Tamadun yang pernah wujud mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri tersendiri dalam memastikan kelangsungan dan perkembangannya. Kesinambungan dari kelangsungan sesebuah Tamadun itu sebenarnya hasil sikap terbuka dalam menerima sebarang perubahan dan pengaruh Tamadun lain. Sesungguhnya wujud saling hubungan atau interaksi antara Tamadun sama ada di peringkat perkongsian nilai, pemikiran, institusi dan keinsanan yang berlaku sepanjang sejarah. Saling hubungan seperti ini dilihat telah melahirkan kesan-kesan positif dan negatif. Interaksi antara Tamadun India dan China telah memberi kesan positif iaitu penyebaran agama Buddha, teknologi pengeluaran gula daripada tebu, astronomi dan kesusasteraan India dikembangkan di negara India. Sebaliknya, pengetahuan membuat kertas, bahan letupan dan penggunaan kompas dari Tamadun China dapat dipelajari oleh Tamadun India. Kesan negatif hasil interaksi Tamadun ialah penduduk Kristian Eropah telah membunuh orang Yahudi secara beramai-ramai pada abad ke-9, ke-18 dan Perang Dunia Kedua disebabkan faktor agama, falsafah, ketidakseimbangan ekonomi dan sosial. Kewujudan interaksi antara tamadun lahir disebabkan oleh semangat toleransi yang tinggi serta sikap saling menghormati antara sesebuah Tamadun dengan sesebuah Tamadun yang lain. Keterbukaan seperti ini memungkinkan berlakunya percambahan pemikiran dan budaya lalu mengelakkan kebekuan atau kejumudan yang boleh menyebabkan kemerosotan sesebuah Tamadun.

## **Sejarah Interaksi Tamadun Melayu Dan Tamadun China Zaman Pra-Penjajah Barat**

Hubungan antara China dengan Alam Melayu sudah lama wujud iaitu sebelum permulaan tahun Masihi sejak zaman Dinasti Han (140-117 S.M). Semasa pemerintahan Sun Quan (222-252 M), dua orang utusannya telah melawat Funan dan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu serta mengadakan hubungan diplomatik dengan mereka. Pemerintahan zaman Dinasti Tang (618-907 M) telah mewujudkan hubungan diplomatik dengan negara luar melalui pembukaan tujuh jalur jalan dagang dengan dunia luar, satu daripadanya ialah perjalanan laut dari Guangzhou dengan India, Parsi dan Arab melalui Alam Melayu seperti Semenanjung Tanah Melayu, Srivijaya, He-Ling (Jawa) dan lain-lain. (Hashim Hj. Musa, 2005 : 144).

Dinasti Song (960-1279) juga telah meneruskan hubungan baik dengan negerinegeri luar tetapi menumpukan lebih banyak kepada bidang perniagaan terutama dengan negeri-negeri di Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat. Hubungan paling gemilang dan bermakna antara Alam Melayu dengan China ialah yang dijalinkan antara Kesultanan Melaka dan Dinasti Ming dalam abad ke-15. Persahabatan antara Melaka dan China wujud sebelum itu lagi apabila seorang utusan Raja China sampai di Melaka pada tahun 1403 dan Parameswara membalas dengan satu perutusan ke China pada tahun 1405. Laksamana Cheng Ho telah membawa hadiah bingkisan daripada Raja China, yang dibalas pula oleh Parameswara pada tahun 1407. Seterusnya beberapa orang Raja Melaka telah melawat China iaitu Parameswara (1411), Megat Iskandar Syah (1414), Sultan Muhammad Syah (1424) dan Sultan Abu Syahid (1445) (Hashim Hj. Musa, 2005: 145).

Interaksi dan pertalian kerajaan Tamadun Melayu dengan Tamadun Cina pada zaman pra-penjajah Barat tidak banyak membuahkan kesan mendalam dan besar ke atas Tamadun Melayu. Ini kerana kedatangan orang Cina ke Alam Melayu dan negara-negara luar lain pada zaman itu tidak didorong oleh perasaan hegemoni dan niat untuk menjajah dan mendominasi negara-negara itu. Sikap mereka saling hormat-menghormati dan mengiktiraf kedudukan dan kewibawaan kerajaan dan ciri budaya masing-masing. Bahkan ada kecenderungan pada pihak China untuk mempelajari dan memanfaatkan khazanah budaya bangsa Tamadun tempatan, contohnya I-Ching yang belajar dan berkarya di Srivijaya selama belasan tahun. Begitu juga Laksamana Muhammad Cheng Ho dan orang-orangnya apabila melawat Melaka pada zaman kesultannya. (Hashim Hj. Musa, 2005: 146).

### **Zaman Penjajah Barat**

Sebelum kedatangan British bilangan masyarakat Cina terlalu kecil dan terlibat dalam bidang perniagaan. Penghijrahan secara beramai-ramai orang Cina ke Tanah Melayu berlaku selepas Inggeris mengambil alih Pulau Pinang pada tahun 1826, Singapura pada tahun 1819 dan penubuhan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826. Kebanyakan mereka berasal dari wilayah Kwangtung dan Tukuin, Amoy, Sen-Yu, Hok-Chiu, Eng Chon dan lain-lain. Mereka terlibat dalam sektor perlombongan di Lukut, Sungai Ujong, Larut, Kelang dan Kuala Lumpur. Di samping itu orang Cina dibawa masuk ke Johor melalui sistem Kangchu yang membenarkan mereka bekerja di ladang lada dan gambir. (Hasnah, Matdiana, 2000: 155).

Namun dari segi interaksi dan pengaruh budaya antara masyarakat Cina dan Melayu terdapat jurang yang luas. Antara sebabnya kawasan penempatan yang berasingan; orang Cina tertumpu di kawasan bandar terutama sekali di kawasan perlombongan seperti Kuala Lumpur yang mempunyai 79% daripada penduduk seramai 43,786 pada tahun 1891 adalah orang Cina. Polisi pentadbiran Inggeris juga secara sengaja memisahkan penempatan antara kaum ini. Kawasan penempatan orang Cina juga merupakan kawasan yang berdikari (self-contained) dengan penduduknya tidak perlu berinteraksi dengan orang luar untuk kelangsungan hidup mereka (Hashim Hj. Musa, 2005 : 148-149).

### **Sejarah Interaksi Tamadun Melayu Dan Tamadun India Zaman Pra-Penjah Barat**

Menurut Himansu Bhusan Sarkar (1970) dalam *Some Contribution Of India To Ancient Civilization Of Indonesia And Malaysia*, interaksi Tamadun India dan Tamadun-tamadun Asia bermula kira-kira 2000 tahun yang lalu (Amran, 1995 : 120). Faktor perdagangan memainkan peranan penting dalam interaksi tersebut melibatkan laluan sutera yang melintasi Asia Tengah dan jalan laut melalui Selat Melaka. (Hall, 1981 : 23). Negara terawal muncul yang mendapat pengaruh India ialah Funan sekitar akhir kurun ke-2 Masihi, bertapak di Muara Sungai Mekong dengan pelabuhannya Oc Eo. Selain itu ada beberapa buah negeri lain yang diandaikan muncul dan menerima pengaruh India antaranya Langkasuka, Kedah, Kuala Selinsing dan Tanah Merah di Semenanjung, Kam-to'-li di Sumatera, Taruma di Jawa dan Kutei di Borneo. (Hashim Hj. Musa, 2005 : 138).

Pada zaman kesultanan Melayu Melaka, pedagang India merupakan golongan pedagang yang utama. Mereka datang daripada pesisir Koromandel, Kalingga, Benggala dan Gujerat (Cambay, Surat dan Randir). Ada yang tinggal menetap di Melaka dan sesetengahnya berkahwin dengan wanita dari golongan bangsawan Melayu yang seterusnya diterima dalam kalangan pembesar Melaka. Tun Ali, anak kepada seorang pemborong permata Tamil Muslim yang telah berkahwin dengan anak Sri Nara Diraja pada zaman Sultan Muhammad Syah (1424-1444) telah dilantik menjadi Sri Nara Diraja menggantikan datuknya, yang seterusnya melahirkan pembesar-pembesar dan pemerintah Melaka dari keturunan Melayu Tamil. Cucunya Raja Kasim telah menjadi Sultan Melaka dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah yang masyhur itu (1446-1456). Keturunan Tun Ali juga telah melahirkan pembesar-pembesar seperti Temenggung Tun Tahir, Bendahara Tun Mutahir dan Temenggung Tun Husain. Raja Mendaliar seorang pedagang Keling telah dilantik menjadi Shahbandar Melaka semasa pemerintahan Sultan Mahmud (1488-

1500). Khoja Hasan berasal daripada Parsi atau Utara India telah berkahwin dengan anak Hang Tuah dan dilantik menjadi Laksamana menggantikan Hang Tuah.

### **Zaman Penjajahan Barat**

Kedatangan dan perpindahan orang India ke Semenanjung Tanah Melayu bermula abad ke-19 selepas Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani. Khidmat mereka diperlukan sebagai buruh di ladang tebu, kopi dan teh dan kebanyakan mereka orang Tamildan Telegu dari wilayah Andhra Pradesh. Di samping itu, pihak Inggeris membawa masuk orang Ceylon dan Malayalee untuk berkhidmat sebagai kerani, pembantu hospital serta mengawas dan menyelia ladang-ladang kerana mereka berpendidikan Inggeris. Peningkatan jumlah orang India di Tanah Melayu semakin pesat menjelang tahun awal abad ke-20. Sehingga tahun 1931 terdapat seramai 132,277, orang India di negeri-negeri Selat, di negeri-negeri Melayu Bersekutu seramai 379,996 dan di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu seramai 110,951 orang (Malaysia Kita, 2000: 176-177).

Namun kedatangan kaum India pada zaman penjajah British berbeza dengan pada zaman Srivijaya dan Kesultanan Melaka. Ini kerana pendatang India zaman prapenjajah terdiri daripada kelas tinggi dan diserap masuk ke dalam institusi istana dan institusi negeri yang lain. Pendatang India zaman penjajah kebanyakannya terdiri daripada kelas rendah, menetap dalam kawasan geografi dan sosial yang tersendiri serta terasing. Oleh demikian, proses dengan masyarakat setempat terutamanya orang Melayu tidak meluas dan berkembang. Faktor tersebut menyebabkan peranan mereka ke atas masyarakat dan budaya Melayu amat minimum.



## **Nilai-nilai Universal Antara Tamadun**

### **Institut Keluarga Dan Komuniti Tamadun Islam**

Tamadun Islam yang berasaskan ajaran al-Quran memberi kepentingan dalam hubungan kekeluargaan. Hubungan anak-anak dengan ibu bapa berasaskan kepada hak dan tanggungjawab. Islam menegaskan hak terhadap anak mestilah dilaksanakan sejak anak itu di dalam kandungan;

- Ibu bapa bertanggungjawab memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak-merangkumi pendidikan agama dan kemahiran.
- Anak-anak tidak boleh menderhaka terhadap ibu bapa kerana keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibu bapa.
- Konsep keadilan menjadi asas di dalam sistem keluarga Islam.

### **Tamadun China**

Keluarga merupakan unit asas dalam Tamadun China. Ajaran Confucius menjadi asas kepada Tamadun China-pentingkan hubungan kasih sayang dan hierarki kuasa. Konsep 'li' menekankan 5 jalinan hubungan sesama manusia:-

- a) hubungan maharaja dengan rakyat
- b) hubungan bapa dengan anak
- c) hubungan abang dengan adik
- d) hubungan suami dengan isteri
- e) hubungan kawan dengan kawan

Anak-anak tidak boleh menderhaka kepada kedua ibu bapa. Konsep ketaatan yang kental kepada ibu bapa menyebabkan masyarakat cina mengadakan upacara mengingati nenek moyang-bertujuan mengucapkan terima kasih dan menunjukkan ketaatan kepada nenek moyang dan ibu bapa yang telah meninggal.

## **Tamadun India**

Unit penting dalam Tamadun India.

Pembinaan keluarga mempunyai matlamat untuk membentuk sistem sokongan yang berbentuk fizikal dan kerohanian, di samping menjadi penerus zuriat. Keluarga bersama ialah bentuk yang paling menonjol dalam sistem kekeluargaan India. Walaupun hubungan darah yang dikiradaripada anggota lelaki daripada keluarga yang sama merupakan asas ikatan kekeluargaan tetapi yang lebih penting ialah ikatan yang didasarkan oleh perasaan kasih sayang dan rasa hormat

## **Komuniti Tamadun Islam**

Komuniti atau masyarakat adalah unit yang penting dalam Tamadun Islam. Ikatan sesama anggota komuniti tidak hanya ditentukan oleh hubungan kekerabatan, malah hubungan sesama agama (ukhwah) dan hubungan sesama manusia yang merangkumi hubungan orang Islam dengan jiran yang bukan Islam.

Tamadun Islam menggariskan hak dan tanggungjawab individu Islam terhadap jirannya dan peringkat-peringkat ikatannya dengan jiran tersebut.

Asas hubungan individu dalam Islam:

- a) ikatan kekerabatan
- b) persamaan agama
- c) ikatan kemanusiaan

Hubungan sesama anggota masyarakat berasaskan konsep egalitarian bermaksud sama rata. Dalam pengertian sebenar ajaran Islam, tidak wujud sistem kelas dalam masyarakat-tidak membezakan kedudukan lelaki dan wanita. Konsep sama rata wanita dalam Islam ialah berdasarkan konsep keadilan. Ini bermakna fungsi dan peranan wanita adalah merangkumi bidang pekerjaan yang sesuai dengan sifat kewanitaan dan fizikalnya.

## **Komuniti Tamadun China**

Pembentukan komuniti cina banyak dipengaruhi oleh sistem kekeluargaan masyarakat cina.

- a) kuasa lelaki dan bapa.
- b) Sistem kekerabatan berasaskan hubungan darah.
- c) Sistem kelas dalam komuniti ditentukan oleh tahap pendidikan dan kemahiran.

## **Komuniti Tamadun India**

Berbeza daripada Tamadun lain.

- a) komuniti dalam Tamadun India mempunyai peraturan yang ketat.
- b) Sistem sosial dan komuniti berasaskan sistem kasta.
- c) Penentuan kasta seseorang adalah secara ascribed iaitu diwarisi daripada nenek moyang.
- d) Sistem kasta turut menentukan jenis pekerjaan yang boleh dilakukan dan layanan yang patut diberikan kepada individu tersebut.
- e) Sistem kasta mempengaruhi semua aktiviti kehidupan dalam komuniti. Konsep dharma ditekankan dalam hubungan sesama anggota masyarakat.
- f) Dharma menggariskan fungsi dan peraturan bagi menentukan apa yang harus dilakukan oleh setiap anggota.

## **Persamaan Dan Perbezaan Antara Tamadun**

Tamadun-tamadun yang pernah lahir di dunia mempunyai latar belakang yang tersendiri, maka terdapat begitu banyak perbezaan antara satu dengan satu Tamadun yang lain. Namun begitu, tidak dapat dinafikan banyak persamaan yang dikongsi antara beberapa Tamadun tersebut. Ciri-ciri perbezaan dan persamaan antara Tamadun boleh dilihat terutamanya teologi dan etika. Sebagai contoh, persoalan teologi berhubung monoteisme Islam begitu berbeza daripada metafizik Buddhisme yang tidak menerima konsep Tuhan Pencipta (Creator God). Hinduisme

pula sebaliknya, menerima konsep Tuhan walaupun manifestasi monoteismenya berbeza daripada Islam, Kristian dan Yahudi. Islam, Kristian dan Yahudi dilihat secara umum merupakan agama-agama monoteistik, tetapi kepercayaan mereka berbeza antara satu sama lain.

Persoalan-persoalan teologi sering dilihat menimbulkan percanggahan pendapat. Percanggahan pendapat yang dimaksudkan tidak semestinya berlaku antara satu tamadun dengan satu tamadun yang lain, tetapi boleh juga berlaku dalam sesebuah tamadun, malah dalam sesebuah agama itu sendiri. Sekiranya dibandingkan dengan persoalan teologi, persoalan etika sebenarnya kurang kontroversi. Hakikat ini dapat lenjelaskan bahawa dialog tamadun atau peradaban boleh berlangsung dalam eharmonian sekiranya fokus lebih ditumpukan kepada persoalan etika. Dalam konteks melihat perbezaan antara tamadun, tujuh persoalan etika berikut dikemukakan =handra Muzaffar, Che Wan Jasimah Wan Mohd Radzi, Hashim Hj Musa, Iohd Zuhdi Marsuki. (2002).

### **Alam Sekitar**

Hidup harmoni dengan alam sekitar merupakan satu prinsip yang diterima semua agama. Berdasarkan pengajaran sesetengah agama, alam sekitar dilihat sebagai tmgerah Tuhan. Manusia pula dipertanggungjawabkan sebagai khalifah (Custodian tau Steward) yang berperanan sebagai penjaga alam sekitar. Bagi Islam, Buddhisme an beberapa aliran Kristian memelihara alam sekitar bermakna menggunakan tmgerah Tuhan secara bertanggungjawab. Tetapi dalam tamadun tertentu, memelihara alam sekitar diberi pentafsiran pasif sehingga alam sekitar itu disembah an dilihat sebagai Divine Power. Sungguhpun terdapat perbezaan ini, Tamadun-tamadun tradisional secara umum tidak memusnahkan alam sekitar. Sesetengah pihak lempunyai tanggapan bahawa keadaan ini mungkin disebabkan tahap teknologi yang lasih rendah pada zaman itu. Bagaimanapun, haruslah disedari bahawa penciptaan ~knologi dan penggunaannya sangat dipengaruhi oleh pandangan semesta sesuatu pengamalan budaya.

## **Keluarga**

Prinsip yang meletakkan keluarga sebagai asas pembentukan masyarakat begitu ihayati oleh Tamadun-tamadun tradisional. Keluarga yang dimaksudkan pada Izimnya adalah keluarga extended. Dalam sesebuah keluarga wujud hierarki kuasa yang menentukan kedudukan kaum lelaki dan kedudukan kaum perempuan. Pengamalan seperti ini telah menjadi warisan turun-temurun dalam sesebuah keluarga tradisional. Menurut konfusianisme kesetiaan dan pertalian yang erat merupakan onsep kekeluargaan yang paling penting. Pengabaian terhadap konsep kekeluargaan seperti ini merupakan penafian hak seseorang dan bertentangan dengan keadilan. Konsep kekeluargaan dalam pengajaran Islam pula begitu mementingkan kasih sayang dan hormat-menghormati. Berdasarkan hakikat tersebut, bukanlah persoalan kedudukan kaum lelaki dan kaum perempuan dalam sesebuah keluarga itu yang menjadi persoalan utama, tetapi setiap mereka harus menunaikan tanggungjawab masing-masing dalam lingkungan kasih sayang dan hormat-menghormati.

## **Komuniti**

Komuniti merupakan satu persoalan yang begitu penting dalam setiap Tamadun tradisional. Tidak boleh dinafikan bahawa komuniti sangat berpengaruh dalam menentukan personaliti dan identiti seseorang manusia. Komuniti juga dapat memastikan bahawa nilai-nilai dan norma-norma murni dalam masyarakat sentiasa dihormati. Di samping itu, komuniti dapat memberi sokongan moral, material dan psikologikal kepada anggota-anggotanya. Dikotomi perseorangan (individu) dan komuniti jarang wujud dalam masyarakat tradisional. Kedua-dua pihak berpegang pada nilai-nilai moral tertentu yang lazimnya bersumberkan agama atau kuasa transenden. Bagaimanapun, fenomena seperti ini bukanlah bermakna seseorang itu tidak mempunyai identiti tersendiri dalam komuniti tradisional. Dalam sejarah Ketamadunan manusia, dapat diperhatikan bagaimana identiti seseorang dan kemantapan komuniti mencapai keseimbangan dalam beberapa tradisi tertentu seperti Islam dan Buddhisme.

## **Kerajaan**

Falsafah Tamadun-tamadun tradisional begitu menekankan persoalan moral atau akhlak sebagai dasar sesebuah kerajaan. Peranan dan tanggungjawab kerajaan dijelaskan melalui peranan dan tanggungjawab seseorang raja. Sifat-sifat raja yang saksama dan adil merupakan tema utama Tamadun-tamadun silam. Dalam Tamadun China, tulisan Moh- Tze, Lao- Tze,

Kung Fu- Tze, Meng Tze dan beberapa tokoh yang lain sangat menekankan perkara ini. Begitu juga dalam India; Kautilya membincangkan ciri-ciri kepimpinan yang saksama dan adil, seperti juga al-Farabi, al-Mawardi, al-Ghazali dan Ibn Khaldun dalam Islam yang turut menumpukan perhatian kepada persoalan yang sarna. Kesetiaan kepada raja dan perlindungan yang diberikan oleh raja kepada rakyat merupakan dimensi penting kerajaan dalam Tamadun-tamadun tradisional. Namun demikian, kesetiaan yang diberikan oleh rakyat tetap berpandukan nilai-nilai moral. Sekiranya seseorang raja melanggar lunas-lunas keadilan, maka ketika itu rakyat boleh menyanggah dengan tujuan untuk membetulkannya.

### **Kegiatan Ekonomi**

Dalam Tamadun-tamadun tradisional, kegiatan ekonomi berlaku dalam konteks 'Moral Semesta' (Moral Universe). Dengan sebab itu wujud konsep hak-hak kehidupan dalam ajaran Buddhisme sebagaimana yang termaktub dalam eight fold path. Dalam ajaran Islam, prinsip yang berkaitan dengan halal dan haram mempunyai hubungan yang rapat dengan persoalan akhlak. Hakikat ini menjelaskan bahawa wujud kegiatan ekonomi yang boleh mempertingkatkan tahap moral manusia sebagaimana juga wujud kegiatan ekonomi yang boleh merosakkan moral manusia. Konsep 'wang', 'laba', 'ganjaran', 'pasaran' dan sebagainya sangat dipengaruhi oleh pertimbangan-pertimbangan moral. Bagaimanapun, kenyataan ini bukanlah bermakna tidak terdapat penipuan, rasuah atau bentuk-bentuk penyelewengan yang lain seperti dalam kegiatan ekonomi moden. Perkara yang membezakan ekonomi Tamadun tradisional dari ekonomi zaman moden adalah kayu pengukurannya.

### **Pendidikan**

Matlamat paling utama pendidikan dalam Tamadun-tamadun tradisional adalah pembinaan sifat-sifat seseorang (character-building). Proses pengajaran ilmu mempunyai kaitan yang begitu rapat dengan matlamat murni ini. Dengan menyedari perkara tersebut, dimensi Inner Being begitu penting dalam konsep pendidikan Islam, Kristian, Hinduisme dan agama-agama yang lain. Manusia tidak digalakkan menguasai persekitaran luaran melalui pengetahuannya tentang alam tanpa perubahan dalaman yang dapat dilakukan melalui pengetahuan tentang dirinya. Cuma cara transformasi ini berlaku berbeza dari satu tradisi ke tradisi yang lain. Dalam ajaran Islam persoalan tauhid memainkan peranan penting dalam transformasi manusia, tetapi dalam ajaran Buddha dan beberapa ajaran Hindu, transformasi sifat dapat dicapai melalui proses mencari diri sendiri.

## Kesihatan

Seperti bidang pendidikan, ekonomi, pemerintahan kerajaan dan bidang-bidang masyarakat yang lain, konsep kesihatan dalam Tamadun-tamadun tradisional tidak boleh dipisahkan daripada pandangan semesta sesebuah agama. Sifat penting konsep kesihatan Tamadun-tamadun tradisional ialah pandangan dan pendekatan holistiknya. Holistik di sini bermakna suatu pandangan yang mengakui bahawa kesihatan seseorang dipengaruhi oleh alam sekitarnya yang lebih luas dan lebih menyeluruh. Konsep holistik berdasarkan idea bahawa segala-galanya yang wujud adalah saling berhubungan. Kesan besar daripada konsep holistik bagi rawatan penyakit begitu mendalam. Mengubati penyakit bermakna memulihkan keseimbangan seseorang dan melalui proses ini dapat dipulihkan keharmonian dalam tubuh badan pesakit dan seterusnya keseimbangan dalam kehidupannya.

Berdasarkan pemerhatian terhadap kehidupan berTamadun, jelas bahawa teras kepada konsep-konsep kehidupan dan pencapaian matlamat hidup dalam Tamadun Tamadun tradisional mempunyai beberapa ciri persamaan. Namun begitu, dalam persoalan-persoalan tertentu, terutamanya yang berkaitan dengan teologi wujud beberapa perbezaan yang harus kita fahami. Memahami persamaan dan perbezaan antara satu Tamadun dengan Tamadun yang lain seharusnya mendorong kita untuk lebih bersikap toleransi ke arah mewujudkan keharmonian sejagat. Kesimpulannya, mengetahui persoalan-persoalan dasar berkaitan dengan ilmu Ketamadunan membuka ruang kepada seluruh manusia untuk berinteraksi secara positif ke arah kehidupan yang lebih saksama.

## **Contoh Interaksi Tamadun China Dalam Tamadun Melayu**

### **Bahasa Dan Kesusasteraan**

Pengaruh Tamadun China ke dalam Tamadun Melayu dapat dilihat melalui serapan beberapa istilah dan perkataan Cina ke dalam bahasa Melayu, seperti berikut (Za'ba, 1962 : 275) :

#### (a) Makanan dan buah-buahan

Bakmi, me, mesua, cincau, kueh, bepang, taueh, kanar, kuaci, kucai, angki (pisang kaki), tauhu, kine am (sayur kering), lai (buah), laid, teh, behon, to'yu, samsu.

#### (b) Pakaian dan barang-barang dagangan

Budaya dan Kesenian Kemunculan komuniti Baba dan Nyonya terutama sekali di Melaka dan Cina peranakan di Kelantan suatu interaksi yang ketara dalam masyarakat Melayu. Mengikut catatan De Eredia orang Cina telah menetap semenjak tahun 1613 di Melaka dan membentuk komuniti tersendiri pada awal kurun ke-17 dan telah berkahwin dengan wanita tempatan. Oleh sebab itu mereka terpaksa menggunakan bahasa Melayu bukan sahaja semasa berjual beli tetapi juga semasa berinteraksi dengan masyarakat tempatan dan kalangan keluarga mereka sendiri. Dengan demikian proses pembudayaan Melayu telah berlaku ke atas mereka lalu melahirkan budaya kacukan Cina-Melayu yang unik dinamakan Baba dan Nyonya. Satu ragam atau dialek bahasa Melayu telah muncul menjadi bahasa pertuturan mereka yang dikenali sebagai Melayu Baba walaupun mereka sendiri mengenalinya sebagai bahasa Melayu sahaja. Dialek Melayu Baba ini diasaskan atas ragam bahasa Melayu pasar dalam perdagangan di kalangan pelbagai kaum dan bangsa bandar-bandar utama di Alam Melayu seperti Melaka, Pulau Pinang, Singapura dan Jakarta. Dialek Melayu Baba Melaka berbeza dengan bahasa Melayu baku dari beberapa sudut. Kata pinjaman dari bahasa Cina telah banyak terserap terutamanya dari dialek Hokkien iaitu berkaitan dengan adat, kekeluargaan dan agama orang Cina. Kini ramai di kalangan komuniti Baba telah berkahwin dengan komuniti Cina yang lain dan menyerap kembali ciri-ciri budaya Cina (Hashim Hj. Musa, 2005: 146-147).



## Contoh Interaksi Tamadun Melayu Dengan Tamadun India

Pengaruh India ke atas kebudayaan dan masyarakat Melayu boleh dikesan dalam bahasa dan kesusasteraan, institusi pemerintahan, dan istiadat Raja-Raja Melayu serta adat resam dan hiburan.

Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Dalam bidang bahasa kemasukan konsep dan idea baru yang didukung oleh istilah dan perkataan baru dari budaya India diserap masuk menjadi unsur pinjaman. Sejumlah besar kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit dan sedikit daripada bahasa Tamil. Namun proses peminjaman kebanyakannya disesuaikan dengan ciri-ciri fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik bahasa Melayu seperti contoh di bawah (Hashim Hj. Musa, 2005: 142-143).

### (a) Pinjaman daripada Sanskrit:

Dari segi fonologi, aspirasi /h/ dalam Sanskrit digugurkan atau dipindahkan tempat:

Bhumi-bumi

Bheda-beda/beza

Bhasa-bahasa

Arthah-harta

Bhakti-bakti

Bhudi-budi

arghah-harga

.

### (b) Pinjaman daripada Bahasa Tamil.

Ciri-ciri penyesuaian juga berlaku ke atas kata pinjaman Tamil iaitu konsonan retrofleks, ciri kepanjangan vokal dan penggandaan konsonan dihilangkan, contohnya:

Kendii-kendi

Kappal –kapal

## **Kesimpulan**

Pada zaman penjajahan British kesan daripada polisi "pecah dan perintah", menyebabkan tidak terdapat interaksi meluas antara kaum di Malaya. Kawasan penempatan yang berasingan diperkukuhkan oleh kegiatan ekonomi yang berbeza-beza, memisahkan pelbagai kaum tanpa banyak interaksi antara satu sama lain. Dengan itu telah melahirkan masyarakat majmuk dengan ciri-ciri budaya, agama dan bahasa yang berbeza-beza.

Selepas kemerdekaan telah timbul kesedaran yang kuat di kalangan para pemimpin Persekutuan Tanah Melayu untuk menggubal polisi dan langkah-langkah bagi mewujudkan interaksi dan hubungan yang lebih rapat antara kaum, melalui penubuhan Parti Perikatan yang menggabungkan UMNO, MCA dan MIC yang bertanding dan menang dalam pilihan raya 1955 dan seterusnya membentuk Kerajaan Perikatan. Dasar pelajaran P.T.M iaitu Penyata Abdul Razak 1956 dan Penyata Abdul Rahman Talib 1960 telah memperakukan sistem pendidikan kebangsaan yang tunggal bagi menyatukan semua murid sekolah dari pelbagai kaum dalam satu sistem sahaja. Selepas Tragedi 13 Mei 1969, Rukun Negara dan Jabatan Perpaduan Negara telah dibentuk. Ini diikuti pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan dan pelaksanaan bahasa kebangsaan sebagai pengantar pendidikan dipesatkan, demi mengurangkan jurang pemisahan antara kaum membolehkan perpaduan dan muhibah dapat disemai.

Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) telah dilancarkan untuk menstruktur semula masyarakat dan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara Bumiputera dan kaum Cina yang menjadi punca utama konflik perkauman. Seterusnya Rancangan Jangka Panjang Pembangunan Kedua (RJPP2) (1990-2000) telah dilancarkan pula untuk menyusuri dan melengkapkan DEB yang telah tamat itu.

Semua itu adalah polisi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan pemimpin Malaysia bagi mewujudkan sebuah negara bangsa Malaysia yang bersatu padu untuk mengatasi suasana berbilang kaum dan masyarakat majmuk yang berkonflik dan berpisah warisan dan tinggalan daripada amalan penjajahan British.

<b>TAJUK 4</b>	<b>ISLAM DALAM TAMADUN MELAYU</b>
----------------	-----------------------------------

Unit ini mengandungi lima tajuk:

**4.1: Pengenalan**

**4.2: Peranan Islam Dalam Pembinaan Tamadun Malaysia**

**4.3:Teori Kedatangan Islam Ke Alam Melayu**

**4.4: Kesan, Pengaruh Dan Peranan Islam Dalam Tamadun Melayu**

**4.5 :Kesimpulan**

**Hasil pembelajaran**

Di akhir bab ini, pelajar diharap dapat;

- 1- Membincangkan peranan Islam dalam pembinaan Tamadun Melayu.
- 2- Menerangkan tentang kemunculan pusat-pusat tamadun melayu sebelum dan selepas Islam.
- 3- Menerangkan tentang kegemilangan Tanah Melayu dan sumbangan hasil

**4.1-Pengenalan**

Agama Islam menjadi asas utama dalam pembentukan tamadun Melayu. Islam telah menjadi agama rasmi sebagaimana diperuntukkan dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Islam juga menjadi anutan yang tidak boleh dipisahkan daripada tamadun Melayu. Dalam perkembangannya, tamadun Melayu semakin man tap dengan kedatangan Agama Islam dan kewujudan adat istiadat Melayu. Islam dan adat budaya Melayu telah berinteraksi dan berintegrasi antara satu sarna lain serta saling melengkapi antara keduanya dalam tamadun Melayu.

Kedatangan Islam telah menyebabkan berlaku proses Islamisasi di Alam Melayu dengan kesan-kesannya sebagaimana yang dilihat dalam sejarah. Antaranya, berlaku perubahan akidah Melayu kepada kehidupan kerohanian. Namun, masih ada unsurunsur budaya Hindu-Buddha dan animisme yang masih diamalkan. Proses Islamisasi dalam masyarakat Melayu telah merubah pelbagai aspek kehidupan seperti rohani, intelektual dan kemasyarakatan.

Dalam bab in  
Cina,Tamadun  
antara Tamad  
persamaan da  
bahasa, kesen

## 4.2- Peranan Islam Dalam Pembinaan Tamadun Malaysia

### Islam Dalam Tamadun Melayu

Penerimaan Islam ke dalam masyarakat Melayu adalah secara damai dan sejahtera. Tidak terdapat bukti sejarah yang mengatakan masyarakat Nusantara menerima kemasukan Islam secara paksa. Jika ada pun, perselisihan yang wujud adalah bersifat setempat dan tidak menyeluruh disebabkan faktor keengganan menerima perubahan. Misalnya, peperangan di antara Raja Raden Fattah (Ciri) dengan Prabu Udara (Majapahit) pada awal abad ke-16 M (Hamka, 1965 : 488-493).

Islam datang ke Nusantara pada awal abad 1 Hijrah (kurun 7 dan 8M) (Hamka, 1965 : 433-434). Islamisasi semakin pesat apabila kerajaan Islam berpusat di Baghdad jatuh ke tangan tentera Monggol pada tahun 1258M. Ini menyebabkan usaha Islamisasi terbuka ke kawasan-kawasan baru termasuklah Nusantara. Selepas 1258M, kemunculan kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara tidak dapat dibendung lagi. Antaranya, Kerajaan Aceh, Terengganu, Melaka, Patani, Banten, Mataram, Brunai, Sulu dan sebagainya. Secara keseluruhannya, Islam telah membawa perubahan besar kepada masyarakat Nusantara selepas itu. Contoh yang paling jelas adalah Kerajaan Melaka, Aceh dan Johor-Riau yang secara terang membuka minda masyarakat Nusantara dari pelbagai sudut seperti pentadbiran, pendidikan, perundangan, ekonomi dan agama. . Kesan perubahan ini masih berterusan walaupun Nusantara selepas itu melalui proses penjajahan Barat bagi satu tempoh masa yang panjang bermula kejatuhan Kerajaan Islam Melaka pada 1511 sehingga kemerdekaan Malaysia dicapai pada 1957 selain beberapa bahagian wilayah Nusantara yang lain turut mengalami kemerdekaan sebelum dan selepas itu. Pengaruh Islam tetap bertapak dan terus diasimilasi bersama-sama kehidupan masyarakat Nusantara sehingga Islam dijadikan 'ad-deen' sebagai cara hidup dari semua aspek keperluan masyarakatnya. Contoh yang dapat digambarkan menerusi wasiat Sultan Mansur Syah kepada anaknya; Sultan Alauddin Riayat Syah (Sejarah Melayu (ed), 1948: 140) adalah seperti berikut: u...hendaklah engkau berbuat sabar serta adil sangat-sangat, dan jangan tamakkan harta orang..... Melainkan dengan izin tuannya. Jangan lagi khali engkau, keluar dihadap orang, kerana hamba Allah banyak terserah kepadamu, jikalau kesukaran baginya hendaklah engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa baik-baik..... kullukum ra'in wa kullukum mas'ulun 'an ra'iyatihi ... u

Wasiat ini menjelaskan bahawa ajaran Islam dihayati dan diamalkan oleh masyarakat sebagai satu cara hidup.

#### **4.3- Teori Kedatangan Islam Ke Alam Melayu**

Pada umumnya terdapat tiga teori utama tentang kedatangan Islam ke Asia Tenggara iaitu Islam datang dari Tanah Arab, China dan negara India. Mengenai kedatangan Islam ke Tanah Melayu para sejarawan berpendapat, Melaka merupakan negeri yang mula-mula menerima ajaran Islam dan raja Melaka yang pertama iaitu Parameswara dikatakan telah memeluk Islam pada tahun 1414. Teori kedatangan Islam ke Alam Melayu adalah seperti berikut: Islam Datang Dari Tanah Arab Di Tanah Melayu terdapat bukti-bukti yang kuat bahawa Agama Islam itu dibawa secara langsung dari tanah Arab oleh bangsa Arab. Sebagai contohnya Maharaja Derbar Raja II, raja Kedah telahpun diislamkan pada tahun 531 H/1136 M, oleh Sheikh Abdullah bin Sheikh Ahmad al-Qaumiri al-Yamani seorang ulama berbangsa Arab yang datang dari Yaman (Abdullah Ishak, 1990 : 60).

Menurut satu catatan yang ditemui, terdapat sebuah perkampungan Islam di Sumatera Utara yang diberi nama 'Tashih' telah ditemui pada tahun 650 Masihi bersamaan 30 Hijrah. Perkampungan ini dihuni oleh orang-orang Arab yang datang ke Sumatera pada abad ke-7 Masihi (Abdullah Ishak, 1990 : 35). S.M. Naquib al-Attas menegaskan juga bahawa kandungan persuratan Melayu Islam dengan istilah dan konsep serta tulisan Jawi yang digunakan menunjukkan sumber Arab atau Timur Tengah sebagai puncanya (Hashim Musa, 2001: 165).

Hubungan perdagangan telahpun terjalin antara Alam Melayu dengan Tanah Arab sejak sebelum kelahiran Islam lagi dan ia berterusan selepas kelahirannya. Penyebaran Islam di Tanah Arab telah begitu meluas dan termasuklah di Yaman yang mempunyai pelabuhan perdagangan yang penting. Pedagang-pedagang Islam yang bertumpu di Yaman turut menjalankan aktiviti perdagangan dengan Asia Tenggara terutama untuk mendapatkan barangan seperti kapur barus, kemenyan dan sebagainya.

Islam Datang Dari India Para sarjana seperti S.Q. Fatimi, Morison Harison, RA. Kern dan Snouck Hurgronje berpendapat bandar pelabuhan Gujerat di India memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam melalui perdagangan. Mereka juga berpendapat ramai pemimpin Abbasiyah dan Umayyah di Andalus melarikan diri daripada tindakan pihak berkuasa, sebagai pelarian politik dan mendapatkan perlindungan di India dan juga di Alam Melayu. Hujah mereka adalah berpandukan kepada persamaan mazhab yang dianuti iaitu mazhab Syafie. B. Harrison berpendapat masyarakat Nusantara memandang ke India bagi mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan dalam hal-hal perniagaan dan kebudayaan. MeperusL hubungan dua hala itu penduduk Nusantara berminat dengan Islam yang telahpun dianuti oleh pedagang-pedagang India (Abdullah Ishak, 1990 : 61).

Pendapat di atas dibuktikan melalui penemuan batu nisan Sultan Malikul Salleh, Raja Samudera yang bertarikh 1297 Masihi. Batu nisan ini didakwa dibawa dari Gujerat berdasarkan persamaan dari segi reka bentuk batu nisan di kedua-dua tempat tersebut (D.G.E. Hall, 1987 : 253). Walau bagaimanapun, sarjana-sarjana tersebut telah bersetuju Islam dibawa ke Pasai melalui perdagangan dan batu nisan itu adalah sebagai buktinya. Islam Datang Dari China Menurut sejarah, Islam telah sampai ke China pada zaman pemerintahan Dinasti Tang iaitu sekitar tahun 650 Masihi dan Canton menjadi kawasan tumpuan utama para pendakwah Islam (Azhar, 2000 : 256). Terdapat beberapa teori yang turut menyokong kedatangan Islam dari China. Emanuel Godinho De Evedia mengatakan Islam datang ke Nusantara dari China melalui Canton dan Hainan pada kurun ke-9 Masihi. Pendapat ini terbukti hasH penemuan batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu yang terletak di pantai Timur Tanah Melayu (Othman Soh, T.t : 72).'

Pada tahun 878 Masihi pula telah berlaku pemberontakan di Canton yang menyebabkan seramai 100 000 orang asing terbunuh).. Akibat peristiwa ini telah menyebabkan ramai orang Arab-Islam yang melarikan diri ke Kedah dan Palembang. Dalam masa yang sarna catatan Dinasti Sung pula mengatakan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu melalui sepanjang pantai Laut China Selatan dan dibawa oleh pedagang-pedagang Islam dari China pada awal977 (Azhar Hj. Mad Aros, 2000: 256).

Bukti kedatangan Islam dari China dapat dilihat melalui hubungan perdagangan antara orang-orang Arab dengan China yang dikatakan telah berlaku sejak sebelum kelahiran Agama Islam lagi. Mereka membawa barang-barang dagangan seperti mutiara, sutera dan tembikar dari China. Perdagangan antara Arab dengan China secara tidak langsung mewujudkan hubungan antara China dengan Kepulauan Melayu. Menurut laporan orang-orang China Islam, bahawa orang-orang Arab Islam telahpun datang ke negara China semasa zaman pemerintahan Maharaja Tai Tsung dari Dinasti Pang (627-650M) (Abdullah Ishak, 1990 : 65).

#### **4.4- Kesan, Pengaruh Dan Peranan Islam Dalam Tamadun Melayu**

Kedatangan Islam telah memberi kesan yang besar terhadap masyarakat Melayu. Kesan ini juga jelas dilihat di dalam kehidupan" seharian masyarakat Melayu. Kehidupan masyarakat Melayu banyak didasari adat dan ajaran Agama Islam. Kesan dan pengaruh Islam dalam tamadun Melayu adalah seperti berikut: Agama dan Kepercayaan

Kesan utama yang dibawa oleh Islam ialah terhadap akidah dan kepercayaan. Sebahagian daripada masyarakat Melayu telah meninggalkan ajaran agama HinduBuddha dan kepercayaan animisme. Mereka percaya kepada konsep ketuhanan, hormat-menghormati antara manusia

dan menitikberatkan soal persamaan tara£. Cara kehidupan mereka juga telah berubah kepada cara hidup beragama dengan mengamal dan menghayati ajaran Islam dalam kehidupan mereka.

Kepercayaan dan agama merupakan dua aspek sosial yang agak sukar untuk dipisahkan kerana sebahagian besar daripada kepercayaan termasuk dalam agama. Kepercayaan masyarakat Melayu pada peringkat permulaan adalah berbentuk animisme. Dalam kepercayaan ini mereka menganggap benda-benda mempunyai semangat dan kuasa ghaib. Sehubungan dengan itu, wujudlah pemujaan atau penyembahan kepada batu-batu, pokok-pokok, sungai-sungai dan fenomena alam yang lain. Kuasa ghaib itu disifatkan sebagai hantu, jembalang atau jin yang menjadi penunggu objek tersebut (Haron Daud, 1989 : 26).

Islam mengubah world view masyarakat Melayu daripada mempercayai roh, semangat dan dewa-dewa kepada mempercayai Tuhan Yang Maha Esa, percaya adanya nabi-nabi, rasul-rasul, malaikat dan kitab-kitab sud. Keimanan mereka diikuti dengan amal ibadat seperti sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan rukun haji. Masyarakat Melayu juga merayakan hari-hari kebesaran Islam seperti mengadakan sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulidur Rasul dan Nuzul al-Quran.

Perubahan yang paling utama ialah daripada sudut kepercayaan yang mana masyarakat Melayu telah diperkenalkan dan diyakinkan dengan keyakinan yang berteraskan tauhid. Fahaman tauhid telah mengubah world view orang Melayu daripada zaman Hindu-Buddha dengan metodologinya, penyembahan rajanya, ciri tertentu dan masyarakatnya, alam khayalannya, penyembahan berhalanya, kepada ajaran tauhid yang murni (Muhammad Uthman, 1977 : 185).

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa banyak perubahan sebagaimana yang disebut oleh Syed Naquib al-Attas sebagai mencetuskan suatu zaman baru. Perubahan yang dibawa merupakan perubahan menyeluruh berteraskan as as tauhid. Impak tauhid ini menyebabkan berlakunya perubahan terhadap 'rupa dan jiwa' Alam Melayu ini. Ledakan tauhid ini telah meninggalkan zaman kehidupan t Hinduisme dan Buddhisme yang tiba pada abad ke-4 dan ke-5M, di mana perintah-perintah dan ajaran Islam itu diterima melalui jenis-jenis aktiviti pendidikan yang formal (Azhar Hj. Md Aros, 2003 : 304).

Agama Islam di Melaka dihayati oleh masyarakat ketika itu sejak agama ini diterima oleh Raja Mahkota Iskandar Shah. Masyarakat Melaka telah rela menerima Agama Islam yang telah dianuti oleh raja mereka. Dengan penerimaan ini, mereka berusaha pula untuk mengamalkan serta menghayati ajaran dan hukum Islam dengan sebaiknya. Kegiatan kemasyarakatan telah berubah dan menggambarkan penerimaan dan penghayatan mereka terhadap ajaran Islam.

Kegiatan keagamaan diadakan seperti muzakarah, kuliah dan ceramah. Perayaan dalam Islam disambut dengan penuh penghayatan seperti sambutan Hari Raya Haji dan Hari Raya Puasa. Mereka sudah mula mempelajari al-Quran dan ilmu tafsir daripada ulama yang ada di Melaka ketika itu. Anak-anak pula dididik dengan cara hidup Islam (Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 1992 : 29).

Penyerapan ajaran Islam juga berlaku tanpa mengganggu masyarakat yang ada sehingga akhirnya menjadikan orang Melayu di Alam Melayu berAgama Islam. Tauhid juga membuahkan kehidupan beribadah, menghiasi akhlak serta mencetus perubahan lain dalam bidang politik, perundangan, pendidikan dan sebagainya. Berasaskan konsep tauhid ini juga lahir hubungan antara manusia dengan manusia dan manusia dengan Pencipta.

Walau bagaimanapun, kepercayaan-kepercayaan dan tradisi lama tidak dihapuskan sama sekali. Sebagai contoh, dapat dilihat pada petikan mantera di bawah: (Samri Sainuddin, 2004 : 38)

"Kabul aku menawar ubat pontianak si anu, Kabul Allah Kabul Muhammad, Kabul Baginda Rasulullah Kabul berkat guru La ila ha ilallah, Muhammdar Rasulullah"

Mantera ini masih diamalkan oleh masyarakat Melayu dalam perubatan. Ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Perubahan sosial berlaku dengan adanya revolusi mental yang diketengahkan oleh Islam dan masyarakat. Beberapa aspek pemikiran yang wujud dapat membuktikan hakikatnya. Ajaran Islam mengandungi unsur-unsur rasionalisme, di mana Islam telah menekankan konsep persamaan taraf sesama manusia di sisi Allah SWT. Semua manusia adalah berasal dari Adam a.s. dan Adam a.s. dijadikan dari tanah. Berpandukan kepada konsep rasionalisme inilah masyarakat Nusantara dengan sendirinya menolak kepercayaan tahyul Hindu dan fahaman animisme (Abdullah Ishak, 1990 : 133-134).

#### **4.4.1- Pendidikan**

Islam membawa perubahan dalam sistem pendidikan. Selepas kedatangan Islam golongan bawahan menerima pendidikan yang sarna seperti golongan atasan. Sistem pendidikan yang bermula di istana mula beralih ke beberapa institusi pendidikan Islam seperti pondok dan madrasah. Tradisi keilmuan yang ditekankan oleh Islam telah mengembangkan pula tradisi pendidikan dan pengajaran secara lebih tersusun. Dorongan belajar bermula dengan pengajaran membaca al-Quran dan kitab-kitab. Golongan pemerintah dan pembesar-pembesar berperanan penting dalam mengembangkan ilmu pengetahuan.



Melalui sistem pengajian ilmu tersebut lahirlah para cendekiawan dan ulamaulama Melayu yang menjadi pegawai-pegawai pemerintah, guru-guru dan ahli agama. Antara tokoh-tokoh Melayu yang terkenal ialah Syeikh Abdul Malik Abdullah, Sheikh Wan Hasan Wan Ishak dan ramai lagi (Hashim Hj. Musa, 2004 : 46). Tokoh-tokoh ini telah banyak menyumbang ke arah perkembangan ilmu pengetahuan di Tanah Melayu.

Dalam bidang intelektual dan keilmuan, Islam memberi kedudukan yang begitu tinggi dengan memperkenalkan metod ilmu berteraskan ilmiah dan rasional sejajar dengan tuntutan Islam. Keilmuan rasional dan intelek yang diperkenalkan oleh Islam adalah pendekatan baru dalam cara berfikir iaitu meninggalkan sesuatu yang bersifat tahyul serta memuja sesuatu yang bersifat estetik, kepada sesuatu yang mementingkan akal, pemahaman ilmu metafizik serta pandangan hidup yang munasabah pada akal yang sihat (Rasid Muhammad, 1996 : 140).

Kedatangan Islam membawa pengaruh yang besar terhadap sistem pendidikan. Di Melaka contohnya, aktiviti pendidikan berlangsung di istana yang juga berfungsi sebagai perpustakaan atau tempat penyalinan dan terjemahan. Di samping itu tempattempat lain yang digunakan sebagai tempat pengajian ialah rumah-rumah ulama, masjid, madrasah dan surau. Kebanyakan guru-guru agama pula terdiri dari bangsa Arab. Ilmu-ilmu yang dipelajari ialah ilmu usuluddin, fiqh dan tasawwuf. Kitab-kitab utama yang menjadi pegangan masyarakat di Melaka ketika itu ialah al-Oar al-Manzum oleh Abu Ishak al-Shirazi, Ihya Ulumuddin oleh al-Ghazali dan Minhaj al-Talibin oleh al-Nawawi.

Bersama dengan kedatangan Islam di mana-mana sahaja maka berkembanglah ilmu pengetahuan dan pendidikan. Di Melaka sendiri, sultan yang pertama bermula dari Megat Iskandar Shah (1414M) hingga sultan-sultan terakhir sebelum 1511M, begitu mengambil berat tentang perkembangan pendidikan. Pengajian Islam tidak sahaja berlaku di rumah-rumah, masjid-masjid dan surau-surau, bahkan juga di istana sultan. Ulama-ulama asing yang datang ke Melaka sejak awal hingga zaman kejatuhannya seperti Makhdum Syed Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Qadi Yusuf, Qadi Menus, Qadi Menawar Syah, Maulana Sadar Johan, Maulana Jalal al-Din dan lainlain bukan sahaja dijadikan sebagai seorang guru bahkan diberi kedudukan yang tinggi dalam hierarki sosial di Melaka, setaraf dengan pembesar dan pentadbir (Abdullah Ishak, 1990 : 142).

#### **4.4.2- Bahasa Dan Kesusasteraan**

Bahasa Melayu telah menerima pengaruh ajaran Islam bermula abad ke-14 Masihi dan berkembang sehingga akhir abad ke-18 Masihi. Pada awal abad ke-14 kedudukan Agama Islam semakin teguh dan penyebarannya semakin meluas di Asia Tenggara. Bukti keteguhan kedudukan Agama Islam di daerah ini dapat dilihat daripada kewujudan penggunaan tulisan Jawi oleh orang-orang Melayu ketika itu. Pada era kerajaan Melayu Melaka (1400-1511M) misalnya, bahasa Melayu menjadi bahasa lingua franca bagi lapan puluh empat bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Melaka ketika itu. Tahap perkembangan bahasa Melayu daripada bahasa Melayu klasik kepada bahasa yang mempunyai nilai peradaban yang tinggi berlaku pada dua zaman iaitu zaman peralihan (abad ke-19M) dan zaman moden (abad ke-20M) (Mahayudin Hj. Yahya, 1998: 91).

Tulisan Arab mulai diperkenalkan setelah kedatangan Islam. Dari segi bahasa perubahan besar berlaku apabila masyarakat Melayu menyesuaikan perkataan Arab kepada bahasa Melayu. Perubahan ini dipermudahkan setelah tulisan Arab diubahsuai dan dikenali sebagai tulisan Jawi. Melalui sistem tulisan ini bahasa Melayu dapat memainkan peranan lebih penting apabila digunakan untuk menulis kitab-kitab agama, hikayat-hikayat, undang-undang dan pentadbiran. Bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa pengantar persuratan dan juga sebagai alat penyebaran dan penyampaian Agama Islam di seluruh Alam Melayu. Tulisan jawi telah digunakan oleh bahasa Melayu semasa permulaan kedatangan Islam. Antara faktor yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar penyebaran, penyampaian persuratan Islam di Alam Melayu ialah sifat dalaman bahasa Melayu dan juga peranan yang dimainkan oleh wilayah dan daerah Melayu di Sumatera dan di Semenanjung Tanah Melayu dalam penyebaran Agama Islam ke seluruh kepulauan Melayu. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar Agama Islam telah menaikkan taraf, kecekapan dan kewibawaannya. Antara sumbangan terbesar Islam kepada masyarakat di Alam Melayu adalah pengaruhnya terhadap perkembangan bahasa Melayu. Sebagai bahasa komunikasi di Tanah Melayu, bahasa Melayu merupakan aspek terawal menerima pengaruh Islam. Pemindahan ilmu berupa ajaran Islam daripada al-Quran dan al-Hadith yang kedua-duanya dalam bahasa Arab berlaku dalam gerakan dakwah secara langsung yang dijalankan oleh pendakwah-pendakwah dari negara Arab, India dan China.

Pemindahan ilmu dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu telah menyebabkan berlakunya perkembangan keilmuan yang pesat di Alam Melayu. Kedatangan Islam mengangkat martabat bahasa Melayu ke arah mengungkapkan sesuatu yang bersifat ilmiah dan saintifik sehingga mencapai taraf lingua franca yang digunakan secara meluas di Alam Melayu. Terdapat penggunaan kata dari bahasa Arab yang dipinjam dan digunapakai dalam bahasa Melayu.

Kedatangan Agama Islam juga telah membawa perubahan yang besar terhadap warisan kesusasteraan Melayu. Banyak hasil kesusasteraan Melayu ditulis seperti Hikayat Nabi Muhammad S.A.W Hikayat Para Nabi dan Rasul, Hikayat Para Sahabat, Hikayat Para Pahlawan Islam dan Hikayat Ahli-ahli Sufi dan Orang-orang Yang Salih. Manakala puisi terkenal yang dipengaruhi oleh sastera Islam contohnya ialah Syair Perahu, Syair Burung Pingai oleh Hamzah Fansuri dan Syair Makrifat oleh Abdul Rauf Fansuri.

Melalui tulisan jawi agarna Islam telah dapat diperkembangkan. Bahasa dan kesusasteraan Melayu juga berkembang melalui tulisan jawi. Dalam pada itu bahasa Melayu itu telah diperkayakan dengan kata-kata pinjaman serta istilah daripada bahasa Arab. Perkembangan ini dapat dilihat bukan sahaja dalam kitab serta karya sastera semasa pada zaman selepas itu, malah buku-buku Sejarah juga mempunyai tajuk asal dalam bahasa Arab seperti Sulalatus Salatin, Tuhat al-Nafis, Bustanus-Salatin dan lain-lain lagi (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1992: 28).

Kedatangan Islam ke Alam Melayu selain membawa perubahan dari sudut akidah, ia juga membawa perubahan dari sudut kesusasteraan. Kesusasteraan Melayu bukan sahaja mengalami perubahan dari aspek pendokumentasian, malah turut mengalami perubahan dari aspek tema, bentuk, genre malah matlamat sastera itu sendiri. Para sasterawan menghasilkan karya-karya yang sangat luas bidangnya bukan sahaja bercorak fiksyen, tetapi turut meliputi cabang-cabang ilmu fekah, ilmu tasawwut ilmu kalam, falsafah dan sebagainya (Ismail, 1985 : 101). Pelbagai hasil kesusasteraan telah dipengaruhi oleh ajaran Islam yang bertemakan sejarah Islam atau ajaran Islam itu sendiri. Antara contoh sastera prasa ialah Hikayat Nur Muhammad, Hikayat Bulan Berbelah, Hikayat Nabi Bercukur dan Hikayat Nabi Mikraj.

#### **4.4.3- Perundangan**

Kedatangcn agarna Islam telah mempengaruhi sistem perundangan di Alam Melayu. Sistem perundangan tempatan turut mengalami perubahan seperti yang tercatat dalam Hukum Kilnun Melaka, Adat Papatih dan Adat Temenggung. Undang-undang adat yang tidak bertentangan dengan ajaran Agama Islam dikekalkan. Contohnya hakim boleh menggunakan budi bicaranya sarna ada menjatuhkan hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri ataupun didenda dan dipenjara sahaja.

Setelah Islam datang dan tersebar di seluruh Nusantara sistem perundangan masyarakat Melayu juga berubah kepada sistem adat dan Islam. Contohnya Melaka mempunyai Hukum Kanun Melaka yang meliputi tanah, sungai, dusun dan setiap tanah jajahan takluk Melaka. Undang-undang Laut Melaka meliputi perusahaan perkapalan, perdagangan di laut dan di darat

dan kegiatan yang berkaitan dengannya. Kedua-dua kumpulan undang-undang ini adalah didasarkan kepada hukum syariah dan juga hukum adat yang telah wujud sejak dahulu lagi (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1992 : 29).

Tradisi pemerintahan berdasarkan perundangan Islam dilanjutkan dalam pemerintahan Malaysia hari ini. Perlembagaan Malaysia menjadikan urusan Islam sebagai urusan negeri. Bidang kuasa tersebut sangat terbatas dan dinyatakan secara terperinci satu persatu. Manakala di peringkat negeri terdapat beberapa undang-undang yang telah dikuatkuasakan seperti undang-undang pentadbiran Islam, undang-undang mahkamah syariah, undang-undang pentadbiran keluarga Islam, undang-undang prosedur dan keterangan, undang-undang sivil, jenayah Islam dan lain-lain lagi.

Oleh kerana Hukum Kanun Melaka adalah undang-undang induk yang meliputi undang-undang lain di dalam negeri-negeri Melayu, amatlah tepat jika ianya dijadikan contoh tentang wujudnya pengaruh Islam dalam perundangan. Menurut beberapa orang sarjana barat seperti William R. Roff dan Alfred P. Rubin, Hukum Kanun Melaka atau Undang-Undang Melaka pada dasarnya berasaskan Undang-undang Islam di samping berpegang kepada hukum akal dan hukum adat. Pendapat-pendapat tersebut adalah sejajar dengan perkataan-perkataan yang terdapat di dalam undang-undang tersebut antaranya menyebut, "...Mengikut hukum Allah, pada hukum Allah, menurut dalil al-Quran dan menurut amr bi al-ma'ruf wa nahyi'ani al-munkar". Terdapat juga undang-undang yang berhubung dengan jenayah, muamalah, kekeluargaan, keterangan dan acara yang berpandukan undang-undang Islam (Afifah Abu Yazid, 2003 : 41).

#### **4.4.4- Politik Dan Pemerintahan**

Kedatangan Islam telah memberi perubahan terhadap sistem politik. Contohnya, Agama Islam telah diisytiharkan sebagai agama rasmi di Melaka. Sehubungan itu, beberapa institusi Islam didirikan bagi membantu mengukuhkan sistem pentadbiran berasaskan Islam. Antara institusi yang didirikan adalah Jabatan Agama Islam dan Syariah. Selain itu kitab Undang-undang Laut dan Hukum Kanun Melaka dihasilkan untuk panduan masyarakat. Beberapa jawatan seperti kadi, imam dan sebagainya diwujudkan bagi melaksanakan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Setelah Islam datang dan tersebar di seluruh Nusantara, sistem politik dan pentadbiran masyarakat Melayu telah berubah dan dipadankan dengan ajaran Islam. Gelaran raja bertukar kepada sultan dan disamakan dengan khalifah seperti yang diperkenalkan dalam sistem politik Islam. Dengan kedatangan Islam juga, terdapat suatu unsur kekuasaan rakyat dalam menentukan penubuhan sistem beraja. Rakyat boleh mengubah perjanjian jika syarat-syarat

dilanggar oleh raja. Keadaan ini bertentangan dengan asas penubuhan yang disarankan oleh Tajus-Salatin dan Bustanus Salatin yang menekankan fardhu bagi penubuhan sistem beraja sebagai kurniaan Tuhan kepada manusia dan merupakan suatu pekerjaan yang hanya dapat ditanggung oleh orang yang terpilih sebagai pewaris kedudukan khalifah.

Konsep dewaraja bertukar kepada konsep sultan. Ia merupakan suatu gelaran kepada orang yang diamanahkan mentadbir sesebuah negeri dan pada masa yang sarna berperanan sebagai khalifah Allah SWT di bumi. Kepatuhan dan ketaatan pada sultan adalah kepatuhan yang bersyarat, bukan kepatuhan mutlak seperti konsep dewaraja. Dalam konteks sosial, Islam mengajar tidak ada pengkastaan dalam masyarakat seperti dalam pengaruh Hindu-Buddha, sebaliknya pembentukan masyarakat mestilah diasaskan pada keadilan yang bersendikan agama. Raja dan rakyat, tua dan muda, kaya dan miskin semuanya mempunyai peranan dalam masyarakat (Mifah Abu Yazid, 2003: 54).

Dari segi pentadbiran, kerajaan Melayu Melaka ditadbir oleh seorang sultan yang mempunyai kuasa penuh dalam urusan pentadbiran negara. Sultan juga berperanan sebagai ketua dalam Agama Islam dan ketua negara. Sultan juga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Buktinya, di zaman pemerintahan Melayu Melaka, kerajaan amat maju dan stabil. Antara langkah-langkah yang diambil untuk menjadikan Melaka makmur, aman dan stabil termasuklah (Zulkefli Haron, 2005: 81):

- (a) Penghulu Bendahara memastikan kelicinan perbelanjaan negara, pengutipan cukai berjadual, perbelanjaan juga perlu berhemah.
- (b) Bendahara menjadi penasihat utama kepada sultan.
- (c) Temenggung dilantik sebagai Ketua Pasukan Keselamatan.
- (d) Laksamana dilantik sebagai Ketua Angkatan Tentera.
- (e) Para pembesar membantu sultan dalam pentadbiran.
- (f) Syahbandar menguruskan pentadbiran pelabuhan dan perdagangan asing.

Menurut sejarah, Kerajaan Melaka telah menyediakan tapak yang subur bagi perkembangan Islam di Tanah Melayu. Bukti-bukti sejarah menjelaskan bahawa Islam bertapak di Tanah Melayu seawal kurun ke-9M dan selewat-lewatnya pada kurun ke-15M. Islam telah bertapak di Kelantan, Terengganu dan Kedah sebelum terbentuknya Kerajaan Melaka. Keagungan Melaka mula terserlah apabila ia mengamalkan dasar luar yang pragmatik iaitu dasar berbaik-baik dengan kuasa besar asing pada ketika itu seperti Siam, Majapahit dan China. Dasar ini mampu menstabilkan politik Melaka serta memberi peluang kepada perkembangan ekonomi dan pentadbirannya (Afifah Abu Yazid, 2003: 3)

#### **4.4.5- Sistem Kekeluargaan**

Kedatangan Islam telah memantapkan lagi sistem kekeluargaan masyarakat Melayu. Dalam masyarakat Melayu, pembentukan jati diri dan peribadi Melayu yang bialk, III beragama, berakhlak dan berbudi menjadi keutamaan. Keluarga sebagai agen sosialisasi : utama dalam masyarakat menjalankan tanggungjawab ini dan turnt dibantu untuk komuniti yang

melaksanakan kawalan serta tekanan sosial. Tujuan utamanya ialah mendidik dan mengajar supaya seseorang anak itu akan menjadi anggota masyarakat yang baik.

Sistem kekeluargaan masyarakat Melayu berteraskan Islam dan adat. Sejak lahir lagi seseorang itu dididik berteraskan Islam dan adat sehinggalah mereka dewasa. Contohnya sebaik sahaja seseorang itu dilahirkan, bapa atau datuk akan mengazankan bayi lelaki, atau mengkamatkan bayi perempuan. Tujuannya ialah untuk memperdengarkan buat pertama kalinya kepada bayi itu seruan azan dan kalimah syahadah dan meniupkan roh dan semangat Islam kepada bayi tersebut.

Proses sosialisasi pada tahap kanak-kanak juga memperlihatkan penerapan unsur-unsur Islam yang berterusan. Seseorang kanak-kanak sejak kedl lagi diajar konsep-konsep dosa, pahala, haram dan sebagainya. Setelah meningkat umur lima tahun ke atas kanak-kanak juga diajar bersembahyang, berpuasa dan lain-lain. Selain itu mereka juga diajar supaya hormat-menghormati, bertolak ansur dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan seharian.

Kedatangan Islam ke Melaka telah merubah sistem kekeluargaan dalam masyarakat Melayu. Dalam sistem perkahwinan, didapati hukum syarak mempunyai pengaruh yang besar malah ianya dicatat di dalam Hukum Kanun Melaka. Contohnya perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat pernikahan, yang menetapkan adanya wali bagi pengantin perempuan dinyatakan dalam Fasal 25.1, hadirnya saksi Fasal 26, upacara ijab dan kabul Fasal 25.2, kontrak perkahwinan Fasal 27, talak Fasal 28.1, dan wanita-wanita yang boleh dikahwini Fasal 28.2 (Azmah Abdul Manaf, 2001 : 217).

Islam menyusun institusi kekeluargaan dengan meletakkan pembentukan keluarga sebagai asas kepada kehidupan. Ini digambarkan di dalam surah al-Tahrim (66) ayat 61 yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan."

Perkahwinan merupakan suatu mekanisme pemeliharaan maruah dan pengembangan zuriat dan keturunan. Ibu bapa berperanan penting dalam pembentukan institusi keluarga. Ajaran Islam telah menggariskan peranan ibu bapa dalam menjaga dan mendidik anak-anak dengan didikan Islam. Selain memberikan perhatian dan kasih sayang anak-anak hendaklah dididik

dengan ajaran agama seperti bersembahyang, berpuasa, menghormati orang tua dan sebagainya.

Kedatangan Islam juga telah menyusun institusi kekeluargaan masyarakat Melayu dengan lebih teratur. Islam telah menentukan garis panduan dalam membina keluarga berasaskan ajaran Islam. Contohnya dalam pemilihan jodoh, tanggungjawab suami, tanggungjawab isteri dan tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa. Selain itu pelbagai adat dan budaya Islam perlu dihayati oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak seperti meletakkan nama yang baik kepada anak mereka, mengadakan akikah, menyusukan anak selingga berumur dua tahun, mendidik anak-anak supaya menjadi manusia yang beriman, bertaqwa, berakhlak mulia dan menghormati kedua ibu bapa mereka.

#### **4.4.6- Adat Dan Cara Hidup**

Tradisi animisme dan Hinduisme telah diganti dengan adat dan cara hidup Islam yang dilakukan sejak individu itu lahir di dunia hinggalah hari kematiannya. Islam telah mengubah corak hidup masyarakat Melayu di dalam segala aspek kehidupan manusia. Adat resam masyarakat Melayu diperkemaskan lagi dengan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, setelah kedatangan ajaran Islam, adat dan cara hidup masyarakat Melayu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam masih terus diamalkan.

Adat adalah suatu perbuatan atau perlakuan menurut kebiasaan masyarakat atau bangsa yang berkenaan. Masyarakat Melayu menganggap adat sebagai undangundang hidup. Mereka mematuhi adat serta menghormatinya dengan keyakinan bahawa melanggar adat dianggap sebagai suatu sikap atau perbuatan buruk dan akibatnya akan merosakkan diri dan sekaligus mencemarkan kesejahteraan hidup masyarakat (Asmad, 1990: 4). Adat resam pula ialah kebiasaan cara hidup individu dan masyarakat yang secara nyata menggambarkan corak budaya sesuatu bangsa.

Sebelum kedatangan Islam masyarakat Melayu mengamalkan adat tradisi warisan nenek moyang mereka. Apabila masyarakat Melayu mula menganuti ajaran Islam adat-adat dalam masyarakat Melayu mula diubahsuai supaya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Adat masyarakat Melayu juga telah mengalami perubahan dengan kedatangan ajaran Islam di rantau ini. Selain daripada mengubah sistem kepercayaan kita, Islam juga telah menggenepikan adat yang dianggap bercanggah dengan akidah dan kepercayaan Islam.

Dalam proses sosialisasi masyarakat Melayu, tradisi animisme dan Hinduisme telah diganti dengan adat Islam yang dilakukan sejak individu itu lahir sehinggalah hari kematiannya. Contoh-contoh Perubahan Adat dan Cara Hidup adalah seperti berikut:

Kelahiran bayi disambut dengan persiapan tujuh lapis kain kuning, hiasan katil berwarna kuning, pulut kuning dan putih. Kelahiran bayi disambut dengan azan dan kamat

Perkahwinan dilakukan oleh kadi dan dua orang saksi, upacara khatam al-Quran dan berzanji. Mengadakan majlis bacaan Yasin dan doa selamat.

Membaca ayat-ayat al-Quran untuk mengelak gangguan syaitan

Perubahan yang jelas telah berlaku terhadap masyarakat Melayu dari segi adat resam dalam kehidupan. Islam telah mengatur kehidupan masyarakat agar kehidupan yang dilalui itu berlangsung dalam suasana aman dan harmoni. Islam telah merubah adat resam masyarakat Melayu dengan adat-adat Islam. Tujuannya adalah untuk kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat. Kesan daripada perubahan adat ini telah mewujudkan suasana hidup yang lebih teratur, seperti adat berkeluarga, berjiran tetangga, adat menuntut ilmu, adat berkampung dan sebagainya. Adat Melayu yang bersendikan agama menjadi amalan masyarakat Melayu.

Contohnya pantun Melayu ada menyebut:

”Bunga cempaka baunya harum  
Pelbagai kembang digubah indah.  
Adat bermula dengan hukum.  
Hukum bersandar di kitab Allah”

Islam telah mengangkat taraf manusia dan menyamakan kedudukan mereka di sisi Allah SWT. Ia membentuk suatu sistem masyarakat yang saling mengasihi dan menghormati. Sejalan dengan realiti tersebut, kedatangan Islam ke Alam Melayu menjadikan golongan bawahan mula mendapat perhatian dan penghormatan. Tiada lagi sistem kasta yang berasaskan ajaran agama Hindu diamalkan dalam masyarakat Melayu. Komunikasi antara kelompok masyarakat berjalan dengan baik menerusi sifat hormat-menghormati, bergotong-royong dan bantu-membantu.

#### **4.5-Kesimpulan**

Islam memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat dan tamadun Melayu. Proses penyerapan Islam ini berlaku secara berperingkat-peringkat di kalangan masyarakat Melayu yang bermula daripada golongan istana, pembesar sehinggalah kepada rakyat biasa. Proses Islamisasi ini menjadikan masyarakat Melayu akhirnya dapat menerima ajaran Islam dengan baik. Ini kerana keistimewaan ajaran Islam yang sederhana dan tiada paksaan.

Kedatangan Islam bukan sahaja mengubah pegangan hidup masyarakat Melayu, malah telah membentuk cara hidup baru dalam amalan seharian masyarakat. Amalan-amalan Islam yang berunsur tahyul dan khurafat telah ditinggalkan secara beransur-ansur oleh masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu juga telah berubah daripada masyarakat yang buta huruf kepada masyarakat yang mengamalkan tradisi keilmuan. Contohnya galakan daripada golongan pemerintah telah menjadikan Melaka suatu ketika dulu sebagai pusat pembudayaan ilmu



Setelah berlakunya penyebaran Agama Islam ini, maka Agama Islam dijadikan sebagai teras dalam pembinaan tradisi budaya Melayu. Orang-orang Melayu yang menganut Agama Islam menyedari dan memahami nilai-nilai yang telah ditetapkan oleh Islam dan berusaha menyesuaikan warisan tradisi budaya dan kehendak-kehendak Islam. Mereka menekankan usaha memupuk nilai-nilai Islam sebagaimana yang dikehendaki dari satu generasi kepada generasi seterusnya. Malah, institusi-institusi sosial dan agama dalam masyarakat memainkan peranan penting dalam usaha memupuk dan mempertahankan nilai-nilai sosial dan agama yang mereka bina.

**TAJUK 5****TOKOH-TOKOH TAMADUN ISLAM****SINOPSIS**

Bab ini membincangkan tentang tokoh-tokoh tamadun Islam dan tokoh-tokoh Tamadun Asia serta sumbangan-sumbangannya, seperti Tokoh Islam Imam Al-Ghazali, Ibnu Sina, Ibnu Khaldun, Ibnu Rusdy, al- Khawarizmi. Tokoh-tokoh

**Unit ini mengandungi satu tajuk:**

## 5.1: Tokoh-tokoh Islam

- Iman Al-Ghazali
- Ibnu Sina
- Ibnu Khaldun
- Ibnu Rusdy
- al-Khawarizmi

**Hasil pembelajaran**

Di akhir bab ini, pelajar diharap dapat;

- 1- Membincangkan tentang riwayat hidup tokoh-tokoh Islam yang terkemuka.
- 2- Menghargai jasa dan sumbangan serta perjuangan tokoh-tokoh islam yang terkemuka dunia.
- 3- Mengambil pengajaran dan semangat juang tokoh-tokoh dalam menyebarkan kebenaran.

## Pendahuluan

Sejarah tamadun dunia telah mencatatkan bagaimana dalam abad yang kelapan hingga abad ke enam belas, selama hampir lapan ratus tahun telah lahir ramai tokoh-tokoh cendekiawan islam dalam pelbagai bidang. Istimewanya tokoh-tokoh ini bukan sahaja bijaksana dan terkenal dalam satu bidang tertentu sahaja seperti perubatan, astronomi, matematik, falsafah, pendidikan dan sebagainya malah mereka juga sebenarnya telah diiktiraf sebagai tokoh-tokoh terkemuka dalam pelbagai bidang sains, fizik, astronomi, teknologi, perubatan serta agama.

### ***IMAM Al-Ghazali***



Imam Al-Ghazali lebih dikenali sebagai ulama tasawuf dan akidah. Oleh sebab itu sumbangannya terhadap bidang falsafah dan ilmu pengetahuan lain tidak boleh dinafikan. Al-Ghazali merupakan seorang ahli sufi yang bergelar "hujjatui Islam".

Abu Hamid Ibnu Muhammad al-Tusi al-Ghazali itulah tokoh yang dilahirkan di Tus, Pars! pada tahun 450 Hijrah. Sejak kecil lagi, beliau telah menunjukkan keupayaan yang luar biasa dengan menguasai berbagai-bagai cabang ilmu pengetahuan. Beliau bukan sahaja produktif dari segi menghasilkan buku dan karya tetapi merupakan seorang ahli fikir Islam yang terulung.

Kecintaannya terhadap ilmu pengetahuan begitu mendalam sehingga mendorongnya menggembara dan merantau dari sebuah tempat ke tempat yang lain untuk berguru dengan ulama-ulama yang hidup pada zamannya. Sewaktu berada di Baghdad, Al-

Ghazali telah dilantik sebagai Mahaguru Universiti Baghdad.

Walaupun telah bergelar mahaguru tetapi beliau masih merasakan kekurangan pada ilmu pengetahuan yang dimiliki. Lantaran itu, beliau meninggalkan jawatannya dan beralih ke bidang tasawuf dengan merantau ke Makkah sambil berguru dengan ahli-ahli sufi yang terkenal disana

Selain belajar dan mengkaji, Al-Ghazali juga banyak menulis. Dianggarkan beliau telah menulis 300 buah buku mencakupi pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti mantik, akhlak, tafsir, ulumul Quran, falsafah, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sebahagian besar hasil tulisannya telah hangus dibakar oleh tentera Moghul yang menyerang kota Baghdad.

Antara kitab yang musnah termasuk: 40 Jilid Tafsir, Sirrul Alamain (Rahsia Dua Dunia), dan al Madhnuuna bihi ala Qhairiha (Ilmu Yang Harus Disembunyikan Dari Orang-orang Yang Bukan Ahlinya,). Cuma 84 buah buku tulisan beliau yang berjaya diselamatkan seperti Al Munqiz Mm al Dhalal (Penyelamat Kesesatan), Tahafut al Falsafah (Penghancuran Falsafah), Mizanul Amal (Timbangan Amal), Ihya Ulumuddin (Penghidupan Pengetahuan), Mahkun Nazar fMengenai Ilmu Logik), Miyarul Ilmu, dan Maqsadil Falsafah (Tujuan Falsafah).

Meskipun Al-Ghazali banyak menulis mengenai falsafah tetapi beliau tidak dianggap sebagai seorang ahli falsafah. Malah kebanyakan penulis menggolongkan Al-Ghazali sebagai seorang yang memerangi dan bersikap antifalsafah. Pandangan ini berdasarkan tulisan Al-Ghazali dalam buku Tahafut Falsafah yang banyak mengkritik dan mengecam falsafah. Bahkan dalam buku tersebut, Al-Ghazali menyatakan tujuan menyusun buku itu adalah untuk menghancurkan falsafah dan menggugat keyakinan orang terhadap falsafah. Namun begitu, pandangan bahawa Al-Ghazali seorang yang antifalsafah tidak dipersetujui oleh beberapa orang sarjana.

Biarpun tidak ada seorang pun yang boleh menafikan kecaman Al-Ghazali terhadap falsafah seperti yang ditulis dalam buku Tahafut Falsafah itu tetapi perlu diingat-

bahawa sikap skeptis (ragu) dan kritiknya terhadap falsafah merupakan sebahagian proses ilmu falsafah itu sendiri. Hal ini kerana tugas ahli falsafah bukan semata-mata untuk mencari kebenaran dan penyelesaian terhadap sesuatu masalah tetapi juga mencabar serta membantah penyelesaian yang dikemukakan terhadap permasalahan tersebut.

Kalau menyelusuri perjalanan hidup Al-Ghazali maka akan didapati bahawa beliau merupakan ilmuwan Islam pertama yang mendalami falsafah dan kemudian mengambil sikap mengkritiknya. Walaupun Al-Ghazali kurang senang dengan falsafah dan ahli filsafat tetapi dalam buku *Maqasid al Falasifah.*, beliau telah mengemukakan kaedah falsafah untuk menghuraikan persoalan yang berkaitan dengan logik, ketuhanan, dan fizikal.

Menurut Al-Ghazali, falsafah boleh dibahagikan kepada enam ilmu pengetahuan ialah matematik, logik, fizik, metafizik, politik, dan etika. Bidang-bidang ini kadangkala selari dengan , agama dan kadangkala pula sangat berlawanan dengan agama.

Namun begitu, agama Islam tidak menghalang umatnya daripada mempelajari ilmu pengetahuan tersebut sekiranya mendatangkan kebaikan serta tidak menimbulkan kemudaratanya. Umpamanya agama tidak melarang ilmu matematik kerana ilmu itu merupakan hasil pembuktian fikiran yang tidak boleh dinafikan selepas ia difahami.

Cuma bagi Al-Ghazali, ilmu tersebut boleh menimbulkan beberapa persoalan yang berat. Antaranya ialah ilmu matematik terlalu mementingkan logik sehingga boleh menyebabkan timbul persoalan yang berkaitan dengan ketuhanan khususnya mengenai perkara yang tidak dapat dihuraikan oleh akal fikiran. Menurut Al-Ghazali tidak salah berpegang kepada logik tetapi yang menjadi masalahnya ialah golongan falsafah yang terlalu berpegang kepada logik, hendaklah membuktikan fakta termasuk perkara yang berhubung dengan ketuhanan atau metafizik.


Sebab itulah beliau menentang golongan ahli falsafah Islam yang cuba mengungkap kejadian alam dan persoalan ketuhanan menggunakan pemikiran daripada ahli falsafah Yunani. Beberapa orang ahli falsafah Islam seperti Ibnu Sina dan al-Farabi jelas

terpengaruh akan idea pemikiran falsafah Aristotle. Maka tidak hairanlah ada antara pandangan ahli falsafah itu bertentangan dengan ajaran Islam yang boleh menyebabkan kesesatan dan syirik.

Terdapat tiga pemikiran falsafah metafizik yang menurut Al-Ghazali amat bertentangan dengan Islam iaitu qadimnya alam ini, tidak mengetahui Tuhan terhadap perkara dan peristiwa yang kecil, dan pengingkaran terhadap kebangkitan jasad atau jasmani.

Al-Ghazali tidak menolak penggunaan akal dalam pembicaraan falsafah dan penghasilan ilmu pengetahuan yang lain. Sebaliknya beliau berpendapatan bahawa ilmu kalam dan penyelidikan menggunakan fikiran boleh menambahkan keyakinan dan menyalakan apt keimanan pada hati orang bukan Islam terhadap kebenaran ajaran Islam. Jadi, perkembangan sesuatu ilmu pengetahuan bukan sahaja bersandarkan kepuasan akal fikiran tetapi juga perlu mengambil kira aspek perasaan dan hati nurani. Al-Ghazali menganjurkan supaya umat Islam mencari kebenaran dengan menjadikan al-Quran sebagai sumber yang utama bukannya melalui proses pemikiran dan akal semata-mata. Jadi, apa yang cuba dilakukan oleh Al-Ghazali ialah memaparkan kesalahan dan kepalsuan bidang pengetahuan yang bercanggah dengan agama serta bertentangan dengan pendirian umat Islam. Sekali gus menunjukkan bahawa Al-Ghazali sebenarnya merupakan seorang ahli falsafah Islam yang mencari kebenaran dengan berpandukan al-Quran dan hadis tidak sebagaimana pemikiran serta permainan logik yang lazim digunakan ahli falsafah Yunani. Perkara yang ditentang oleh Al-Ghazali bukan ahli falsafah dan pemikiran yang dibawakan oleh mereka tetapi kesalahan, kesilapan, dan kesesatan yang dilakukan oleh golongan tersebut. Pada Al-Ghazali, tunjang kepada pemikiran falsafah ialah al-Quran itu sendiri.

## **IBNU SINA**



### **Ibnu Sina ( 370 – 438 H / 980 – 1037 M )**

Nama penuh beliau ialah Abu Ali Hussien bin Abdullah b. Hassan b. Ali Ibn. Sina. Beliau juga dikenali sebagai Avicenna di kalangan orang Eropah. Ibn Sina dilahirkan di Bukhara, Turkistan pada 424H/980M. Beliau meninggal pada 483H/1037M ketika berusia 57 tahun.

### **Latarbelakang Pendidikan**

Sejak kecil lagi Ibnu Sina telah mempelajari pelbagai bidang ilmu agama; tauhid, fekah dan tasauf dari keluarganya. Pada umur 10 tahun beliau telah berjaya menghafaz Al - Quran. Seterusnya beliau telah mendalami ilmu dalam bidang perubatan, fizik, matematik dan astronomi. Pada umur 17 tahun beliau telah diiktiraf sebagai doktor perubatan. Ibnu Sina telah berjaya menghasilkan sebuah buku utama menjadi rujukan terkenal di seluruh dunia dan diiktiraf sebagai mutiara dalam bidang perubatan iaitu Qanun Fi al - Tib ketika berusia 18 tahun.

### **Sumbangan-sumbangan Ibn Sina**

Ibnu Sina telah meninggalkan beberapa buku yang bermutu tinggi terutama dalam bidang perubatan, falsafah, mantiq dan fizik. Buku Qanun Fi al -Tib yang menghuraikan sebanyak 760 jenis penyakit dan kaedah perubatannya. Diantarapenyakit yang menjadi kajian beliau adalah jantung, penyakit TB. saluran darah, ulser, psikologi,

penyakit saraf, bengkak otak dan penyakit kanak-kanak. Beberapa penemuan baru beliau pada masa itu ialah ubata-ubatan herb. Minerologi dan bius. Buku ini merupakan buku rujukan bidang yang muktabar dalam bidang perubatan yang telah diterjemahkan kedalam berbagai bahasa asing, termasuklah bahasa Latin dan Inggeris. Di samping itu beliau juga menemui beberapa perkara tentang sifat logam, pembentukan lembah dan huraian roh. Penemuan-penemuan amat penting dalam dunia perubatan dan sebagainya.

### **Karya- Karya Terkemuka**

1. Qanun fi al - Tib ( perubatan )
2. Kitab al - Sifat ( perubatan )
3. Kitab al- Najah
4. Kitab al - Isyarah ( berkaitan alam tabie )
5. As-Syifa' Fil Hikmah

### **Bidang Matematik**

Bidang matematik adalah satu bidang yang penting untuk urusan kehidupan seharian seperti urusan muamalat, pembahagian harta pesaka dan sebagainya. System nombor yang bermula dengan sifar (0) adalah berasal dari pengaruh Islam, fungsi kuaderik ( $x^2 + 2x + 1 = (x + 1) (x + 1)$ ), Trigonometri  $\frac{\sin A}{a} = \frac{\sin B}{b} = \frac{\sin C}{c}$ .

Pecahan dalam pembahagian pesaka jelas dinyatakan dalam al-Quran iaitu  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{3}$ ,  $\frac{1}{4}$ ,  $\frac{1}{6}$  dan sebagainya.

### ***Ibn Khaldun***

Ibn Khaldun atau nama sebenarnya Wali al-Din Abd al-Rahman bin Muhammad bin Abu Bakar Muhammad bin al-Hasan lahir di Tunis pada 1 Ramadan 732H Keluarganya



berasal daripada keturunan Arab Hadramaut yang pernah menetap di Serville, Italy, dan Sepanyol. Akhirnya berpindah dan menetap di Afrika Utara semasa pemerintahan Hafis Abu Zakariyya, pemerintah Tunis pada waktu itu.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Ibn Khaldun mendapat pendidikan dalam pelbagai ilmu Islam seperti al-Quran, al-Hadith, perundangan Islam, kesusasteraan, falsafah, bahasa, dan mantik. Antara gurunya ialah Muhammad Ibrahim al-Abili, Abu Abd Allah al-Jayyani, Abd Allah Muhammad bin Abd al-Salam.

Ibn Khaldun menjadi cendekiawan yang agung sehingga disanjung oleh Barat kerana buah fikirannya, Walau bagaimana pun jarang umat Islam mengkajinya. Sebenarnya, sumbangan pemikiran Ibn Khaldun dalam ekonomi banyak dimuatkan dalam hasil karya agungnya, al Muqaddimah. Antara teori ekonomi yang terdapat dalam karyanya masih lagi relevan dengan masalah ekonomi semasa.

Ibn Khaldun telah membincangkan beberapa prinsip dan falsafah ekonomi seperti keadilan (al adl), hardworking, kerjasama (cooperation), kesederhanaan (moderation), dan fairness.

Berhubung dengan keadilan (Justice), Ibn Khaldun telah menekankan bahawa keadilan merupakan tulang belakang dan asas kekuatan sesebuah ekonom. Apabila keadilan tidak dapat dilaksanakan, sesebuah negara akan hancur dan musnah.

Menurut beliau, ketidakadilan tidak sahaja difahami sebagai merampas wang atau harta orang lain tanpa sebarang sebab yang diharuskan. Malah, mengambil harta orang lain atau menggunakan tenaganya secara paksa atau membuat dakwaan palsu terhadap orang lain. Begitu juga kalau meminta seseorang melakukan sesuatu yang berlawanan dengan Islam.

Beliau mengkategorikan perampas harta orang lain secara tidak sah hingga memberi kesan kepada kehidupan isteri dan keluarga sebagai paling tidak adil. Menurut beliau lagi, seseorang yang membeli harta seseorang dengan harga yang paling murah termasuk dalam kategori memiliki harta cara yang tidak betul.

Ketidakadilan seumpama di atas membawa kepada kejatuhan sesebuah negara dan keruntuhan sesebuah tamadun dengan segera. Menurut Ibn Khaldun, atas sebab sebab tersebutlah semua bentuk ketidakadilan dilarang oleh Islam.

### **Manusia dan Ekonomi**

Berdasarkan analisis mendalam, didapati kesemua teori ekonomi dan idea Ibn Khaldun tentang manusia berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan falsafah Islam. Ibn Khaldun tidak melihat fungsi utama manusia dalam aktiviti perekonomiannya seumpama haiwan ekonomi (economic animal). Sebaliknya beliau menganggap manusia itu sebagai manusia Islam (Islamic man/homo Islamicus) yang memerlukan pengetahuan ekonomi untuk memenuhi misinya di atas muka bumi ini.

Dalam hal ini, Ibn Khaldun menekankan perlunya manusia menjauhi perbuatan jahat. Sebaliknya manusia wajib mengikuti ajaran Islam sebagai model untuk memperbaiki dirinya dan mesti memberikan keutamaan kepada kehidupan akhirat.


### **Teori Pengeluaran**

Ibn Khaldun mengemukakan teori bahawa kehidupan perekonomian sentiasa menghala ke arah pelaksanaan keseimbangan antara penawaran dengan permintaan. Menurut beliau pengeluaran berasaskan kepada faktor buruh dan kerjasama masyarakat. Bahkan beliau menganggap buruh merupakan faktor terpenting dalam proses pengeluaran walaupun faktor-faktor lain seperti tanah tersedia, tenaga buruh perlu untuk menghasilkan matlamat akhir.

Selain itu beliau berpendapat bahawa kenaikan yang tetap pada paras harga amat perlu untuk mengekalkan tahap produktiviti. Dalam hal ini beliau menyarankan agar masyarakat melakukan perancangan supaya setiap bidang pekerjaan dilakukan oleh orang yang mahir dan cekap.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi (economic growth) dan pembahagian tenaga buruh bergantung rapat dengan pasaran. Di sini dapatlah dinyatakan bahawa teori pembahagian tenaga buruh, pengkhususan tenaga buruh, dan pertukaran yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun 100 tahun lebih awal daripada Adam Smith

### **Ibnu Rushd (520-595 Hijrah)**



Lebih dikenali di barat dengan nama "Averroes". Lahir di Kota Cordova, Sepanyol. Nama sebenar: Abu Al Walid Muhammad Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Ahmad Bin Rushd. Gelaran: "Pendita Abu Walid". Pernah menjadi hakim di Kota Seville dan Kota Cordova.

### **Falsafah Hidup**

Hidup sederhana dan bersahaja tanpa mempedulikan tentang pakaian, harta benda atau masa depan. Bersifat pemurah kepada semua orang meskipun mereka yang pernah memusuhi atau menghina. Bersifat rendah diri terutama kepada orang-orang miskin, tetapi mengambil berat tentang harga diri, maruah dan pantang merendah diri kepada orang-orang yang berpangkat besar.

### **Sumbangan**

1. Kuliliyah fit - Thibb - mengandungi 16 jilid mengenai perubatan secara umum.
2. Mabadil Falsafah (Pengantar Ilmu Falsafah).
3. Tafsir Urjuza - mengenai perubatan dan tauhid, Taslul.

4. Kasyful Adillah - tentang ilmu kalam dan mengungkap persoalan falsafah dan agama.
5. Tahafatul Tahafut - mengulas buku Imam Al- Ghazali berjudul *Tahafatul Falaisafah*.
6. Muwafatil Hikmah Wal Syari'a - membicarakan persamaan falsafah dengan agama.

### **Al- Biruni ( 973 M / 362 H - 1048 H / 440 H )**

Nama penuh ialah Abu Rayhan Muhammad bin Ahmad al-Biruni. Dilahirkan di Farsi tahun 362 H / 973 M. Beliau adalah seorang putera Raja Parsi. Di peringkat awal beliau banyak memperoleh ilmu pengetahuan daripada Abu Nasr Mansur bin Ali Jilani seorang pakar matematik. Beliau adalah seorang sarjana terkenal pada akhir abad ke- 4 Hijrah / ke10 Masehi. Al-Biruni mahir geometri, algebra dan matematik. Disamping pakar dalam bidang matematik beliau juga merupakan pakar dalam bidang astronomi, sejarah dan bahasa.

### **Sumbangan-sumbangan al-Biruni**

Antara karya beliau yang terkenal ialah Ensiklopedia Rasa il al- Biruni iaitu sebuah rujukan agung dalam bidang matematik dan astronomi. Al-Biruni telah menghasilkan pelbagai teori yang penting dalam bidang matematik dan astronomi. Antaranya ialah **Teori Alam Semesta** di mana beliau menjelaskan bahawa alam semesta terletak di luar permukaan sfera yang terhad. Seajar dengan ajaran agama Islam yang menegaskan kekuasaan AllahTuhan pencipta alam. Al- Biruni telah menolak Teori Graviti sebagai kuasa utama di dunia ini. Al-Biruni juga mengkaji tentang sistem solar, panjang tahun solar, pergerakan matahari, proses kewujudan fajar dan senja.

Karya beliau menjadi rujukan para sarjana masa lalu dan masa kini di antaranya.

1. Rasail al- Biruni

2. Sina at al- Tanjim ( Seni Astronomi )
3. Ta bir al- Mizan wa Taqbir al- Azman.
4. Al-Tahtid.

### **Al-Khawarizmi ( 780-850 M )**

Abu Abdullah Mohammad Ibn Musa al - Khawarizmi adalah bapa Algebra. Beliau lebih dikenali sebagai Al-Khwarizmi, seorang ahli sains Islam yang terulung dalam bidang matematik. Beliau juga merupakan seorang ahli astronomi dan geografi yang terkenal pada zamannya.

Hasil kajiannya dalam bidang algebra sangat cemerlang. Beliau berjaya membangunkan penyelesaian analitikal dalam penembangan garis lurus serta persamaan kuadratik dan kaedah penyelesaiannya. Beliau juga telah membangunkan sistem algorithma yang merupakan asas kepada teori pengaturcaraan komputer serta teori geometri.

Al-Khwarizmi juga merupakan saintis pertama yang melakar peta dunia iaitu pada tahun 830 Masihi, sepuluh tahun sebelum beliau meninggal dunia. Karya utama beliau ialah:

1. Kitab al - Jam awal -Tafreeq bil Hisab al - Hindi.
2. Al - Tarikh
3. Al - Maqala fi Hisab – al Jabr wa-al-Muqabilah (Algebra)
4. Kitab Surat al-Ard (geografi)


### **Bidang Kesenian Dan Seni Bina**

Seni bina adalah sebagai keindahan yang dicetuskan dalam kemahiran binaan dan pertukangan merangkumi segala rekabentuk yang berupa bangunann yang diperbuat dari kayu, batu, marma , kaca dan sebagainya. Senibina merupakan sebahagian dari bidang kesenian dan merupakan sebahagian dari kebudayaan dan ketamadunan yang dihasilkan oleh kelompok manusia.

Manusia akan merasa takjub senang dan tenang dengan keindahan yang di cipta oleh manusia sebagai suatu hasil usaha dan kemajuan yang dicapai. Keahlian seni bina tetap disanjung selagi ianya dapat diperalatkan untuk meningkatkan keimanan, ketakwaan dan amal soleh. Masjid, rumah, istana dan sebagainya jika dibina dengan asas keimanan dan ketakwaan adalah lambang kesenian Islam yang boleh dibanggakan.

Masjid pertama dalam Islam adalah masjid Quba'. Tiangnya dari batang tamar, atapnya pula dari daun tamar. Azan dilakukan dari atas bumbung rumah berdekatan. Rumah Rasulullah membina rumah baginda 100 hasta persegi. Tiangnya dari batang tamar dan dindingnya dibuat dari kepingan tanah. Rasulullah saw juga membina bangunan kaabah yang telah rosak dilanda banjir.

Kesenian Islam adalah inspirasi dari al-Quran dan Kesenian Kerajaan Rom dan Farsi. Bangunan-bangunan di zaman kegemilangan Islam dihiasai dengan archa, kaca, ukiran warna warni, khat, awan larat dan lain-lain.

	Cuba uji kefahaman anda dengan menyiapkan latihan berikut
---	---

### Aktiviti 1

1. Bincangkan apakah perbezaan intelek Islam masa lampau dengan intelek moden sekarang.
2. Nyatakan bidang-bidang yang boleh diteroka oleh umat Islam dengan kemajuan sains teknologi dan teknologi maklumat.
3. Dengan menggunakan internet, cari tokoh-tokoh Islam dalam bidang seni bina.

### Rumusan

1. Islam banyak memberi sumbangan dalam ilmu pengetahuan.
2. Kita hendaklah mencontohi tokoh-tokoh ilmuan Islam terdahulu.
3. Kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh dan tabah dalam menuntut ilmu.

4. Setiap ilmu yang diperolehi hendaklah diamal, diguna, disebarikan kepada orang lain.
5. Sentiasa rajin menjalankan kajian dan penyelidikan.
6. Kita hendaklah mengembalikan kegemilangan Islam terdahulu dalam pencapaian ilmu pengetahuan, penyelidikan dan penemuan baru.
7. Sumbangan Islam dalam perkembangan ilmu pengetahuan amat besar kepada dunia seluruhnya.

**TAJUK 6****TOKOH-TOKOH TAMADUN ASIA**

Bab ini me  
sumbangan-  
Cheng Ho.  
Gautma Bud  
Meiji.

**Unit ini mengandungi satu tajuk:**

5.2: Tokoh-tokoh Tamadun Asia

- Tokoh Cina: Kung Fu Zde dan Cheng Ho
- Tokoh India: Mahatama Ganhdi dan Sudhaharta Gautma Buddha
- Tokoh Jepun : Tokugawa Leyasu dan Maharaja Meiji.

**Hasil pembelajaran**

Di akhir bab ini, pelajar diharap dapat;

- 1- Membincangkan tentang riwayat hidup tokoh-tokoh tamadun Asia yang terkemuka.
- 2- Menghargai jasa dan sumbangan serta perjuangan tokoh-tokoh Asia terkemuka.
- 3- Mengambil pengajaran dan semangat juang tokoh-tokoh dalam membangun negara.



# TOKOH-TOKOH TAMADUN CINA

## TOKOH CINA 1 - KUNG FU ZDE



Kung Fu Zde Dilahirkan pada 551 s.m. Beliau berasal dari keturunan bangsawan. Pernah menjadi guru pada umurnya 20 tahun. Beliau merupakan pengamal Ajaran Confunisme. Masyarakat China telah menjadikan ajaran ini sebagai kepercayaan dan tokoh Conficius telah disembah sebagai salah satu dewa penting dalam masyarakat China. Secara umumnya ajaran ini menekankan prinsip moral yang tinggi seperti

- ✘ perkemusiaan (ren)
- ✘ kesusilaan (li)
- ✘ ketaatan kepada ibu bapa (xiao).

Untuk mencapai ketinggian moral ini, seseorang itu haruslah mendapat pendidikan. Prinsip moral ini juga harus dipertegaskan kepada semua lapisan masyarakat

Beliau dilantik menjadi menteri keadilan kerana banyak ilmu berkait dgn kerajaan dan pentadbiran. Kemudian menjadi perdana menteri di Wilayah Lu selama 13 tahun.

Beliau telah mengembara dari satu wlayah ke satu wilayah utk menasihati pembesar negeri ttg cara pentadbiran yg baik. Ajaran confusius dapat diperolehi dari 2 buah buku iaitu Klasik confucius dan Analekta. Buku ini ditulis setelah membuat pemerhatian ttg

kelemahan<sup>2</sup> yg wujud dlm masyarakat terutama dalam pentadbiran spt tidak amanah dan masalah moral.

Beliau berpendapat jika jika semua orang berkelakuan baik dan mengikut peraturan maka negara kan berkeadaan baik dan aman. Beliau percaya moral yg baik boleh membantu menjadikan pemerintahan yg baik serta menjadi harta yang paling penting utk dimiliki oleh semua pemerintah.

## **PENDAPAT – BENTUK HUBUNGAN DALAM MASYARAKAT**

Ada lima iaitu:

- 1) Hubungan bapa Dengan anak iaitu bapa harus berhati baik dan anak harus bertanggungjawab terhadap org tua.
  
- 2) Hubungan suami isteri di mana suami harus jujur dgn isteri dan isteri harus tunduk serta mendengar kata suami.
  
- 3) Hubungan saudara tua dengan muda
  
- 4) Hubungan raja dengan pegawai
  
- 5) Hubungan antara sahabat di mana kejujuran menjadi pedoman dlm hidup.

Kesimpulannya hubungan ini menitikberatkan kejujuran dan kebaikan serta sekiranya keadaan ini tidak dipatuhi nescaya berlaku pecah belah dan huruhara di kalangan rakyat.

## **TOKOH CINA 2 – CHENG HO.**

Cheng Ho dikenali juga sebagai **Mah Sam Po** . Beliau dilahirkan dengan nama **Ma He** di Yunnan (1371). Meninggal dunia beserta perahunya hancur luluh ketanah tepat di

Bangkalan(1435). Merupakan pelaut/pengembara China yang paling terkenal dalam catatan 4000-tahun China.. Pernah belayar ke Asia Tenggara, Sumatra, Pulau Jawa, Sri Lanka, India, Parsi, Semenanjung Arab, Mesir, dan Afrika jauh ke selatan sehingga ke Selatn Mozambique.

Beliau telah meluaskan hubungan perdagangan dengan kerajaan-kerajaan di Asia, menonjolkan kuasa dan pengaruh China ke seluruh pelusuk dunia, mengumpul cukai, mengasaskan koloni wilayah naungan, mengemukakan maklumat tentang wilayah asing, mendapat bantuan bagi mengatasi serangan Monggol

## **TOKOH-TOKOH TAMADUN INDIA**

### **TOKOH INDIA 1 : MAHATMA GANHDI**

Beliau dilahirkan pada 2 Oktober, 1869, di Porbandar, sebuah pekan kecil di wilayah Gujarat. Keluarganya dari kelas pertengahan dari kasta Vaishya. Bapanya, Karamchand, merupakan seorang *Dewan* atau Perdana Menteri di pekan tersebut. Manakala ibunya bernama Putlibai, adalah seorang wanita yang lemah lembut dan warak, dan menjadi sumber inspirasi bagi beliau.

Semasa Gandhi di sekolah rendah, beliau tidak menunjuk sebarang petanda akan menjadi seorang tokoh yang terkenal. Disekolah beliau dianggap sebagai seorang pelajar yang "mediocre" atau sederhana dan merupakan seorang yang sangat pemalu. Namun sejak kecil lagi, beliau menunjukkan sifatnya yang berintegriti. Sewaktu suatu ujian ejaan beliau telah silap mengeja. Tetapi beliau enggan meniru kawannya, walaupun diberi peluang oleh gurunya.

Mengikut adat orang India pada waktu itu, beliau telah dikahwinkan pada usia yang muda iaitu pada umur 13 tahun kepada Kasturbai, seorang gadis yang sebaya dengannya.

Pada usia 18 tahun, beliau melanjutkan pelajarannya di Southampton, England dalam bidang undang-undang. Di samping mempelajari undang-undang, beliau mula menunjuk minat dalam bidang keagamaan. Pelbagai kitab serta buku-buku keagamaan seperti Hindu, Kristian, Yahudi dan Islam telah menjadi bahan bacaannya. Pada 1891, beliau lulus peperiksaan akhirnya dan pulang ke India sebagai seorang peguam.

Semasa di Bombay, beliau mencuba nasib sebagai seorang peguambela tetapi gagal. Beliau kemudiannya diarah untuk membela seorang klien di Afrika Selatan. Lantas beliaupun pergi ke negara yang asing ini. Disana, beliau menyaksikan diskriminasi yang sangat teruk. Bangsa India, samada peniaga mahupun buruh dianggap sebagai golongan kelas kedua dan dipanggil "kuli" atau "sami".

Pengalaman diskriminasi yang pertama berlaku di Maritzburg, ibunegeri Natal. Sewaktu didalam keretapi, seorang berkulit putih telah membantah kehadiran seorang "berwarna" di kelas pertama dan mengarah beliau untuk pindah ke kelas ketiga. Beliau enggan menurut kemahuannya kerana mempunyai tiket kelas pertama. Akhirnya beliau serta begnya telah dihumban keluar dari keretapi tersebut.

Peristiwa ini merupakan satu tamparan hebat kepada Gandhi. Beliau kemudian memutuskan untuk menjadi seorang aktivis politik agar dapat mengubah undang-undang diskriminasi tersebut. Gandhi kemudiannya membentuk sebuah gerakan bukan kekerasan disana.

Ketika kembali ke India, dia membantu dalam proses kemerdekaan India dari jajahan British; hal ini memberikan inspirasi bagi rakyat di koloni-koloni lainnya agar berjuang mendapatkan kemerdekaannya.

Rakyat dari agama dan suku yang berbeza yang hidup di India kala itu yakin bahwa India perlu dipecah menjadi beberapa negara agar kelompok yang berbeza ini dapat mempunyai negara mereka sendiri. Ramai yang ingin melihat penganut agama Hindu dan Islam berpisah dan mempunyai negara sendiri. Walaupun, Gandhi adalah seorang Hindu, beliau menyukai falsafah dari agama-agama lain termasuk Islam dan Kristian.

Beliau percaya bahawa manusia tak kira agama harus mempunyai hak yang sama dan hidup bersama secara damai di dalam satu negara.

Pada 1947, India mencapai kemerdekaan dan berpisah menjadi dua negara, India dan Pakistan. Hal ini tidak disetujui Gandhi.

Prinsip Gandhi, *satyagraha*, sering diterjemahkan sebagai "jalan yang benar" atau "jalan menuju kebenaran", telah menjadi sumber inspirasi berbagai generasi aktivis-aktivis demokrasi dan anti-rasisme seperti Martin Luther King, Jr. dan Nelson Mandela. Gandhi sering mengatakan nilai-nilai ajarannya sangat sederhana, yang berdasarkan kepercayaan Hindu tradisional: kebenaran (satya), dan bukan-kekerasan (ahimsa).

Pada 30 Januari 1948, Gandhi dibunuh seorang lelaki Hindu yang marah kerana kepercayaan Gandhi yang menginginkan rakyat Hindu dan Muslim diberikan hak yang sama.

Begitu juga dengan Albert Einstein yang berkata mengenai Gandhi: "*(Mungkin) para generasi berikutnya akan sukar mempercayai bahawa ada orang seperti ini yang pernah hidup di dunia ini.*"

Karya Mahatma Gandhi tidak dilupakan oleh generasi berikutnya. Cucunya, Arun Gandhi dan Rajmohan Gandhi dan bahkan anak cucunya, Tushar Gandhi, adalah aktivis-aktivis sosio-politik yang terlibat dalam mempromosikan gerakan bukan-kekerasan di seluruh dunia.

## **TOKOH INDIA 2 : SIDHAHARTA GAUTMA BUDDHA**

Sidhaharta Gautma Buddha nama aslinya ialah pangeran Siddhartha. Beliau merupakan pendiri Agama Buddha (563 SM - 483 SM), dilahir di Lumbini. Putra raja Kapilavastu, timur laut India. Beliau menggelarkan dirinya sebagai **BUDDHA** bererti orang yang diberi penerangan

Guatama Buddha adalah seorang ahli fikir dari India dan juga pengasas agama Buddha. Beliau adalah anak kepada ketua kasta pahlawan sakyas dan dikenali sebagai Siddhartha pada masa mudanya dan kemudiannya sebagai sakyamuni, iaitu orang bijaksana sakyas. Panggilan Gautama Buddha sebenarnya merupakan kombinasi nama keluarganya, Gautama dengan perkataan Buddha iaitu orang yang telah diberi pengajaran. Pokok ajaran Buddha yang menurut istilah penganutnya “Empat kebajikan kebenaran”:

- + Kehidupan manusia itu pada dasarnya tidak bahagia
- + Sebab musabab ketidakbahagiaan ini adalah memikirkan kepentingan diri sendiri serta terbelenggu oleh nafsu
- + Pemikiran kepentingan diri sendiri dan nafsu dapat ditekan habis apabila segala nafsu dan hasrat dapat ditiadakan (nirvana)
- + Menimbang benar, berfikir benar, berbicara benar, berbuat benar, cari nafkah benar, berusaha benar, mengingat benar, meditasi benar.

## **TOKOH-TOKOH TAMADUN JEPUN**

### **TOKOH JEPUN 1: Tokugawa Ieyasu**



Tokugawa Ieyasu Lahir di Okazaki (31 Januari 1543) – meninggal di Shizuoka (1 Jun 1616). Dilahirkan dengan nama Matsudaira Takechiyo Merupakan daimyo dan shogun (Jeneral) di Jepun.

Memerintah dari tahun 1600(resminya 1603) hingga turun takhta pada tahun 1605. Pada tahun Mac 24 1603, Ieyasu digelar sebagai Shogun dan mentadbir dengan

menggunakan sistem Tokugawa Shogunate. Dikuatkuasa di Jepun selama 200 tahun sebelum kebangkitan Meiji. Telah menyatukan semua negeri-negeri kecil. Pemerintahan masih bercorak feudal namun terdapat 3 tahap pentadbiran: Tairo ( majlis penasihat agung), Roju ( majlis Tertua) dan Hyojosho ( majlis kehakiman) Pemerintahnya dijalankan dengan cara diktator militer yang kejam. kekuasaannya cenderung bersifat diktator militer yang kejam. kekuasaannya cenderung bersifat absolut seperti di dalam disiplin organisasi kemiliteran.

Mengamalkan dasar pintu tertutup (Perdagangan hanya diizinkan dengan kapal yang datang dari Tiongkok/Belanda sahaja) Samurai yang mendapat hak keistimewaan yang lebih dari rakyat biasa.

## **TOKOH JEPUN 2 : MAHARAJA MEIJI**

### **BIOGRAFI MAHARAJA MEIJI**



Maharaja Meiji (3 November 1852±30 July 1912) ialah Maharaja Jepun yang ke-122 mengikut susunan pewarisan takhta tradisional, memerintah sejak 3 Februari 1867 sehinggalah hari kemangkatan baginda. Nama diri baginda adalah Mutsuhito (睦仁). Maharaja Meiji dilahirkan oleh salah seorang gundik diraja iaitu Nakayama Yoshiko bersama Maharaja Komei. Semasa keputraab baginda pada 1852, Jepun sebuah negara yang terpencil, belum berindustri dan mengamalkan sistem feudal yang

didominasi oleh Syogun Tokugawa dan daimyo (tuan tanah) yang memerintah lebih 250 kawasan terpencar di negara.

Pada 11 November 1860 baginda secara rasminya telah disyiharkan sebagai Putera Raja dan dikurniakan nama diri Mutsuhito. Pada 2 September 1867, Baginda telah mengahwini Masako (kemudiannya Haruko). Selepas kemangkatan baginda bermulanya satu tradisi baru iaitu memberikan zaman pemerintahan mendiang maharaja kepada baginda setelah mangkat. Oleh sebab pemerintah ketika zaman Meiji (Pemerintahan Kesedaran), baginda kini dikenali sebagai Maharaja Meiji.

Maharaja Meiji adalah simbol kepimpinan dalam era Pemulihan Meiji di mana pemerintahan Syogun Tokugawa digulingkan oleh tentera diraja ketika Peperangan Boshin. Pengenalan kepada sistem baru dalam Kerajaan Meiji telah menghapuskan sistem feudal dan mengisytiharkan sistem pemerintahan demokratik untuk kerajaan Jepun. Walaupun Parlimen telah dibentuk, namun ianya tidak mempunyai kuasa begitu juga dengan Maharaja Meiji. Kuasa telah diberikan oleh Tokugawa kepada tangan daimyo yang mana telah membawa kepada Pemulihan. Jepun sebenarnya dikawal oleh Genro, pemerintah oligarki yang mana mempunyai tentera, kuasa politik dan kuasa ekonomi yang kukuh. Maharaja Meiji menunjukkan kekuasaan politiknya yang lebih lama berbanding dengan pemerintah sebelumnya kerana dia adalah monarki Jepun yang pertama yang masih di atas takhta selepas 50 tahun semenjak pelepasan takhta oleh Maharaja Ogimachi pada tahun 1586.

Zaman Pemulihan Jepun adalah satu kebanggaan kepada negara Jepun kerana membawa pemodenan di Jepun dan menjadi kuasa yang menonjol di Asia Pasifik. Meskipun kadang-kadang dipanggil Mutsuhito atau Maharaja Mutsuhito di luar Jepun, maharaja-maharaja Jepun hanya digelar dengan nama posthumus mereka di Jepun. Penggunaan nama diri maharaja itu boleh dianggap kurang sopan. Selepas kemangkatan baginda, Jepun telah mengalami perubahan dari segi politik, sosial dan industri dan kemudiannya menjadi salah satu kuasa besar di peringkat antarabangsa.

## **SUMBANGAN DAN PERANAN MAHARAJA MEIJI**



Maharaja Meiji merupakan pemerintah Jepun selepas kejatuhan era kesyogunan dan Tokugawa. Pemerintahan Jepun diambil alih oleh Maharaja Meiji bermula pada tahun 1868 dan berakhir pada tahun 1912. Di bawah pemerintah Maharaja Meiji, Jepun telah mengalami perubahan atau evolusi yang besar dalam sejarah negara itu sendiri. Banyak perubahan-perubahan yang telah dilaksanakan oleh beliau sebagai ketua masyarakat Jepun, antara langkah yang paling signifikan ialah dengan memindahkan ibu negara Jepun pada masa itu, Kyoto ke Edo. Kemudian, pada tahun 1868, Edo telah ditukarkan kepada Tokyo.

### **PENGHAPUSAN SISTEM FEUDAL**

Seterusnya era pemerintahan Meiji juga menyaksikan penghapusan sistem feudal lama yang dipraktikkan dalam sistem pemerintahan Jepun sebelumnya. Oligarki Meiji telah mempengaruhi golongan-golongan daimyo ataupun tuan tanah supaya menyerahkan tanah secara sukarela kepada maharaja yang mana membawa kepada penghapusan semua tanah feudal pada 29 Ogos 1871. Sistem hierarki sosial yang diaamalkan dahulu juga dihapuskan, dan golongan samurai juga telah kehilangan hak istimewa dan hak mereka menggunakan pedang di tempat-tempat awam. Pada September 1871 samurai secara rasminya diharamkan menggunakan pedang dan juga hilang status sebagai pahlawan.

### **PEMODENAN SISTEM ANGKATAN TENTERA DAN LAUT**

Selain melaksanakan evolusi dalam sistem pemerintahan Jepun, beliau juga telah memodenkan angkatan tentera darat dan juga tentera laut. Sesuai dengan doktrin sebuah negara kaya dan tentera yang kuat, bercontohnya negara dari barat, kerajaan Jepun yang dipimpin oleh Meiji telah memperkenalkan sistem ketenteraan moden yang terdiri dari rakyat biasa (helmin) yang mana berusia 20 tahun ke atas, dan sistem ini

Aspek pendidikan juga tidak dilupakan dalam melaksanakan evolusi dalam memperbaharui negara Jepun dan Maharaja Meiji sendiri sedar pendidikan merupakan asas terpenting dalam usaha untuk menjadi sebuah kuasa ekonomi dan militari yang moden dan sistematik. Beliau juga berpendapat bahawa pendidikan merupakan asas yang paling penting sekali dalam usaha untuk membina sebuah negara yang kukuh,

dan berlandaskan pandangan beliau, pelbagai usaha yang dilaksanakan bagi memastikan aspek pendidikan tidak diabaikan dikalangan rakyat Jepun. Beratus-ratus penuntut Jepun telah dihantar ke luar negeri bagi mempelajari sains, pentadbiran, dan juga teknik perindustrian barat, manakla pakar-pakar, golongan professional,serta pakar teknologi barat telah digaji oleh kerajaan Jepun untuk mengajar berbagai kemahiran kepada rakyat-rakyat Jepun . pada tahun 1871, kementerian Pelajaran Jepun telah ditubuhkan dan pada tahun 1872 pula, Jepun telah dibahagikan kepada 8 kawasan pelajaran dimana setiap kawasan akan mempunyai sebuah universiti, 32 buah sekolah menengah dan 210 buah sekolah rendah. Di jepun, kanak-kanak yang berusia 6 tahun ke atas akan menerima pelajaran wajib selama 16 bulan dan menjelang tahun 1880 terdapat hampir 28 000 buah sekolah rendah dengan jemlah murid yang hampir 2 juta. Seterusnya, pada tahun 1886 Menteri Pelajaran Jepun Jepun pada masa itu, Mori Arinori memperkenalkan satu sistem iaitu, -pelajaran sekolah rendah diwajibkan selama 8 tahun dan sekolah menengah pula menawarkan kursus selama 4 tahun. Sekolah-sekolah tinggi- sekolah teknikal peringkat tinggi ditubuhkan meliputi bidang perubatan ,sains ketenteraan, pelayaran, pertanian, perdagangan , perikanan dan lain-lain. Pusat tertinggi sistem pendidikan Jepun ialah Universiti Di raja Tokyo yang ditubuhkan pada tahun 1886 dan seterusnya beberapa buah lagi universiti Di Raja telah ditubuhkan di Sapporo, Kyoto, dan juga Fukuoka. Seluruh sistem pelajaran pelajaran tertakluk kepada keperluan negara yang mana menuntut rakyat menjadi warganegara yang terlatih dan penuh dengan ilmu pengetahuan serta berdisiplin, dan pada tahun 1890 perintah Diraja mengenai pendidikan telah dikeluarkan yang menyatakan mengenai kepatuhan dan penghormatan kepada maharaja harus diterapkan di dalam kurikulum sekolah dan institut pengajian tinggi di Jepun.

## **UNDANG-UNDANG**

Dalam sistem perundangan pula, sistem perundangan yang moden telah dibentuk bagi mengakaji semula perjanjian yang dianggap tidak adil antara Jepun dengan kuasa barat yang ditandatangani antara tahun 1850-1860-an.Gustave Roissonade de Fontorabe dilantik sebagai penasihat Kementerian Keadilan Jpeun pada tahun 1873 dan beliau ditugaskan untuk menggubal undang-undang jenayah moden yang dikuatkuasakan pada tahun 1882. Manakala, undang-undang sivil dan

perdagangan yang telah digubal, telahpun diluluskan pada tahun 1888-1889. Dan dengan memodenkan sistem perundangan, Maharaja Meiji telah pun berjaya mengatasi masalah-masalah yang timbul berikutan perjanjian berat sebelah dengan negara-negara barat.

## **KASUSASTERAAN**

Seterusnya, pada waktu pemerintahan Meiji, minat dalam bidang kesusasteraan barat telah berkembang terutamanya dalam penterjemahan hasil karya tokoh barat yang terkenal seperti Homer, manakala Shakespeare dan Voltair telah mendapat sambutan yang baik, khususnya dari golongan- golongan elit dan penterjemah yang terkenal pada zaman itu ialah Oda Junichiro. Beliau telah mendapat didikan di Universiti Edinburgh, berikut ialah hasil karya yang diterjemahkan oleh beliau ;

- 1) Ernest Maltravers
- 2) The Bride of Cammermoor
- 3) Romeo and Juliet
- 4) The Last Day of Pompei

Terdapat juga karya-karya lain seperti Round The World in Eighty Days dan A Journey to the Moon secara tidak langsung telahpun merangsang minat masyarakat dan secara tidak langsung memudahkan rakyat menerima segala idea, pengetahuan, sains, pemikiran, pelajaran serta kebudayaan, hasil dari negara barat. Selain itu, terdapat juga perubahan citarasa dalam bidang kebudayaan seperti muzik, seni tari, lakonan dan juga seni lukis serta drama drama, dan kumpulan yang bertanggungjawab memulihkan dan memperbaharui seni-seni warisan tradisional ialah kumpulan Okakura Tenshin dan juga Shimomura Kanzon. Dalam pada masa yang sama, muzik gaya Barat juga bertambah popular dan disukai. Tarian ballroom menjadi kegemaran golongan ± golongan elit dan piring-piring hitam ada dijual di pasaran dan minat terhadap alat-alat muzik dan gaya muzik tradisional tidak dilupakan. Sebagai contoh, Gagaku yang merupakan muzik diraja yang hanya dimainkan di istana raja diberi keutamaan dalam sesuatu majlis rasmi dan juga upacara keagamaan, manakala instrumen-instrumen tradisional Jepun seperti Shakuhachi (seruling buluh) ,koto (alat muzik bertali) dan samisen (alat muzik bertali

tiga) diberi nafas baru. Pengusaha- pengusaha filem Jepun juga dapat mengutip pulangan yang lumayan hasil daripada filem yang telah dipetik dari adeganka bu ki( seni

drama). Panggung wayang yang pertama di jepun dibina pada tahun 1903 dan pada akhir era Meiji, industri perfileman Jepun berkembang pesat ditambah dengan penggunaan teknologi yang moden.

## **IDEALOGI DAN KEAGAMAAN**

Selain aspek kesusasteraan, aspek idealogi dan agama turut dititikberatkan dalam usaha Maharaja Meiji bagi membentuk negara Jepun yang baru. Idealogi negara sangat penting dan ianya berperanan meninggikan semangat cintakan negara atau nasionalisme. Meiji telah memperkenalkan idealogiko ku t a i yang mana prinsip ini menekankan keunggulan kerohanian masyarakat jepun . Rakyat juga diseru supaya menunjukkan taat setia sepenuhnya kepada raja dan negara dan agama Shinto Negara telah dijadikan agama rasmi di Jepun.

## **EKONOMI PERTANIAN**

Langkah penting yang diambil oleh kepimpinan Meiji ialah dengan menjalan pemodenan dalam bidang pertanian dan berpendapat bahawa sebuah ekonomi moden berasaskan industri kapitalisme merupakan kunci utama kepada keselamatan dan kegunaan nasionalisme. Proses ini didorong oleh beberapa faktor ± negara mengalami pertumbuhan penduduk yang pesat, sektor pertanian tidak dapat menampung semua penduduk yang tidak mempunyai pekerjaan, kerajaan menalami masalah kekurangan yang teruk dalam perdagangan luar negeri dan menyelesaikan masalah ini dengan menambah kuantiti dan jenis perindustrian ke negara asing. Pihak kerajaan asing juga menyedari kelas samurai yang begitu ramai perlu diberi pekerjaan kerana pihak kerajaan tidak mampu untuk terus membayar pencen kepada mereka.

Proses pemodenan ekonomi bermula dengan pembangunan sektor pertanian yang merupakan dominasi dalam hasil jumlah pendapatan Jepun dalam tahun 1870-an dan

1880-an. Sistem pembayaran cukai juga mengalami perubahan dengan menggantikan cara pembayaran lama yaitu dengan menghapuskan cara pembayaran cukai dengan hasil tanaman oleh petani. Oleh sebab itu para petani perlu membayar cukai dengan wang tunai iaitu sebanyak 3 peratus daripada nilai tanah sama ada hasil tuaian baik atau tidak. Penuntut dalam jurusan pertanian juga dihantar ke luar negeri dan khidmat pakar asing juga diambil untuk berkhidmat. Banyak kawasan baru telah dibuka bagi menggalakkan perkembangan tanaman komersil seperti teh, sutera dan lain-lain lagi.

## **EKONOMI PERINDUSTRIAN**

Pemimpin Meiji meletakkan asas bagi perkembangan perindustrian dengan membina industri baru yang berasaskan perdagangan. Penekanan telah diberikan dalam bidang industri pertahanan seperti pembinaan kapal, peralatan perang dan lain-lain lagi. Industri pertahanan yang terbesar dalam tempoh 1870 hingga 1880 ialah limbungan kapal tentera laut yang terletak di Yokusuka. Dua buah kilang besar juga telah dikelolakan oleh kerajaan di Tokya dan Osaka untuk membuat meriam, senapang dan peluru serta tiga buah kilang untuk membuat ubat bedil di Tokyo dan daerah Gumma.

Kekurangan kemudahan teknologi dan pengurusan yang cekap menyebabkan usaha kerajaan untuk menggalakkan penyertaan modal perindustrian untuk melabur dalam bidang industri baru. Selain itu, kegagalan ini juga disebabkan oleh keengganan saudagar-saudagar kaya untuk melabur kerana lebih suka menjalankan aktiviti perniagaan secara tradional. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan menubuhkan beberapa industri pembuatan seperti kilang penggulungan sutera moden, kilang memintal kapas, kilang benang bulu kambing, kilang simen dan kilang kaca. Kerajaan telah menyerahkan industri ini kepada beberapa syarikat Mitsui, Mitsubishi, Sumitomo dan beberapa syarikat lain lagi kerana memerlukan wang untuk melengkapkan industri

pertahanan. Hal yang demikian meletakkan asas bagi kewujudan penggabungan industri yang dikuasai golongan pemodal kaya yang dikenali sebagai Zaibatsu. Kumpulan Zaibatsu berkembang menjadi konglomerat yang memainkan peranan penting dalam menukarkan Jepun kepada sebuah negara perindustrian.

## **DASAR KEWANGAN DAN FISKAL**

Kementerian Keuangan telah dipertanggungjawabkan untuk membentuk sistem mata wang yang seragam. Pada zaman pemerintahan kesyogunan Tokugawa pelbagai jenis wang kertas dan syiling telah dikeluarkan. Pada tahun 1868, kepelbagaian jenis mata wang ini telah digantikan dengan wang kertas Kementerian Keuangan yang dikenali dengan nama *ryō*. Unit mata wang ini juga ditukar daripada *ryō* kepada Yen yang digunakan sehingga hari ini. Kadar nilai tukaran mata wang Yen secara kasar mempunyai nilai yang sama dengan dolar AS. Kerajaan juga menanggung inflasi dan penurunan nilai mata wang akibat penggunaan jumlah wang yang begitu besar dalam memodenkan negara Jepun selain daripada memperkembangkan bidang komunikasi, pembayaran pampasan kepada tuan feudal menumpaskan pemberontak golongan samurai dan lain-lain lagi. Namun demikian, masalah ini dipulihkan setelah Count Matsukata Masayoshi menjadi Menteri Keuangan pada tahun 1880. Beliau menangani masalah ini dengan mengenakan cukai yang tinggi kepada tembakau dan wain. Subsidi kerajaan kepada pelbagai jenis syarikat dikurangkan dan dasar pengambilan pekerja dikurangkan. Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Matsukata ini membolehkan kerajaan menarik kembali wang kertas yang diedarkan oleh pihak kerajaan seterusnya mengurangkan inflasi. Satu sistem kredit moden diperkenalkan dan beberapa buah bank rasmi dan separa rasmi diwujudkan. Bank Yokohama Specie (1880) telah dijadikan bank asing yang utama, Bank of Japan (1882) menjadi fiskal kerajaan dan Bank Hypothec sebagai badan pusat bank-bank perindustrian di 47 wilayah di Jepun. Menjelang 1882, 143 buah bank kerajaan dan separa kerajaan telah ditubuhkan.

## **POLITIK**

Sebaik sahaja pemerintah Meiji menerajui pemerintahan kerajaan Jepun, pada 3 Januari 1868, beliau telah melafaz beberapa ikrar. Ia bertujuan untuk menaik taraf negara Jepun supaya setaraf negara-negara yang sudah maju di barat. Ikrar Meiji mengandungi lima usul iaitu :-

- i. Membentuk kerajaan berdasarkan demokrasi berparlimen;
- ii. Menggalakan yang menghalang bidang pelajaran;
- iii. Menghapuskan adat istiadat lama yang menghalang proses pemodenan;
- iv. Golongan atasan diarahkan supaya jangan memandang rendah kepada orang-orang bawahan seperti petani dan pegawai tentera dan awam;
- v. Dasar tutup pintu dan anti orang asing adalah tidak menguntungkan dan perlu dihapuskan.

Pada tahun 1873, sistem fiskal telah diubahsuai. Sistem bayaran cukai secara tradisional dan rampasan harta secara paksaan telah dihapuskan. Bayaran wang secara tunai dipraktikkan dalam sebarang jenis urusniaga. Satu sistem cukai pusat yang moden telah ditubuhkan bersama-sama dengan satu sistem wang yang baru. Salah satu langkah modenisasi yang dijalankan ialah penghapusan sistem feodal kepada sistem pemerintahan secara demokrasi. Penghapusan feudalisme memperkukuhkan kedudukan kerajaan Meiji. Ini membolehkan kerajaan mempunyai kuasa yang sepenuhnya ke atas negara dan rakyat. Pada tahun 1876 sistem feudalisme dibubarkan sepenuhnya dan terbentuklah pemerintahan pusat. Pemerintah Meiji juga telah menamatkan system *muclass* Lapisan masyarakat yang sebelum ini dikuasai oleh golongan samurai, petuan, petani dan pedagang. Status rakyat adalah sama rata dalam mendapatkan keistimewaan-keistimewaan sebagai rakyat Jepun khususnya dalam lapangan ketenteraan dan pendidikan. Pada 11 Februari 1886, Maharaja Meiji telah mewujudkan Perlembagaan Meiji (Perlembagaan Negeri Jepun yang pertama dan bertulis). Perlembagaan Meiji mengandungi dua buah dewan iaitu Dewan Pertuanan dan Dewan Perwakilan.





<b>TAJUK 7</b>	<b>INTERAKSI TAMADUN ASIA DAN RELEVENSINYA DI MALAYSIA DAN DUNIA.</b>
----------------	---

**SINOPSIS**

**Bab ini memaparkan tentang interaksi antara tamadun Melayu, China, India dan Jepun. Sorotan interaksi dilihat tentang tamadun Asia dalam pemantapan tamadun Malaysia dan dunia serta kekuatan tamadun-tamadun Asia sebagai sumber rujukan. Kewujudan interaksi tersebut dilihat berdasarkan sejarah kedatangan bangsa Cina dan India ke alam Melayu dari segi hubungan perdagangan, diplomatik, penghijrahan serta penempatan kekal sebagai penduduk. Disamping itu proses interaksi antara tamadun ini memberi kesan kepada percampuran budaya antara tamadun.**

Unit ini mengandungi Dua tajuk:

7.1- Tamadun Cina dalam pemantapan Tamadun Malaysia dan Dunia.

7.2- Kekuatan Tamadun Cina sebagai sumber rujukan

**Hasil pembelajaran**

Di akhir bab ini, pelajar diharap dapat;

- 1- Mengetahui jalinan sejarah interaksi antara tamadun Melayu, China, India dan Jepun.
- 2- Mendalami kesan interaksi yang wujud hasil interaksi antara tamadun Melayu, China dan Jepun.
- 3- Memahami ciri-ciri persamaan yang dikongsi bersama antara tamadun.
- 4- Memahami ciri-ciri perbezaan yang wujud antara tamadun.

### **7.1- Tamadun Cina dalam pematapan Tamadun Malaysia dan Dunia.**

Prospek Globalisasi: Masalah dan Cabaran Dari segi persejarahannya, negara Malaysia merupakan satu dataran bagi pertembungan beberapa tamadun utama Timur dan Barat kerana kedudukannya dari segi geografi. Akibatnya kini, Malaysia mempunyai sebuah masyarakat majmuk dengan berbilang kelompok etnik masing-masing mempunyai tradisi budaya yang berakar umbi dalam tamadun-tamadun yang bertembung itu. Hakikat ini serta implikasi-implikasinya bagi pembinaan negara perlu disedari dan diambil kira oleh para pemimpin dan rakyat Malaysia. Oleh itu, sejak kemerdekaan negara pada tahun 1957, integrasi nasional diberikan penekanan sebagai satu nilai yang terunggul dalam proses pembinaan negara. Dalam hubungan ini, pucuk pimpinan negara hendaklah berpegang kepada integrasi nasional yang harus berasaskan keharmonian antara kaum melalui interaksi budaya dan dialog peradaban serta keadilan terhadap semua pihak.

Di peringkat global, kemajuan sains dan teknologi telah meningkatkan taraf hidup manusia pada kurun ke-20 dan awal kurun ke-21 ini yang memungkinkan terbentuknya zaman informasi (teknologi maklumat). Proses globalisasi dalam zaman informasi ini turut melibatkan Malaysia. Malaysia dan negara-negara lain akan menghadapi tiga prospek yang berkaitan iaitu pertama, negara-negara harus bekerjasama untuk menangani segala masalah dan cabaran yang berbangkit daripada globalisasi; kedua, interaksi budaya dan dialog peradaban akan menjadi lebih giat dan mendalam; dan ketiga, satu set ideal, kepercayaan dan nilai yang baru harus dikenal pasti untuk dipatuhi di peringkat sejagat. Dalam hubungan ini, Wawasan 2020 yang dilancarkan pada tahun 1991 merupakan cita-cita dan strategi pucuk pimpinan negara untuk menghadapi tiga prospek globalisasi yang tersebut itu. Pada ketika ini, Malaysia amat beruntung kerana memiliki satu khazanah yang kaya dengan pelbagai sumber kerohanian. Sumber-sumber kerohanian sejagat ini harus digali, dikupas dan diberi pengertian baru dalam konteks semasa. Penemuan-penemuan daripada penelitian semula ini akan menyumbang kepada perumusan ideal, kepercayaan dan nilai untuk negara dan dunia sejagat.

Dalam proses globalisasi ini, wujud masalah-masalah dalam zaman informasi. Walaupun banyak kemajuan yang telah dicapai dalam zaman moden ini, namun manusia masih menghadapi masalah-masalah yang berkesinambungan semenjak dahulu dan baru yang lebih mencabar. Antara masalah-masalah tersebut ialah pertama, pembangunan ekonomi dan kebendaan jauh lebih pesat berbanding dengan pembangunan kerohanian. Kedua, oleh sebab pengagihan kekayaan yang tidak seimbang, sebilangan besar manusia masih menghadapi masalah-masalah akibat kemiskinan dan kemunduran. Ketiga, institusi keluarga dan perkahwinan menjadi semakin lemah atau longgar kerana diserap oleh unsur-unsur negatif modenisasi, mengakibatkan kemerosotan ketenteraman sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan sesetengah masyarakat moden. Dan keempat, akibat eksploitasi sumber alam secara besar-besaran, pencemaran alam sekitar dan gangguan keseimbangan ekologi akan mengancam kehidupan manusia. Masalah-masalah tersebut disebabkan oleh kemerosotan akhlak dan kelemahan manusia sendiri, seperti kecenderungan kepada amalan rasuah, sifat tamak haloba, sifat mementingkan nafsu, sifat mementingkan diri dan sikap materialistik. Justeru itu, dimensi moral dan etika adalah penting dan harus diambil kira demi mengatasi masalah-masalah ini.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dalam proses pembinaan negara dan pemantapan tamadun Malaysia terkandung dalam Wawasan 2020. Antaranya, yang paling utama adalah untuk membentuk sebuah masyarakat dengan sifat-sifat yang diinginkan, supaya masalah-masalah pada zaman informasi itu dapat diatasi. Masyarakat yang diidamkan adalah seperti berikut:

1. Masyarakat yang demokratik, mengamalkan "demokrasi Malaysia" yang mantap, bermuafakat dan berorientasikan komuniti.
2. Masyarakat yang bermoral dan beretika dengan rakyatnya berpegang kuat pada nilai-nilai agama dan rohaniah serta mempunyai standard etika yang tertinggi.
3. Masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi, supaya rakyat yang berbilang

kaum bebas mengamalkan tradisi budaya dan ajaran agama masing-masing tanpa keterasingan.

4. Masyarakat yang berkebudayaan penyayang yang berteraskan satu sistem sosial yang memegang pada konsep kepentingan kolektif mendahului kepentingan individu, dan satu institusi keluarga yang teguh supaya kebajikan warganya berkisar pada keluarga, dan bukan pada kerajaan atau negara.

Dapat dirumuskan bahawa cabaran yang dihadapi oleh Malaysia adalah untuk mendirikan sebuah negara-bangsa beretika yang terdiri daripada rakyat yang beretika, yang menempatkan pula dalam keluarga yang beretika.

Pada tahun-tahun 1990-an, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan beberapa konsep dan rancangan baru untuk merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Antaranya, Multimedia Super Corridor (MSC) yang merupakan satu projek untuk memenuhi keperluan telekomunikasi antara negara dengan dunia pada zaman informasi ini. Projek ini akan melibatkan banyak pelaburan dalam pembangunan tenaga manusia demi perkembangan teknologi peraiatan (hardware) dan program perisian (software). Selain itu, Malaysia memerlukan banyak lagi tenaga manusia yang terlatih dalam pelbagai bidang demi meningkatkan produktiviti setiap sektor, khususnya perindustrian dan perdagangan. Oleh itu, pendidikan negara harus dipertingkatkan dari segi kualiti dan kuantiti. Sehubungan ini, beberapa inovasi telah diperkenalkan dalam bidang pendidikan. Inovasi yang agak berkesan ialah sektor swasta dibenarkan melabur dalam bidang pendidikan terutamanya pada peringkat tinggi. Melalui usaha bersama sektor awam dan sektor swasta, kini kemampuan sistem pendidikan Malaysia membekalkan kemudahan-kemudahan untuk latihan dan penyelidikan telah meningkat berlipat ganda, di samping melatih dan mengeluarkan sumber tenaga manusia. Dua lagi rancangan inovatif dalam pendidikan ialah sekolah bestan (smart school) dan universiti maya (virtual university) yang menggunakan teknologi telekomunikasi dari MSC. Perkembangan ini akan mendatangkan pembaharuan yang bersifat revolusi dalam pendidikan, lalu menjelmakan cita-cita Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini dan juga sebuah negara yang maju pada kurun ke-21.

Sejak Julai 1997, Malaysia dan juga beberapa buah negara di Asia Tenggara dan Asia Timur mengalami kegawatan ekonomi yang agak teruk. Oleh sebab terdapatnya banyak faktor luaran yang di luar kawalan negara kita dan dunia, kita mungkin akan menghadapi prospek kemerosotan yang umum. Justeru itu, Wawasan 2020 mungkin tidak dapat direalisasikan dalam tempoh masa yang dirancangkan. Walau bagaimanapun, ideal, kepercayaan dan nilai yang dipegang oleh rakyat dan pucuk pemimpin Malaysia tetap tidak berubah, sekiranya Wawasan 2020 terus menjadi cita-citanva.

### **Tamadun Cina: Relevansinya di Malaysia dan Dunia**

Berdasarkan masyarakat ideal yang digambarkan di atas, Wawasan 2020 terus menyatakan pelbagai wawasan rakyat Malaysia pada kurun ke-21 dan strategi untuk merealisasikannya. Nilai-nilai yang harus dioenkan tumpuan dapat dikenal pasti daripada kenyataan ini. Bahagian mi akan mengenal pasti nilai-nilai itu dan membandingkannya dengan nilai-nilai dalam tamadun Cina untuk melihat persamaan dan kaitan antara kedua-dua set nilai itu. Perbandmgn ini dilakukan dengan merujuk kepada wawasan atau strategi dalam bidang-bidang tertentu iaitu bidang politik, sosial, psikologi, ekonomi, pendidikar. dan pemeliharaan alam sekitar.

Dalam bidang politik, nilai utama yang diberikan tumpuan ialah integrasi nasional (perpaduan nasional). Selain itu, yang ditekankan ialah mengenai ideal demokrasi (khususnya kematangan, kemuafakatan, komuniti sebagai tumpuan), keamanan dan keharmonian, keadilan dan dedikasi terhadap negara. Tamadun Cina yang berasaskan humanisme dan moralisme memang menekankan keharmonian, kesederhanaan, keadilan, ketaatan dan ideal-ideal demokrasi seperti yang terkandung dalam The Grand Unity sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Dalam bidang sosial, yang diidamkan ialah sebuah masyarakat bermoral dan beretika, berkebudayaan penyayang, bersifat terbuka dan toleransi, bersifat bebas untuk mengamalkan tradisi budaya dan ajaran agama, bersifat saintifik dan progresif, dan berasaskan institusi keluarga yang kukuh. Sebagai mana yang telah dibincangkan

sebelum ini, tamadun Cina dalam proses perkembangannya telah menerima banyak pengaruh agama dan kebudayaan asing kesan daripada interaksi dengan tamadun lain. Tamadun Cina memang bersifat terbuka dan bertolak ansur. Selain itu, sistem etika Cina sejak zaman purba berasaskan keluarga semata-mata dan mengutamakan kebaikan hati (benevolence atau cohumanity) serta keharmonian dalam hubungan antara sebarang entiti (individu, kelompok, alam). Oleh itu, ajaran Konfusianisme mungkin memberi banyak implikasi bagi pemupukan kebudayaan penyayang dan pembangunan masyarakat yang beretika, liberal dan bebas dari segi agama dan budaya.

Dalam bidang psikologi, rakyat Malaysia harus dibangunkan psikologinya agar selaras dengan aspek pembangunan yang lain terutama pembangunan kebendaan. Sifat-sifat psikologis yang diperlukan ialah keyakinan sendiri secara kolektif, iaitu rasa bangga kerana keahlian dalam masyarakat dan pencapaian masyarakat; bersikap teguh terhadap pelbagai cabaran; tabah hati mengejar kualiti; dan adanya pembebasan psikologi (tidak rasa diri kurang penting). Dalam tamadun Cina yang bercirikan personalisme sebagaimana yang telah dibincangkan, pemupukan sendiri wajar diamalkan atas premis bahawa manusia berkeupayaan untuk mencapai semaksima kebaikan dan memberi manfaat. Lanjutan daripada premis ini ialah kepercayaan bahawa setiap orang tanpa mengira latar belakangnya harus dididik dan boleh dididik. Selain itu, pemupukan sendiri dalam tradisi Cina bertujuan untuk kepentingan keluarga, negara dan dunia, dan bukan untuk diri sendiri semata-mata. Nyatalah bentuk-bentuk pemikiran ini terdapat dalam tamadun Cina yang sememangnya relevan sebagai pedoman untuk merancang kurikulum dan pedagogi bagi pembangunan psikologi yang dingini.

Dalam bidang ekonomi, keadilan dan sikap berpatutan merupakan dua nilai yang penting. Kedua-dua nilai ini khasnya merujuk kepada pengagihan kekayaan secara adil saksama dan pekerjaan tidak dikenal pasti dengan ras. Sebenarnya keadilan pengagihan kekayaan adalah salah satu ideal dalam The Grand Unity. Selain itu, terdapat banyak nilai dalam tamadun Cina yang patut ditekankan dalam aktiviti ekonomi. Misalnya, kerajinan, berjimat-cermat, tanggungjawab (komitmen), integriti

dan ketaatan akan memanfaatkan

pertubuhan perniagaan secara langsung; nilai etika seperti keharmonian, kesetiaan, kesopanan, kepatuhan kepada norma dan peraturan, disiplin diri, semangat bekerjasama dan sebagainya mungkin memberi implikasi yang positif bagi teori organisasi, tingkah laku organisasi, pengurusan perniagaan dan psikologi perindustrian.

Dalam bidang pendidikan, pendidikan merupakan kunci pembangunan dan medium untuk merealisasikan Wawasan 2020. Banyak inovasi dan ciri baru diperkenalkan ke dalam sistem pendidikan sejak tahun 1990. Kita harus mengambil satu perspektif perbandingan supaya kebijaksanaan dan fikiran Konfusianisme dan tradisi lain dapat digunakan dalam segala pertimbangan mengenai perkembangan kurikulum dan strategi mengajar dan pengajaran. Dalam konteks ini, warisan-warisan tamadun Cina yang relevan dan menarik hati ialah pertama, kepercayaan optimistik pada potensi manusia untuk mencapai kecemerlangan individu atau berkelompok; kedua, pendidikan sentiasa diutamakan; ketiga, kepercayaan bahawa setiap individu harus dan boleh dididik; keempat, pembentukan keperibadian atau ajaran moral dan etika diberikan keutamaan; dan kelima, guru harus dihormati dan diberi status sosial yang tinggi. Nyatalah bahawa warisan-warisan ini adalah berpunca daripada humanisme, personalisme, intelektualisme dan moralisme dalam tamadun Cina.

Dalam bidang pemeliharaan alam sekitar, isu ini menjadi semakin runcing dan memerlukan persetujuan konsepsi dan kerjasama di peringkat sedunia. Secara asasnya, manusia perlu merujuk kepada tradisi yang menekankan serta mengamalkan hubungan harmoni antara manusia dengan alam semulajadi. Sehubungan ini, tamadun harus berdialog antara satu dengan yang lain supaya mencapai satu konsepsi yang rasional mengenai alam, kaitannya dengan manusia dan kewajipan manusia bagi mengatasi kemerosotan mutu alam sekitar. Mengikut ajaran sama ada Konfusianisme, Daoisme atau Buddhisme dalam tamadun Cina, manusia berkedudukan setaraf dengan alam, maka manusia harus berusaha memahami prinsip-prinsip alam semesta

(tian) supaya tercapai satu keadaan yang dikenali sebagai "kesatuan tian dengan manusia". Fahaman mengenai alam dan keadaan kesatuan ini adalah bersifat transendensi dan bukan empirik. Walau bagaimanapun, keharmonian yang tertinggi darjahnya harus diusahakan dalam hubungan manusia dengan alam semesta.

## **7.2- Kekuatan Tamadun Cina sebagai sumber rujukan**

Selain daripada adanya kaitan tamadun Cina, khasnya sistem nilainya dengan Malaysia dan dunia dalam konteks pembentukan semula sistem etika, perlu ditekankan di sini bahawa terdapat tiga kekuatan tamadun Cina sebagai sumber rujukan.

**Pertama**, dan sudut kesesuaian. Ideal Konfusian mengenai penubuhan sesebuah negara beretika bersesuaian dengan Wawasan 2020. Kedua-duanya mempunyai konsepsi yang sama mengenai kepercayaan, ideal dan nilai.

Khususnya, keluarga dianggap sebagai satu institusi sosial penting yang seharusnya dipelihara dan dipertahankan. Tambahan lagi, Malaysia sebagai satu negara-bangsa moden amat komited terhadap pembangunan pendidikan, berdasarkan kepercayaan pada perkembangan sepenuh potensi manusia peringkat perseorangan. Dalam hal ini, ideologi Konfusianisme yang berteraskan humanisme, humanitarianisme, intelektualisme dan rasionalisme, adalah secocok dengan fikiran pendidikan moden di Malaysia dan dunia.

**Kedua**, dari sudut skop yang komprehensif. Sungguhpun Konfusianisme dikembangkan lebih kurang 2,500 tahun dahulu, konsepsinya mengenai perhubungan sosial, iaitu Lima Perhubungan (wulun), adalah sah lagi komprehensif sehingga masa kini. Dalam Konfusianisme, nilai, sifat moral dan prinsip etika yang berkisar kepada lima perhubungan sosial adalah penting dan cukup sesuai untuk memberi ilham kepada mereka yang memikirkan satu sistem nilai yang sewajarnya

**Dan ketiganya**, dari sudut kaya dengan wawasan dan kebijaksanaan. Wawasan Konfusian mengenai masa depan manusia, seperti yang dinyatakan dalam The Grand



Unity amat berkaitan dengan masyarakat global. Pada tahun-tahun kebelakangan ini terdapat ramai sarjana yang terlibat dalam perbincangan tentang kaitan tamadun Cina dengan dunia moden dalam pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi, pendidikan, ketenteraan, pemeliharaan alam sekitar, pengurusan perniagaan, perubahan dan kesihatan. Pelbagai pendapat tentang keistimewaan atau keunikan dan juga kelemahan-kelemahan dalam tamadun Cina telah diutarakan. Sebilangan kecil mereka menegaskan bahawa tamadun Cina yang wujud dan berlangsung beribu-ribu tahun itu mempunyai unsur-unsur yang kurang sesuai pada masa kini. Namun, pada keseluruhannya, kebanyakan sarjana percaya bahawa tamadun Cina mempunyai unsur positif dan kebijaksanaan seperti yang telah dibincangkan. Tegasnya, seperti tamadun-tamadun lain yang memiliki jangka hayat yang lama, tamadun Cina yang kaya dengan wawasan dan kebijaksanaan akan terus menjadi satu sumber inspirasi yang relevan bagi manusia pada kurun ke-21.



Cuba uji kefahaman anda dengan menyiapkan latihan berikut

### **SOALAN-SOALAN TUTORIAL**

- 1. Bincangkan faktor-faktor kedatangan dan penghijrahan orang Cina dan India ke Alam Melayu.**
- 2. Jelaskan kesan interaksi antara tamadun Melayu dan Cina dari segi budaya dan kesenian beserta contoh.**
- 3. Huraikan pengaruh Hindu dalam adat resam dan hiburan masyarakat Melayu.**

**TAJUK 8****INTERAKSI TAMADUN ASIA DAN RELEVANNYA DI MALAYSIA DAN DUNIA****SINOPSIS**

**Bab ini memaparkan tentang interaksi antara tamadun Melayu, China, India dan Jepun. Sorotan interaksi dilihat tentang tamadun Asia dalam pemantapan tamadun Malaysia dan dunia serta kekuatan tamadun-tamadun Asia sebagai sumber rujukan. Kewujudan interaksi tersebut dilihat berdasarkan sejarah kedatangan bangsa Cina dan India ke alam Melayu dari segi hubungan perdagangan, diplomatik, penghijrahan serta penempatan kekal sebagai penduduk. Disamping itu proses interaksi antara tamadun ini memberi kesan kepada percampuran budaya antara tamadun.**

Unit ini mengandungi Dua tajuk:

- 8.1- Iktibar dari Tamadun India : Pandangan semester dan nilai-nilai yang relevansi kepada Malaysia.**
- 8.2- Sumbangan Tamadun Jepun aspek politik, agama dan pendidikan yang relevansi kepada Malaysia.**

**Hasil pembelajaran**

Di akhir bab ini, pelajar diharap dapat;

- 1- Mengetahui jalinan sejarah interaksi antara tamadun Melayu, China, India dan Jepun.
- 2- Mendalami kesan interaksi yang wujud hasil interaksi antara tamadun Melayu, China dan Jepun.
- 3- Memahami ciri-ciri persamaan yang dikongsi bersama antara tamadun.
- 4- Memahami ciri-ciri perbezaan yang wujud antara tamadun.

## **8.1- Iktibar dari Tamadun India : Pandangan semester dan nilai-nilai yang relevansi kepada Malaysia.**

### **PANDANGAN UMUM**

kepercayaan bahawa terdapat satu tamadun atau peradaban yang sempurna adalah mitos, bukan realiti. setiap tamadun mempunyai kekuatan-kekuatan (keunikan) dan kelemahan-kelemahan yang tersendiri. kekuatan sesuatu tamadun mungkin terletak pada nilai-nilai moral, agama, falsafah, politik dan estetik manakala kelemahannya terletak pada nilai-nilai ideal. untuk meneliti dan mengkaji nilai-nilai ideal bukanlah merupakan suatu tugas yang sukar tetapi untuk mengidentifikasikan kelemahan-kelemahan dan memahami sesuatu tamadun itu, menjadi satu cabaran.

dari tamadun india, kita dapat memerhatikan dua sudut pandangan yang menarik mengenainya iaitu pertama, nilai-nilai ideal dan kontradiksi terhadap nilai-nilai itu; dan keduanya, cara tamadun ini menyesuaikan diri terhadap perkara ini. inilah dianggap iktibar tamadun india yang menjadi teladan kepada zaman moden masa kini. dalam konteks ini, iktibar dari tamadun india dilihat melalui dua aspek terpenting iaitu pertama, pandangan semesta dan kedua, nilai- nilai.

### **PANDANGAN SEMESTA**

#### **Sifat Penerimaan**

Sejarah India yang dibahagikan kepada tiga zaman, iaitu zaman purba, zaman pertengahan dan zaman moden atau masing-masing dikenali sebagai Zaman Hindu, Muslim dan British, telah menyaksikan kedatangan penduduk-penduduk baru dan kemunculan budaya, tradisi, agama, falsafah, bahasa, idea dan sistem baru. Tamadun India dapat meresap, mengubah suai dan kekal dengan elemen- elemen dari dalam dan luar India. Semuanya ini membentuk suatu masyarakat berbilang budaya, agama dan kumpulan etnik dan subetnik di samping terdapat perbezaan berdasarkan kasta,

kawasan dan bahasa, yang masing-masing membuka ruang dan peluang bagi pembahagian masyarakat.

Kepelbagaian dalam masyarakat menyumbangkan unsur-unsur kontradiksi seperti kebaikan dan keburukan, toleransi dan tidak bertoleransi, perpaduan dan tidak bersatupadu, kesetiaan dan ketidaksetiaan, persamaan dan ketidaksamaan, integrasi dan perasingan, bekerjasama dan persaingan, persetujuan dan konflik, persamaan dan perbezaan, keadilan dan ketidakadilan, dan perasaan khatir dan tidak dipedulikan. Tetapi masyarakat India tidak berpecah belah atau tidak menimbulkan keadaan huru-hara walaupun beberapa perubahan antaranya dilakukan dengan kekerasan bukan secara sukarela. Masyarakat India kekal dengan kestabilan walaupun terdapat zaman-zaman yang menyaksikan perubahan pesat dan radikal kerana serangan luar. Ini kerana pandangan semesta India yang menekankan perpaduan dalam kepelbagaian dan dibantu oleh organisasi sosial yang menerima pelbagai unsur sambil menentang perubahan-perubahan.

Tamadun India, khasnya tamadun Hindu, telah mengembangkan pandangan semesta yang dapat mengharmonikan kecenderungan-kecenderungan berkonflik dan lain-lain unsur kepelbagaian dunia fenomena. Pandangan semesta organik ini, walaupun dibentuk berasaskan sifat kerohanian, menerangkan realiti seperti yang didapati di peringkat dasar (ultimate) dan di peringkat duniawi. Pada peringkat dasar realiti dilihat sebagai tidak berpenghujung (infinite) dan tidak terbatas tetapi pada peringkat duniawi ia dilihat sebagai bersifat majmuk dengan pelbagai nama dan bentuk. Tiap-tiap satu ini diakui sebagai realiti dengan unsur-unsur tersendiri di peringkat masing-masing. Walaupun perbezaan-perbezaan ini diakui sebagai satu yang berdasarkan tujuan ia wujud dalam konteksnya, mereka ini haruslah dilihat sebagai pandangan terhad. Sebenarnya mereka ini adalah manifestasi kepelbagaian realiti yang tidak berbeza. Unsur-unsur majmuk, yang dianggap sebagai manifestasi realiti mutlak, saling berhubung dan bergantung antara satu sama lain sebagai elemen-elemen keseluruhan yang berbeza (differentiated totality). Tiap-tiap satu boleh menjadi tumpuan bagi memahami keseluruhan. Dengan mengidentifikasikan unsur-unsur majmuk dengan

keseluruhan, konflik yang berlaku di peringkat duniawi dapat diatasi.

Jadi pandangan semesta ini menekankan sifat perpaduan di satu peringkat dan sifat majmuk-relativisme di peringkat lain.

Pandangan semesta ini lebih bersesuaian dengan unsur-unsur kompleks yang terdapat dalam realiti sosial, jadi ia bersedia untuk menerima pelbagai sistem, corak kehidupan sosial dan kepercayaan-kepercayaan. Ia tidak menuntut atau diganggu oleh prinsip moral yang terlibat dengan kepercayaan bahawa ia mempunyai kebenaran. Pandangan semesta ini membenarkan seseorang memilih cara berfikir dan melakukan tindakan sendiri. Oleh yang demikian kontradiksi diterima sebagai unsur kehidupan yang tidak dapat dielakkan. Perspektif ini menunjukkan bagaimana India dapat menerima dan dapat mengekalkan pelbagai tradisi, pandangan dan pemikiran yang sering berbeza. Pendek kata, pandangan semesta ini bukan sahaja menerima perbezaan dan kepelbagaian tetapi menuntut supaya mereka wujud bersama.

Sikap menerima kepelbagaian, perbezaan dan kontradiksi dalam tradisi sosiobudaya merupakan sumbangan utama tamadun India kepada tamadun dunia. Sifat ini ialah asas pandangan semesta India yang asal. Ia menekankan hakikat bahawa terdapat cara berfikir, cara hidup dan cara membuat sesuatu yang berbeza dan alternatif walaupun ia bertentangan satu sama lain. Sifat ini membenarkan kepelbagaian dan menerima hakikat bahawa kontradiksi bukan sahaja boleh wujud bersama tetapi harus wujud bersama kerana dalam dunia benar semua benda dan perkara tidak diaturkan dalam satu sistem yang teratur, seimbang dan berpadu. Jadi tradisi ini tidak menuntut bahawa bagi dua perkara untuk wujud bersama mereka tidak boleh mempunyai unsur-unsur bertentangan. Misalnya dalam aspek agama terdapat pelbagai kepercayaan, amalan dan falsafah yang dianggap sebagai unsur realiti agama. Dalam perkembangan tradisi agama didapati dewa-dewi yang terpenting pada Zaman Veda Awal dengan beribu-ribu mazmur suci dicipta dan pelbagai upacara pengorbanan diadakan. Lama-kelamaan dewa-dewi ini hilang kepentingan dan akhirnya lenyap dari sistem agama orang Indo Arya. Dewa-dewi baru dan pelbagai sistem agama yang berbeza dan kadang-kadang bertentangan muncul, semuanya menegakkan legitimasi dengan

menyatakan bahawa mereka didasarkan pada Veda-Veda. Tradisi India menerima semua ini dengan kepercayaan bahawa mereka ialah unsur-unsur benar Hinduisme. Sama ada ia politeisme atau monoteisme mahupun Vaisnavisme atau Saivisme semuanya adalah sama bagi seorang Hindu kerana mereka ialah perwakilan simbolik realiti agama yang sama.

Dewa-dewi politeistik dianggap sebagai penjaga nilai-nilai manusia seperti kesihatan, kekayaan, panjang umur, kemasyhuran dan kejayaan dan mereka boleh merayu kepada dewa-dewi supaya mengurniakan nilai-nilai ini. Konsep bahawa dewa-dewi menjaga sesuatu yang dikehendaki oleh manusia merupakan cara menegakkan nilai-nilai manusia dan memberi sifat-sifat kerohanian kepadanya. Bagi mereka yang mempunyai orientasi psikologi dan kemahiran kerohanian yang tidak sesuai bagi pencanaan kehidupan kekal abadi atau integrasi kosmik boleh meneruskan usaha mencari ketuhanan dalam kehidupan seharian. Jadi politeisme memainkan peranan mengikut rangka keperluannya. Pengikut tradisi Hindu tidak melihat apa jua kontradiksi sebab mereka melihat kesahan berhubung dengan tujuan.

Selain daripada struktur pluralistik tradisi agama Hindu, India juga menyaksikan kedatangan dua agama utama iaitu Islam dan Kristian dengan tradisi, kepercayaan dan amalan masing-masing. Kedua-dua ini wujud bersama dengan kepercayaan dan amalan Hindu dan orang-orang India menerima semua ini dengan semangat dan minda yang membenarkan perbezaan dan kontradiksi. Di samping itu kita dapat lihat orang-orang India yang memeluk kedua-dua agama ini kekal dengan pandangan, unsur dan amalan Hindu. Misalnya prasangka-prasangka kasta, ketidakbenaran perkahwinan semula balu, penyembahan patung dan amalan upacara diteruskan. Kontradiksi dengan ajaran Islam adalah ketara sebab terdapat orang India Muslim yang menyembah orang soleh dan tempat pengkebumian (seperti Shaikh Chisti dan Bairom Nath) yang bertentangan dengan monoteisme Islam. Amalan penyembahan patung-patung seperti yang terlihat pada orang Chaurishara di Uttar Pradesh yang menyembah Kalka Sahja Mai; Meo dari Punjab menyembahkan dewa-dewa seperti Siansi, Magti dan Lachi; Turk Nawa dari Bengal menyembah Lakshmi; orang Muslim Bengal menyembah Sitata, Kali dan Dharmaraj; orang Shin menyembah lembu dan orang

Momin dari Kutch menyembah trinita Hindu. Tetapi masyarakat Muslim termasuk pemerintah dan ulama menerima amalan- amalan ini dan tidak menyuarakan bantahan terhadapnya.

Dalam sistem pemikiran falsafah Hindu terdapat enam aliran iaitu Sankhya, Yoga, Nyaya, Vaisesika, Mimamsa dan Vedanta. Sankhya membincangkan 25 tattva atau prinsip yang menyumbang kepada penciptaan manakala Yoga menekankan kawalan badan dan pancaindera sebagai cara mencapai pengetahuan benar tentang Realiti Agung. Nyaya berdasarkan kepada logik jadi penekanan terhadap pemikiran yang jelas dan logik adalah cara mencapai kegembiraan teragung. Vaisesika menyatakan tentang penciptaan duniawi dari atom dan pelepasan dari kehidupan duniawi bergantung kepada kebolehan mengidentifikasikan elemen-elemen atomik duniawi. Kuasa dan undang-undang dalam kitab Veda dibincangkan oleh Mimamsa manakala Vedanta mencadangkan kewujudan Roh Mutlak dalam semua benda, dan tujuan kehidupan ialah mencapai penyatuan roh individu dengan roh duniawi. Tentang hubungan roh individu dan Tuhan terdapat sekurang-kurangnya tujuh interpretasi seperti dvaita (dualisme), advaita (tanpa dualisme), suddhadvaita (tanpa dualisme secara mutlak), visistadvaita (tanpa dualisme dengan syarat) dan sebagainya. Kesemua aliran falsafah ini wujud pada masa yang sama dan mewakili pandangan berbeza dan menerangkan kewujudan realiti dari sudut pandangan tertentu. Pandangan berbeza tidak sehingga menyingkirkan sesuatu pandangan lain untuk memahami kebenaran. Pandangan berbeza sebenarnya digalakkan oleh keinginan untuk menerangkan mengenai kebenaran dari sesuatu sudut pandangan. Bahawa terdapat pandangan yang berbeza atau bertentangan antara satu sama lain yang terus wujud dan berkembang menunjukkan kebolehan dan kesudian orang India menerima pandangan yang bertentangan mengenai sesuatu perkara, biar dalam aspek sosial mahupun dalam aspek agama atau falsafah.

Pemikiran falsafah Hindu wujud dalam suasana budaya yang sama dengan Buddhisme dan Jainisme yang menekankan falsafah heterodoks dan ateistik. Kedua-dua agama ini bukan sahaja mengelakkan perbincangan tentang Tuhan tetapi juga menafikan realiti dunia fenomena. Doktrin maya atau illusi tentang duniawi didokumentasikan dalam

aliran Yogacara dan Madhyamika mazhab Buddhisme Mahayana dan juga dalam mazhab Buddhisme Hinayana yang awal. Tambahan pula Buddha sendiri telah menolak Hinduisme, kasta dan kedudukan orang Brahmin tetapi orang India sudi menerima agama Buddha dan rarnai yang telah memeluknya. Semangat dan minda orang India tidak mengasingkan perbezaan dan kontradiksi kerana mereka percaya bahawa sesuatu pandangan itu mungkin benar di sesuatu peringkat dan mungkin betui tentang sesuatu aspek realiti.

Penerimaan unsur-unsur perbezaan dalam aspek agama membawa kesan positif bagi masyarakat India yang tidak mengalami sebarang pergolakan agama dalam sejarahnya. Tetapi sifat penerimaan yang terlihat dalam kehidupan sosial membawa kesan negatif terhadap seseorang individu dan sesuatu kumpulan yang menjadi mangsa diskriminasi dan penghinaan. Terdapat sebilangan manusia yang dianggap sebagai orang yang tidak boleh disentuh dan didekati, diasingkan dan dikehendaki tinggal dikawasan terpencil, didiskriminasikan dan dieksploitasi. Masyarakat India tidak mempedulikan ketidakseimbangan dan ketidakadilan yang berlaku di hadapan mereka walaupun tradisi bhakti menekankan persamaan manusia di sisi Tuhan. Ada yang cuba menggunakan konsep karma yang menyatakan bahawa kelahiran seseorang ditentukan oleh perbuatannya dalam kehidupan lalu iaitu sebelum kehidupan ini. Ini merupakan usaha golongan yang menikmati kehidupan yang baik menjustifikasikan kedudukan mereka. Kaum wanita juga tidak dikecualikan daripada penghinaan, diskriminasi dan layanan yang berbeza. Perkahwinan awal, amalan hipergami, pemberian dowri dan larangan terhadap perkahwinan semula balu menyebabkan kemunculan balu-balu muda. Prasangka dan diskriminasi terhadap balu begitu negatif sehingga mereka sanggup melakukan sati (membakar diri) bersama mayat suami mereka daripada hidup sebagai seorang balu. Memang tidak berlaku pergolakan sosial dalam masyarakat kerana perasaan batin ahli-ahli keluarga dan masyarakat tidak dibangkitkan dan mereka menerima adat-adat ini sebagai desachara (adat sesuatu kawasan).

Dalam aspek politik terdapat konsep rajadharma atau tugas-tugas yang diwajibkan bagi seorang pemerintah atau kerajaan. Bahawa terdapat tugas dan tanggungjawab



pemerintah bererti golongan yang diperintah mempunyai hak-hak tertentu untuk menuntut perhatian kerajaan. Rakyat yang setia dan membayar cukai mempunyai hak untuk menggantikan pemerintah atau kerajaan yang kejam atau tidak cekap. Jadi tekanan terhadap obligasi atau tanggungjawab antara satu sama lain penting dalam hubungan antara kerajaan dan rakyat. Kita dapat melihat dalam sejarah India, bukan sahaja pemerintahan (seperti Chandragupta Maurya, Asoka Harsha, Alauddin Hussein Shah, Sultan Zainal Abidin dan Akbar) yang selaras dengan konsep rajadharma tetapi terdapat juga pemerintah-pemerintah yang bersifat autokrat, mengganggu hak dan kebebasan rakyat, menyalahgunakan kuasa dan tidak berperikemanusiaan.

Pada zaman pemerintahan Aurangzeb, Islam dijadikan agama rasmi negara. Pegawai-pegawai beragama Hindu disingkirkan dari perkhidmatan kerajaan, cukai jizayah ke atas bukan Muslim dikuatkuasakan, baginda tidak ingin menaungi sent dan agama rakyat bukan Muslim, dan kuil-kuil Hindu dimusnahkan. Rakyat India menerima pelanggaran norma oleh pemerintah dengan falsafah bahawa penyelewengan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Jadi sifat penerimaan yang menjadi asas pandangan semesta India mempengaruhi pemikiran orang India sehinggalah mereka menerima idea, pandangan, amalan dan kehidupan yang berbeza dan kadang-kadang bertentangan.

### **Sifat Toleransi**

Pandangan semesta organik ini mengalami perubahan selepas kedatangan kuasa British ke India. Dasar memperkenalkan pendidikan Inggeris dan usaha-usaha yang dijalankan oleh mubaligh Kristian telah mempengaruhi pemikiran dan perasaan orang India. Mereka mulai menyedari beberapa kelemahan dalam masyarakat terutama dalam aspek sosial dan agama lalu mengambil tindakan untuk memperbaharui masyarakat. Mereka melihat masyarakat secara kritis dan dari sudut pandangan rasional dan apa-apa saja yang difikir tidak selaras dengan unsur rasional dan saintifik ditentang. Masyarakat India beransur-ansur menerima pandangan semesta atomistik yang mementingkan persamaan, persetujuan dan keharmonian.

Mengikuti pandangan semesta ini bagi dua benda untuk wujud bersama mereka tidak boleh mempunyai unsur-unsur berkontradiksi. Ketidaksamaan dan perbezaan akan menyebabkan mereka percaya India akan menyaksikan perubahan-perubahan sosial dan agama, usaha untuk menentang pihak British, perjuangan untuk menuntut kemerdekaan, rusuhan antara orang Hindu dengan Muslim, tuntutan untuk negara berasingan bagi orang Muslim, tuntutan oleh kasta-kasta bawahan untuk memperbaiki kehidupan dan kedudukan mereka, usaha-usaha perubahan terhadap kedudukan kaum wanita dan lain-lain lagi. Ini bermakna, ciri-ciri masyarakat yang wujud sejak zaman purba dan zaman pertengahan, dan yang telah diterima, sekarang dipersoalkan dan ditentang.

Tamadun India mempunyai atau memiliki mekanisme yang dapat menguruskan pemikiran dan tindakan rakyatnya, supaya dapat mengharmoniskan tendensi berkonflik yang muncul dalam masyarakat bersifat majmuk, dan juga hubungan antara individu terpaksa menghadapi pandangan semesta yang bertentangan. Konsep atau prinsip perpaduan dalam kepelbagaian mula diancam dan India menghadapi pelbagai tuntutan, termasuk tuntutan untuk memisahkan negara.

Kedatangan British dan tindakan memperkenalkan pendidikan Inggeris di India telah menyebarkan idea-idea seperti kebebasan, persamaan, kesetiaan, keadilan, rasionaliti, kebenaran dan kesedaran batin. Peranan mubaligh- mubaligh Kristian juga menunjukkan kepentingan nilai-nilai ini. Oleh yang demikian sikap, perspektif, kepercayaan dan pemikiran orang India melalui perubahan utama dan mempengaruhi pandangan semesta yang dipegang selama itu. Pandangan semesta baru mula muncul dalam minda orang India.

Mengikuti pandangan semesta ini semua benda mempunyai unsur-unsur semulajadi yang unik dan berbeza. Ia menekankan bahawa terdapat perbezaan mutlak antara benda-benda yang boleh wujud secara berasingan atau mengadakan hubungan dengan benda-benda lain. Ada kemungkinan benda-benda ini boleh wujud bersama sekiranya tidak ada konflik atau pertentangan antara mereka. Jadi perpaduan dilihat

dalam bentuk sistem yang seimbang, tetap dan tekun. iaitu benda-benda yang menjadi sebahagian susunan atau sebahagian dari perpaduan tidak boleh menunjukkan konflik dan kontradiksi antara mereka. Benda-benda yang menunjukkan konflik dan pertentangan tidak boleh wujud bersama.

Dipengaruhi oleh pandangan semesta baru ini masyarakat India mula melihat perbezaan agama, kasta, kawasan dan jantina sebagai unsur-unsur tidak sesuai dan tidak selari dengan idea-idea keadilan dan persamaan. Mereka melihat masyarakat India secara kritis dan melihat ketidaktetapan, kontradiksi dan konflik dalam semua aspek masyarakat sebagai sesuatu yang harus dipersoalkan dan diubah. Misalnya, perbezaan kasta dan ketidaksamaan menjadi sasaran pembaharu-pembaharu sosial dari Raja Ram Mohan Roy sehingga ke Gandhi, Ambedkar dan Naicker. Adat-adat sosial yang melibatkan kaum wanita seperti kahwin awal, perkahwman semula balu, pendidikan wanita, pembunuhan bayi perempuan dan upacara sati menyentuh kesedaran batin perubahan-perubahan di India seperti Ram Mohan Roy, Ishwar Chandra Vidyanagar dan B. M. Malabari. Swami Vivekananda mengingatkan orang India bahawa penerimaan secara buta adat-adat menyebabkan kemerosotan sosial dan budaya dalam masyarakat India. Di kalangan orang Muslim terdapat Syed Ahmad Khan, Syed Ameer Alt dan Bahruddin Tyabji yang memulakan pembaharuan sosial dan budaya supaya mereka menjadi lebih progresif.

Perkembangan sifat menghormati diri dan berkeyakinan diri menggalakkan orang India supaya memperjuangkan kemerdekaan daripada cengkaman kuasa imperialis. Ini menunjukkan bahawa orang India tidak lagi dapat menerima penjajahan negara mereka oleh kuasa imperialis asing. Dalam kehidupan sosial dan budaya, segala kontradiksi, konflik, perbezaan dan ketidaksesuaian tidak lagi diterima tetapi hanya ditoleransikan. Sifat toleransi menjadi intipati pandangan semesta orang India, biar orang Hindu mahupun orang Muslim. Dalam hubungan antara kaum masyarakat India menyaksikan perselisihan faham antara Hindu dengan Muslim. Perbezaan dan konflik meluaskan jurang hubungan antara kedua-dua kumpulan ini sehingga tuntutan dibuat untuk mewujudkan negara Pakistan. Kasta-kasta rendah yang telah menerima kedudukan mereka sehingga kurun ke-19 mula menuntut hak dan kedudukan mereka yang sah

dalam masyarakat. Kaum wanita juga berjuang untuk kebebasan dan persamaan. Sebahagian besar dari kaum wanita dan kasta rendah yang tidak dapat menentang kedudukan mereka kerana tidak ada kuasa untuk melancarkan perjuangan hanya mentoleransikan kedudukan mereka. Kumpulan-kumpulan bahasa yang tinggal di merata-rata tempat di India juga menuntut kerajaan India mewujudkan negeri-negeri berdasarkan bahasa selepas kemerdekaan. Kesan daripada permintaan ini membentuk negeri-negeri seperti Andhra Pradesh (bahasa Telegu), Tamil Nadu (bahasa Tamil), Orissa (bahasa Oriya), Karnataka (bahasa Kannada), Gujarat (bahasa Gujerati), Punjab (bahasa Punjabi), Bihar (bahasa Bihari), Kerala (bahasa Malayalam) dan lain-lain berlaku mulai tahun-tahun 1950-an.

Pandangan semesta baru yang menekankan perbezaan dan hak-hak individu member! galakan bagi sikap kritis terhadap realiti sosial. Ia berkait rapat dengan tujuan sesuatu benda, dan sesuatu benda dianggap baik atau buruk. Baik sekiranya ia memenuhi tujuan seseorang individu atau individu-individu, atau buruk sekiranya ia menghalang tujuan. Jadi keperluan menyingkirkan kejahatan yang wujud dalam bentuk kontradiksi, konflik dan perbezaan tidak dapat dielakkan. Masyarakat India kontemporari menghadapi banyak masalah berkaitan dengan kasta, kaum, dan agama kerana pandangan semesta atomistik ini yang menekankan peri pentingnya sifat keindividuan dan toleransi, bukan sifat berkumpulan dan penerimaan.

### **Relevansi kepada Malaysia**

Malaysia dan India mempunyai banyak persamaan bukan sahaja dalam unsur kepelbagaian kaum, budaya dan agama tetapi juga dalam pandangan semesta. Sehingga akhir 1960-an, masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India memegang pandangan semesta organik, dan menerima segala unsur masyarakat sama ada yang serupa atau berbeza. Dari segi demografi, kaum-kaum ini mendiami kawasan-kawasan yang berbeza sama ada menetap di perkampungan, perladangan (estet) dan bandar, dan kaum-kaum ini kurang berinteraksi. Mereka yang menetap di bandar menyaksikan pertemuan dan pertembungan pelbagai budaya dan tradisi. Perbezaan diterima sebagai suatu realiti

sosial. Kebolehan pandangan ini untuk menerima elemen-elemen berbeza dan berkonflik dalam satu sistem memberi satu wawasan luas dan kuasa untuk berasimilasi dan bertoleransi. Terdapat perpaduan antara kaum etnik dan interaksi antara kaum berlangsung dengan penuh tanggungjawab (komitmen), persaudaraan, hormat-menghormati dan persefahaman.

Tahun-tahun pasca 1970 di Malaysia, menyaksikan kemunculan pandangan semesta atomistik iaitu perbezaan dikenali dan diakui dan masyarakat dipandang dari perspektif kritis. Unsur-unsur kontradiksi antara komuniti diberi perhatian, dengan budaya, bahasa, agama dan kedudukan sosioekonomi menjadi isu-isu dalam perubahan.

Pemikiran rasional, salah satu aspek pandangan semesta atomistik, memerlukan kerajaan sebagai pelindung (penaung) kepada rakyatnya memahami keadaan dan kedudukan sosial dan ekonomi yang berbeza dan mengambil tindakan mengatasi perbezaan ini. Ketidakseimbangan dari segi sosio-ekonomi telah menyebabkan kerajaan memperkenalkan dasar-dasar untuk membaiki dan meningkatkan kedudukan kaum Melayu, sebagai kaum teras di negara ini. Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan dengan matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum dalam kedudukan sosio-ekonomi. DEB (1970-1990) diterima oleh kaum-kaum bukan Melayu kerana walaupun tumpuan utama diberikan kepada kaum Melayu dan bumiputera lain tetapi, kaum-kaum lain turut dilibatkan tanpa pengecualian. Ini kerana program membantu kaum Melayu dianggap sementara iaitu sehingga mereka mencapai kedudukan sosioekonomi yang lebih kurang sama dengan kaum-kaum lain di negara ini.

Tindakan melanjutkan dasar-dasar yang menyebelahi sesuatu kaum atau memberikan keutamaan kepada sesuatu kaum menyebabkan kemunculan kontradiksi baru. Wujud keadaan kaum Melayu akan menjadi sangat bergantung kepada kerajaan sehingga tidak boleh mencapai mobiliti sosioekonomi dengan usaha sendiri dan tidak mampu untuk bersaing secara terbuka dengan orang bukan Melayu. Tambahan pula kaum bukan Melayu mulai mencurigai keinginan kerajaan untuk menamatkan dasar-dasar ini. Terdapat sebilangan besar individu dalam kaum Melayu yang telah mencapai taraf

sosioekonomi yang tinggi tetapi masih menikmati kemudahan-kemudahan yang diberi melalui dasar-dasar ini. Kontradiksi seperti ini akan mewujudkan ketidaktentuan psikik di kalangan kaum- kaum lain yang tidak bersesuaian bagi hubungan antara kaum dan integrasi nasional.

Dalam analisis terhadap tamadun India terdapat kemunculan tiga prinsip asas yang penting bagi masyarakat pelbagai kaum dan budaya. Pandangan semesta organik membenarkan penerimaan penuh kepelbagaian, perbezaan dan kontradiksi tetapi pandangan semesta atomistik mengajar orang-orang India mentoleransikan kepelbagaian dan perbezaan dan menolak kontradiksi. Jadi di India moden terdapat penerimaan toleransi dan penoiaksn penerimaan. Di Malaysia juga terdapat penerimaan kepelbagaian dan perbezaan pada sebelum tahun 1970, tetapi ia berubah menjadi toleransi kepelbagaian dan perbezaan dan penolakan kontradiksi secara pilihan pada zaman berikut. Di sini juga kita menyaksikan penolakan 'penerimaan'.

Toleransi biasanya menandakan unsur-unsur negatif iaitu sesuatu atau seseorang tidak diterima atau disambut tetapi bertolak ansur kerana keadaan mendesak yang tidak boleh diubah. Sifat toleransi dalam masyarakat majmuk membawa kesan negatif. Apa yang perlu bagi integrasi nasional dan hubungan antara kaum ialah penerimaan secara penuh segala perbezaan dan kepelbagaian dan penolakan penuh segala kontradiksi tidak kira kaum, agama atau status sosial yang lain. Barulah satu aturan sosial yang stabil akan muncul dengan nilai-nilai individu, kumpulan, masyarakat dan nasional seperti persamaan, kerjasamapersetujuan, pencapaian, perpaduan, integrasi dan kesetiaan.

### **NILAI-NILAI YANG RELEVANSI KEPADA MALAYSIA.**

Tamadun India menekankan beberapa nilai yang penting untuk membentuk individu, memupuk semangat persaudaraan, menggalakkan sifat bertanggungjawab dan mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. Antara nilai dan kepercayaan yang menyumbangkan kepada unsur-unsur tersebut ialah Dharma, kepercayaan kepada Tuhan, Karma, Ahimsa, Satya, dan Perpaduan.

#### **1-Dharma**

Tradisi Hindu memperkenalkan konsep dharma untuk menandakan sifat benar individu dan masyarakat yaitu dharma berfungsi sebagai konsep semula jadi atau deskriptif (sebagaimana sesuatu itu wujud atau berlaku). Jadi dharma masyarakat memerlukan idea tentang fungsi dan peraturan bagi menentukan apa yang harus dilakukan oleh siapa. Dharma individu memerlukan apa yang harus dilakukan oleh seseorang mengikut kelahiran dan peringkat dalam kehidupan.

Semua fungsi dalam masyarakat adalah penting bagi sesuatu aturan. Amalan mempertingkatkan fungsi adalah percubaan untuk mengedarkan sumber kuasa iaitu yang mempunyai status tertinggi tidak mempunyai kuasa politik atau ekonomi, mereka yang mempunyai kuasa politik tidak menguasai sumber kekayaan dan mereka yang menguasai kekayaan tidak mempunyai kuasa politik atau kedudukan tertinggi. Dalam susunan seperti ini fungsi agama, pengajaran, usaha untuk kesucian moral dan kerohanian diberi nilai tinggi dalam masyarakat, diikuti pula oleh fungsi politik dan ketenteraan, kemudian fungsi ekonomi dan kerja buruh. Aturan seperti ini mengesahkan kewujudan sistem Warna dalam masyarakat.

Dharma khas bagi individu atau svadharma yang ditentukan mengikut kedudukan (varna) dan peringkat dalam kehidupan (asrama) harus dilakukan walaupun ia tidak sempurna. Misalnya, seseorang Brahmin yang berada dalam peringkat brahmacarya diwajibkan menumpukan perhatian kepada pelajaran dan seorang Kshatriya dalam peringkat kedua atau grhastya dikehendaki menceburkan diri dalam pemerintahan atau ketenteraan.

Visesa dharma merujuk kepada dharma yang dikaitkan dengan sesuatu kumpulan seperti vamadharmas (bagi vama), jatidharma (bagi jan), rajadharmas (bagi raja-raja) dan stridharma (bagi isteri). Misalnya, rajadharmas meliputi tugas dan tanggungjawab yang diwajibkan bagi seorang pemerintah. Kuasa yang dipegang oleh seorang raja dikaitkan dengan kedudukannya dalam masyarakat bukan sebagai seorang individu berasingan atau sebagai wakil rakyat tetapi tugasnya adalah melindungi undang-undang sosial. Rakyat mempunyai kuasa untuk menggantikan raja yang menyeleweng dalam tugasnya

iaitu mengambil cukai tetapi tidak melindungi mereka. Tugas utama raja ialah memerintah demi kebahagiaan rakyat dan rajadharma memerlukan seorang pemerintah menganggap kebahagiaan rakyat sebagai kebahagiaannya dan kebajikan rakyat sebagai tugas utamanya.

Sadharna dharma menekankan sifat-sifat am seperti kebenaran, kesabaran, memaafkan, kawalan minda, tidak mencuri, kebersihan, tidak melakukan kekejaman, kawalan deria, pengetahuan, ikhlas dan tidak marah, yang perlu ada bagi semua manusia.

Maka itu, dharma yang dikaitkan dengan tugas. tanggungjawab dan aturan memberi makna kepada kehidupan manusia iaitu memberi individu identiti dan makna kepada peranannya dalam kehidupan keseluruhan. Manusia tidak mempunyai pilihan bahkan tugas-tugas spesifik dan jaminan bahawa perlakuannya memberi kesan kosruik dan akhirnya akan membantu dalam usaha untuk melepaskan diri daripada kehidupan duniawi.

## **2- Kepercayaan kepada Tuhan**

Kepercayaan kepada satu entiti yang melampaui batasan pemikiran dan kesedaran manusia merupakan asas sistem pemikiran agama orang-orang Hindu. Dalam tamadun India kita dapat lihat setakat manakah konsep ketuhanan itu penting dengan merujuk kepada tradisi falsafah mereka sejak Zaman Vedik.

Dalam karya-karya Upanishad konsep ketuhanan telah dipelopori secara mendalam dan dikenali sebagai Brahman. Brahman mempunyai dua aspek iaitu saguna (mempunyai sifat) dan nirguna (tanpa aspek). Dalam aspek saguna, Brahman adalah ketua bagi semua, mengetahui segala-galanya dan pemerintah bagi pemikiran dalaman. Dialah yang menyebabkan semua, daripadanya segala-galanya berhasil dan kepadanya sahaja segala-galanya bersatu. Brahman adalah pemerintah alam semesta, Dialah yang mencipta, memelihara dan akhirnya memusnahkannya. Dialah yang mengarahkan takdir bagi semua makhluk dan yang tinggal di dalamnya. Dia



menganugerahkan kebahagiaan berdasarkan pahala dan memimpin mereka ke arah kesejahteraan dan kebebasan, sebaliknya menghukum mereka yang jahat. Dia digelar sebagai Isvara dan badannya adalah jumlah campuran badan di alam semesta.

Dalam aspek nirguna Dia tiada sifat-sifatnya. Kewujudannya mutlak, pengetahuannya mutlak dan kebahagiaannya mutlak tetapi kesemua ini tidak merupakan sifat-sifatnya. Dialah yang menerangkan kesemua dan nirguna Brahman hanya dapat diterangkan dalam bentuk penyangkalan seperti tidak panjang dan tidak pendek, tidak terbayang atau gelap, tiada rasa atau berbau dan sebagainya.

Dalam konteks menerangkan Brahman pemikir-pemikir Vedic telah membincangkan roh individu yaitu Atman. Atman digambarkan sebagai entiti yang bersemadi dalam badan manusia tetapi pada dasarnya adalah sama dengan Brahman. Roh individu digunakan untuk menerangkan Brahman yang juga dikenali sebagai Paratman (roh duniawi). Atman yang sebenarnya berasal dari Brahman menjadi berbeza kerana diselubungi oleh badan dan sehingga sifat keindividuan itu kekal. Atman tidak dapat melepaskan diri dari duniawi dan bersatu dengan Brahman. Atman haruslah menyingkirkan segala karma atau hasil perbuatan untuk mencapai Brahman. Upanishad-upanishad telah menggunakan beberapa tamsil dan ibarat seperti garam yang dicampurkan dengan air setiap titik air itu bergaram, bunga api dan api, besi dan gunting, tanah liat dan periuk belanga, emas dan rantai dan lain-lain untuk menerangkan sifat-sifat persamaan antara Brahman dan Atman.

Pemikiran agama dan falsafah yang muncul kemudiannya masih berasaskan kepada ajaran Upanishad. Dalam usaha untuk menerangkan hubungan Atman dan Brahman pendapat mereka berbeza iaitu ada aliran pemikiran yang menekankan sifat perbezaan antara roh individu dan roh duniawi, ada yang membincangkan hubungan bersyarat, ada yang menekankan bahawa tidak ada kedwaan dan lain-lain tetapi semua aliran-aliran ini menerima konsep ketuhanan.

Pemikiran falsafah India menyarankan setiap orang menyedari warisan kedwaan mereka dan menerusi ini, mereka akan menyedari tentang tiadanya pembatasan dari

segi geografi, bangsa dan agama. Ini menjadi faktor utama untuk menyatupadukan umat manusia di dunia ini. Ia memecahkan segala bentuk perbezaan yang membelenggui kita dan meningkatkan umat manusia kepada status yang sebenar sebagai anak-anak kekal abadi. Ia merupakan penjelasan kepada persoalan mengapa kita harus buat baik kepada orang lain? Kita harus berbuat baik kepada orang lain kerana kita kesemuanya ini adalah satu dan dengan menolong orang lain bermakna kita menolong diri kita sendiri. Sebaliknya, dengan menyakiti orang lain kita tidak mencederakan sesiapa tetapi sebenarnya mencederakan diri kita sendiri.

### 3- Karma

Prinsip karma yang merujuk kepada jumlah perbuatan, ucapan, pemikiran dan tindakan seseorang dalam kehidupan ini akan menentukan kedudukannya dalam kelahiran semula. Perbuatan yang baik membantu seseorang individu mengumpulkan punya karma dan perbuatan sebaliknya menyebabkan pengumpulannya karma. Kepercayaan bahawa seseorang yang mempunyai banyak punya karma akan lahir semula dalam keadaan di mana beliau terpaksa menghadapi penderitaan meyakinkannya supaya tidak membuat sesuatu yang tidak baik. Jadi ini menggalakkan setiap manusia berbuat baik kepada semua makhluk di dunia ini supaya menentukan bahawa dalam kelahiran semula kehidupannya adalah selesa. Membantu orang lain, menderma kepada golongan miskin, mengeluarkan kata-kata yang tidak melukakan hati orang lain, memikirkan tentang perkara-perkara yang baik dan sentiasa berbakti kepada Tuhan ialah unsur-unsur cara hidup yang disyorkan bagi seseorang yang menuju kepunya karma.

Agama-agama Budhisme dan Jainisme yang dianggap heterodoks kerana tidak menerima Veda sebagai autoriti dan tidak mementingkan konsep ketuhanan dalam ajaran-ajaran mereka telah menerima prinsip karma dengan makna yang sama. Prinsip ini menjadi asas pengajaran kepada kedua-dua agama ini, misalnya Buddha yang melihat sifat keinginan sebagai sumber penderitaan manusia mencadangkan lapan cara yang mulia seperti perbuatan yang baik, pengetahuan yang baik, pemikiran yang baik, renungan yang baik, ucapan yang baik dan sebagainya dan semua ini merangkumi prinsip karma.

Ajaran Bhagavadgita menekankan nishkama karma atau membuat kerja tanpa menginginkan hasil dari kerja itu. Mengesyorkan karma yoga sebagai salah satu cara untuk mencapai pelepasan dari kehidupan duniawi, seorang penganut haruslah menjalankan kerja dengan sempurna sebagai instrumen Tuhan tanpa mengharapkanapajupunbalasan. Agama Sikhisme yang merupakan agama yang menggabungkan unsur-unsur Hinduisme dan Islam juga menerima prinsip karma dalam ajarannya.

Jadi karma adalah prinsip asas bagi semua aliran pemikiran falsafah dan agama di India biar yang berpandangan ortodoks mahupun yang memilih pandangan heterodoks.

#### **4- Ahimsa**

Ahimsa yang bermaksud tidak melakukan kekejaman, merupakan satu lagi prinsip asas yang ditekankan oleh ajaran Upanishad, Buddhisme dan Jainisme. Ditegaskan oleh pemikiran falsafah India bahawa orang yang mencari kebenaran mesti mempunyai kuasa untuk mengawal emosi-emosi dan keinginan, beransur-ansur melepaskan diri dari ikatan kepada badan. Tindakan melakukan kekejaman bukan sahaja melibatkan manusia tetapi juga makhluk-makhluk lain. Oleh yang demikian, amalan tidak memakan daging menjadi satu unsur penting dalam budaya India sejak zaman purba.

Agama Buddhisme menganggap ahimsa sebagai prinsip terpenting dalam ajarannya. Di dalam semua benda yang bernyawa wujudnya roh dan perbuatan membunuh benda itu bererti mengganggu roh yang bersemadi dalam badan itu. Ini dianggap sebagai perbuatan dosa yang menyebabkan pengumpulan pava karma yang menjauh individu dari mencapai nirvana atau pelepasan.

Bagi Mahatma Gandhi, kuasa ahimsa merupakan instrumen untuk mengubah individu-individu supaya menentang ketidakadilan sosial, berjuang untuk kebebasan politik dan mengekalkan undang-undang dan peraturan. Menggunakan kekejaman untuk mengatasi lawannya hanyalah sekadar mencapai kemenangan pada zahir sahaja. Pada hakikatnya, ianya kalah dalam perlawanan kerana perkembangan rohani terhenti dan pencarian kebenaran menjadi sukar. Sebenarnya, pihak lawan merupakan kuasa-kuasa kekejaman yang wujud dalam diri manusia. Menurut Mahatma Gandhi, beliau mengesyorkan melayan musuh luar dengan kasih sayang dan simpati kerana mereka merupakan mangsa kuasa-kuasa jahat. Seseorang haruslah melawan dan menguasai musuh dalaman seperti hawa nafsu dan emosi-emosi supaya dapat mencapai ketenangan dan jelas untuk memahami kebenaran.

Jadi dalam prinsip ahimsa terdapat unsur-unsur positif seperti kasih sayang, simpati, betas kasihan, murah hati, jasa dan pengorbanan diri. Sifat-sifat ini haruslah diperkukuh supaya mengelakkan diri daripada melakukan kekejaman atau melukakan hati orang lain.

## **5- Satya**

Undang-undang kehidupan yang kekal abadi, tidak berubah, mentadbir duniawi dan terdapat dalam sifat semulajadi manusia ialah kebenaran atau satya. Dipercayai bahawa wujudnya suatu kuasa di peringkat duniawi dan kewujudannya dirasai oleh manusia, dan dianggap sebagai kuasa kebaikan iaitu satya. Jadi satya bererti pengetahuan benar yang merangkumi kebaikan, keadilan, tindakan yang benar, ucapan dan pemikiran yang benar dan juga realiti mutlak atau Tuhan.

Satya juga digunakan bagi cara dan tujuan kerana kedua-dua ini dianggap sama. Tuhan merupakan objek pencarian dan seseorang yang mengamalkan ucapan, pemikiran dan tindakan yang benar akan mencapainya. Kesucian merupakan cara yang amat penting dalam mencapai sesuatu tujuan. Ini kerana tujuan merupakan tahap akhir dalam siri tindakan, dan setiap tindakan yang diambil terhadap tujuan adalah merupakan pencapaian separuh tujuan itu. Ini bermakna tujuan dan cara mempunyai sifat semulajadi yang sama.

Doktrin karma yoga iaitu bertindak tanpa mengharapkankan hasil daripadanya merupakan salah satu ajaran penting dalam falsafah India dan adalah sama dengan satya. Tindakan yang benar/baik dianggap sebagai pencapaian separuh kebenaran (yang merupakan tujuan dasar manusia), tidak memerlukan kita bimbang terhadap hasil tindakan. Ia bersabit dengan seseorang yang mempunyai tujuan yang mulia dan cara bertindak yang dianggap benar.

Dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, Mahatma Gandhi telah menggunakan satya sebagai senjata sosial dan politik. Di samping mengumumkan tindakan untuk tidak bekerjasama dengan pihak British beliau juga sanggup

mengorbankan diri demi mencapai tujuan perjuangan. Beliau menyiksa dirinya dengan mengamalkan tindakan berpuasa sehingga man dengan harapan penderitaannya akan menyentuh perasaan dalaman pihak pemerintah dan juga pihak yang saling bermusuhan iaitu Hindu dan Muslim. Kesemuanya ini dilakukan demi untuk mengekalkan prinsip satya.

## **6- Perpaduan**

Negara India mengandungi masyarakat daripada pelbagai kaum dan agama, dan adalah penting kepada kerajaan untuk menggalakkan hubungan erat dan keharmonian masyarakat. Sejarah India menggambarkan pemerintah-pemerintah mengeratkan hubungan antara Hindu dan MusSim dan pemerintah-pemerintah yang melakukan sebaliknya.

Kerajaan-kerajaan Muslim di India, pada zaman pemerintahan Turko- Afghan yang mendirikan kesultanan Delhi mahupun pada pemerintahan Mughal, pegawai-pegawai yang dilantik adalah berdasarkan kebolehan dan bukan berdasarkan agama saereka. Pelantikan seperti ini membantu pentadbir mewujudkan hdbungan erat dengan masyarakat Hindu. Alauddin Hussain Shah (1493-1513) menjadi terkenal di kawasan Bengal bukan sahaja kerana melantik orang Hindu dalam kerajaan tetapi juga kerana naungannya terhadap bahasa dan kesusasteraan Hindu. Atas arahan baginda, kitab Bhagavadgita dan Mahabharata diterjemahkan dari bahasa Sanskrit ke bahasa Bengali. Pemerintah Kashmir, Sultan Zainal Abidin dihormati kerana tidak mempunyai prasangka agama dan tidak bersikap diskriminasi antara masyarakat Hindu dan Muslim. Buku-buku Sanskrit diterjemahkan ke dalam bahasa Persia supaya orang Muslim dapat membaca, memahami agama Hindu dan budaya Hindu purba. Sultan merupakan penaung kepada keseniaan dan kesusasteraan Hindu.

Pemerintahan Akbar memberikan gambaran dan teladan mengenai apa yang hams dilakukan oleh sesuatu kerajaan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat. Baginda sedar kepentingan kerajaan sebagai asas kehidupan berkolektif dan bukannya kepentingan agama. Maka itu, baginda bertindak mengasingkan diri dari

tradisi yang menerima sistem Khalifah Arab sebagai kuasa atau ketua kerajaan Muslim. Akbar menekankan konsep kerajaan sekular dan tanpa unsur perkauman. Sebaik sahaja Akbar menerajui takhta kerajaan baginda membatalkan cukaijizayah yang dikenakan ke atas rakyat bukan beragama Islam. Antara tindakan-tindakan lain yang menunjukkan kejujurannya menyatupadukan rakyatnya dan mengakui kebebasan individu ialah mengharamkan institusi perhambaan serta menggalakkan sifat persamaan rakyat disisi undang-undang tidak kira kedudukan kelas, kasta atau agama. Semua perkhidmatan kerajaan, sivil dan ketenteraan, dibuka untuk Hindu dan Muslim. Kahwin campur antara ahli-ahli keluarga diraja Mughal dan putera-puteri Rajput digalakkan sebagai cara mewujudkan semangat persaudaraan antara Hindu dengan Muslim.

Melaluinya juga, sumbangan dan bantuan diberikan kepada masyarakat Hindu, sadhu-sadhu dan pundit-pundit Hindu dan disokong oleh kerajaan seperti ulama-ulama Muslim. Geran-geran kewangan diberikan kepada mandir sebagaimana peruntukan diberi kepada institusi masjid. Tindakan juga diambil terhadap sati, iaitu suatu tradisi si balu [wanita] akan membakar dirinya bersama mayat mendiang suaminya, walaupun ia melibatkan adat Hindu atas alasan ia tindakan tidak berperikemanusiaan.

Akbar sedar kepentingan untuk mewujudkan suatu budaya am dan dalam hal ini, baginda cuba menggalakkan penggunaan satu bahasa am. Bahasa Urdu merupakan bahasa yang digunakan oleh orang-orang Muslim dan bahasa Hindi oleh orang-orang Hindi, tetapi asas kedua-dua bahasa ini ialah bahasa Persia. Maka itu keutamaan diberikan kepada bahasa Persia bukan sahaja sebagai bahasa rasmi tetapi juga sebagai bahasa pertuturan. Arahan diberi oleh kerajaan supaya semua akaun rasmi disimpan dalam bahasa ini dan semua komunikasi haruslah dijalankan melalui bahasa Persia. Buat kali pertamanya di India, kerajaan membina banyak sekolah dengan pelajar-pelajar Muslim dan Hindu diajar melalui bahasa Persia. Tindakan ini boleh disamakan dengan usaha Maharaja Cina Shih Huang Ti dalam kurun sebelum masehi yang memperkenalkan bahasa Mandarin sebagai bahasa am.

Idea satu budaya am menggalakkannya memperkenalkan sukatan pelajaran yang sama bagi semua sekolah sekular. Sukatan pelajaran am mengandungi kesusasteraan

Persia, etika, matematik, pertanian, geometri, astrologi, ekonomi, senipolitik, perubatan, logik, fizik, sejarah, ilmu menyimpan akaun dan kerja pejabat. Dasar menekankan sukatan pelajaran sekular adalah untuk mewujudkan suasana yang menggalakkan perpaduan nasional. Dasar pendidikan ini menggalakkan persefahaman budaya sehingga terdapat masyarakat Islam dan Hindu yang mula menulis dan menterjemahkan Atharva Veda dan Ramayana ke dalam bahasa Persia. Misalnya, Mulla Abdu Qadir Badaoni bekerjasama dengan seorang pundit Hindu menterjemahkan kitab Atharva Veda dan Ramayana ke dalam bahasa Persia. Penyair terkenal Faizi menterjemahkan Lilavati, karya klasik matematik, ke dalam bahasa Persia. Dara Shikoh, putera ShahJahan yang berminat dalam bidang falsafah dan mistikisme Hindu bukan sahaja menterjemahkan Upanishad, Bhagavadgita dan Yoga Vashistha ke dalam bahasa Persia, malah beliau menulis Majma-ul-Bahrai (tempat pertemuan dua lawatan) yang merupakan kajian perbandingan falsafah mistik Hindu dan Islam. Terdapat penyair-penyair Hindu seperti Chandran Bhan

Brahman yang telah mengubah syair-syair Persia yang bertaraf tinggi, sama seperti Abdul Rahim Khan Khanam dan Ras Khan yang mencipta syair-syair Hindi.

Dalam bidang seni bina, Akbar cuba mengintegrasikan unsur-unsur Muslim dan Hindu, dan mewujudkan stall Mughal seperti yang digambarkan dalam Jama Masjid di Fatehpur Sikri. Seni lukisan juga mengalami perubahan besar selepas Akbar menubuhkan akademi lukisan dan pelukis-pelukis Muslim dan Hindu diberikan tugas untuk mencipta lukisan yang menggabungkan unsur-unsur Muslim dan Hindu.

Sebagai suatu kesimpulan, Akbar bukan sahaja mempunyai kepimpinan yang cekap tetapi dapat menyatupadukan rakyatnya melalui dasar-dasar yang adil dan saksama. Baginda dapat mengekalkan perpaduan politik, ekonomi, sosial, dan budaya dalam empayarnya yang mengandungi pelbagai tamadun, terutama Islam, Hindu dan Buddha.

Dalam konteks ini, bandingkan dasar-dasar pemerintahan Akbar dengan pemerintahan Aurangzeb, dan kita dapat gambaran yang bertentangan. Aurangzeb bukan sahaja menjadikan Islam sebagai agama rasmi kerajaan, baginda juga mengamalkan sikap



tidak bertoleransi terhadap penganut agama-agama lain, lalu menghancurkan struktur harmoni, sosial dan keagamaan yang dibina oleh Akbar. Penekanan yang diberikan kepada agama Islam begitu kuat sehingga nyanyian, tarian, lukisan dan sajak tidak dibenarkan di balai istana. Bagi menguatkuasakan kod etika Islam untuk semua orang Muslim, baginda melantik pegawai-pegawai di setiap bandar untuk mendenda orang-orang Muslim yang tidak mencapaitarafmoraliti yang ditetapkan. Kemudian baginda melancarkan serangan terhadap Hinduisme, mengharamkan pesta-pesta dan perayaan Hindu pada tahun 1668, menggunakan askar-askarnya untuk merobohkan kuil-kuil Hindu dan institusi pendidikan Hindu. Sejak Mohamad Ghazni, inilah kali pertama India menyaksikan begitu besar bilangan kuil-kuil Hindu di India Utara yang dimusnahkan dan digantikan dengan masjid-masjid.

Dalam bidang pentadbiran, pegawai-pegawai beragama Hindu dalam kerajaan termasuk menteri-menteri yang meninggal dunia digantikan dengan pegawai-pegawai Muslim. Baginda cuba mentadbir empayar tanpa melibatkan orang Hindu tetapi akhirnya menyedari bahawa ia tidak mungkin dapat dilakukan lalu terpaksa mengambil balik kerani-kerani yang dibuang daripada perkhidmatan kerajaan. Dengan tujuan mematuhi undang-undang Sunni, baginda bertindak membatalkan semua cukai ke atas orang-orang Muslim dan kemudian memperkenalkan semula cukai jizayah ke atas orang-orang Hindu.

Dasar Aurangzeb menyebabkan wujudnya perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat bukan Muslim dan kesannya, pemberontakan mula tercetus di seluruh empayarnya. Masyarakat Hindu di Mathura menentang pencabulan kuil-kuil Hindu pada tahun 1669; petani-petani Punjab memberontak pada tahun 1672; orang-orang Sikh melawan kerajaan selepas guru kesembilan komuniti mereka, Tegh Bahadur, dipenggal kepalanya kerana tidak ingin memeluk agama Islam. Anak Tegh Bahadur, Guru Gobind Singh bersumpah akan membalas dendam demi bapanya dan agamanya lalu mengubah kaum Sikh menjadi tentera 'singa' yang mendedikasikan diri untuk memusnahkan kuasa Mughal. Orang-orang Rajput yang begitu setia kepada Akbar memberontak pada tahun 1679 dan orang-orang Maratha di bawah Shivaji Maharaj berjuang menentang kuasa Mughal untuk mencapai kemerdekaan kawasan mereka.

Kebangkitan penentangan dan pemberontakan terhadap kuasa Mughal di seluruh empayar secara beransur-ansur menyumbang kepada kemerosotan dan kejatuhan kerajaan Islam ini.

Berdasarkan perbandingan kepada kedua-dua pemerintahan, kita dapat lihat keperluan dan kepentingan dasar yang adil bagi sesuatu negara yang mempunyai pelbagai tamadun yang mengandungi pelbagai kaum, budaya, agama dan bahasa. Melalui dasar yang rasional menurut penganut Hindu, Akbar dapat menarik perhatian semua rakyatnya terutama di kalangan bukan Muslim untuk diperakui sebagai pemerintah teragung dan memberikan taat setia kepadanya. Manakala pemerintahan Aurangzeb, dianggap telah mengganggu keharmonian dan perpaduan rakyatnya kerana dasarnya yang dianggap berat sebelah dan tidak adil. Kestabilan politik terancam dan kerajaannya sentiasa terpaksa menghadapi kebangkitan penentangan dan pemberontakan dalam empayar. Maka itu, perbezaan dalam dasar-dasar pemerintahan Akbar dan Aurangzeb menjadi pengajaran (teladan) tentang dasar yang harus diamalkan dalam negara berbilang kaum seperti Malaysia supaya dapat mewujudkan perpaduan dan kestabilan politik.

## **8.2- Sumbangan Tamadun Jepun aspek politik, agama dan pendidikan yang relevansi kepada Malaysia.**

### **i) Aspek Politik**

**Pemerintahan beraja di Malaysia oleh Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja Melayu.**

- **Jepun mengamalkan sistem raja berperlembagaan.**

**2. Yang di-Pertuan Agong berkuasa mutlak dalam pemerintahan baginda. Antara bidang kuasa YDA:**

- **kuasa budi bicara**
- **Kuasa dalam pentadbiran**
- **kuasa dalam perundangan**
- **kuasa dalam kehakiman**

- Kuasa-kuasa lain
- Maharaja Jepun ialah tunggak pemerintahan dan bertindak sebagai ketua pentadbiran iaitu mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahannya.
- Maharaja berkuasa memilih pembesar dan pegawai-pegawai untuk membantu urusan pentadbiran.

#### **KUASA BUDI BICARA**

- Melantik Perdana Menteri
- Menyetujui atau menolak permintaan PM untuk membubarkan Parlimen.
- Memanggil mesyuarat Majlis Raja-raja hal-hal berkaitan kebesaran raja-raja.

#### **KUASA DALAM PERUNDANGAN**

- Memberi ucapan perasmian dalam persidangan pertama Majlis Parlimen tetapi tidak mendengar persidangan
- Berkuasa memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen
- Memperkenankan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam masa 30 hari.
- Melantik 44 orang ahli Dewan Negara dan setiausaha Dewan Rakyat/Negara.
- Kuasa eksekutif tetapi mesti bertindak atas nasihat PM
- Berhak mendapat apa-apa maklumat mengenai pemerintahan
- Ketika Mesyuarat Majlis Raja-raja diiringi oleh PM
- Melantik :
  - YD Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak
  - Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri
  - Ketua Polis Negara, Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara
  - Ketua Audit Negara, Ahli-ahli Suruhanjay

#### **KUASA DALAM KEHAKIMAN**

##### **Melantik..**

- Ketua Hakim Negara, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi
- Hakim Mahkamah Sesyen

**Berkuasa memberi keampunan atas nasihat Jemaah Pengampunan atas kesalahan di..**

- **Mahkamah Awam Wilayah Persekutuan**
- **Mahkamah Tentera**
- **Mahkamah Awam di Wilayah Persekutuan, P.Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak dan negeri baginda sendiri.**

#### **KUASA-KUASA LAIN YANG di-PERTUAN AGONG**

- **Ketua agama Islam bagi**
  - **Negeri baginda sendiri**
  - **Negeri-negeri tidak beraja**
  - **Wilayah Persekutuan**
  - **Panglima Tertinggi ATM**
  - **Berkuasa mengisytiharkan darurat**
  - **Menganugerahkan gelaran dan pingat kebesaran**
  - **Menganugerahkan surat watakah pelantikan duta-duta ke Malaysia**
  - **Bertanggungjawab memelihara kedudukan orang Melayu dan kaum bumiputera di Sabah/ Sarawak**
  - **Memelihara kepentingan sah kaum bukan Melayu.**

**. Sultan-sultan Melayu sebagai pelindung rakyat di bawah pemerintahan baginda, lambang perpaduan dan keamanan sesuatu negeri.**

- **Maharaja Jepun bertanggungjawab besar sebagai pelindung, lambang perpaduan dan keamanan. Kedaulatan politik seseorang maharaja *dilegitimasikan* berdasarkan konsep '*Mandate of Heaven*'.**
- **Dengan mandat diberikan, seseorang maharaja akan menentukan kehidupan rakyatnya berada dalam keadaan tenteram dan makmur.**

**. Perdana Menteri**

- **Perdana Menteri Jepun adalah ketua kerajaan yang dilantik melalui undian dari kalangan ahli-ahli Parlimen.**
- **Perdana Menteri berasal dari parti majoriti di parlimen.**
- **Menteri-menteri kabinet dilantik oleh Perdana Menteri.**

- Maharaja Jepun melantik Perdana Menteri berdasarkan keputusan Parlimen Jepun, dan memberi perkenan atas pelantikan menteri-menteri kabinet.
- Perdana Menteri memerlukan sokongan dan kepercayaan dari anggota Dewan Perwakilan untuk mengekalkan jawatannya sebagai Perdana Menteri.

#### 5. Pertahanan Negara

- Jepun memiliki sebuah Pasukan Pertahanan Diri yang terletak di bawah pengawasan Kementerian Pertahanan, dan terdiri dari Pasukan Pertahanan Diri Darat Jepun (JGSDF), Pasukan Pertahanan Diri Laut Jepun (JMSDF), dan Pasukan Pertahanan Diri Udara Jepun (JASDF).
- Malaysia memiliki pasukan pertahanan negara yang terdiri daripada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Darat Diraja Malaysia (TDDM)
- Bertujuan untuk menjaga dan mempertahankan wilayah daratan, perairan negara, ruang angkasa, Selat Melaka dan laluan pintu keluar masuknya, dan Selat Singapura selain jaluran laluan perhubungan laut dan udara yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

#### ii) Aspek Agama

- Negara Jepun mengamalkan ajaran Confucius.
- Ajaran Confucius telah mempengaruhi falsafah dan pemikiran sesama manusia melalui 5 prinsip:
  - ✓ Hubungan raja dengan rakyat
  - ✓ Hubungan anak lelaki dengan ayah
  - ✓ Hubungan adik dengan abang
  - ✓ Hubungan isteri dengan suami
  - ✓ Hubungan kawan dengan kawan
- Kesemua 5 prinsip telah melahirkan rakyat Jepun yang mempunyai semangat patriotik dan cintakan negara.
- Ini membawa kepada semangat berani mati demi maharaja.

### iii) Aspek Pendidikan

#### . Sistem Pendidikan Sekolah Rendah, Sekolah Menengah

- Sistem pendidikan Jepun dibahagikan kepada lima peringkat: tadika, sekolah rendah, sekolah menengah peringkat rendah (3 tahun), sekolah menengah atas (3 tahun) dan universiti.
  - Sistem pendidikan ini dikekalkan sejak zaman pemerintahan Meiji lagi.
- Malaysia mengamalkan sistem pendidikan serupa iaitu: tadika, sekolah rendah (6 tahun), sekolah menengah (6 tahun termasuk pelajar STPM)



Cuba uji kefahaman anda dengan menyiapkan latihan berikut

#### SOALAN-SOALAN TUTORIAL

1. Nyatakan Pandangan semester dan nilai-nilai yang relevansi tamadun india kepada Malaysia.
2. Terangkan sumbangan Tamadun Jepun dari aspek politik, agama dan pendidikan yang relevansi kepada Malaysia.

**SINOPSIS**

Semenjak kejatuhan kerajaan Islam Sepanyol, dunia menyaksikan akan kebangkitan satu kuasa baru iaitu tamadun Barat. Kebanyakan tamadun Barat telah membuka era baru kepada dasar penguasaan atau hegemoni terhadap negara lain terutamanya negara Islam. Kebangkitan yang diiringi dengan pelbagai kemajuan ketenteraan, ekonomi dan kewangan telah menjadikan Barat sebuah kuasa yang menggunakan kekuatannya untuk kepentingan diri sendiri. Blok Barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat menjalankan pelbagai dasar luar yang kononnya untuk menegakkan keadilan namun semua ternyata hanya retorika mereka sahaja. Lebih-lebih lagi apabila globalisasi yang mereka cipta dan war-warkan telah mula meresap dalam setiap inci kehidupan manusia di dunia hari ini.

Unit ini mengandungi lima tajuk:

**9.1: Hegemoni Barat Dan Globalisasi****9.2: Krisis Alam Sekitar****9.3: Persepsi Jihad****9.4: Etika dalam Sains****9.5 : Kesan perkembangan kontemporari kepada masyarakat dan negara.****Hasil pembelajaran**

Di akhir bab ini, pelajar diharap dapat;

1. Mengetahui scenario dunia hari ini yang melihatkan bagaimana kuasa barat menguasai dunia.
2. Mendalami peranan dan kuasa Barat dalam hubungannya dengan negara-negara Islam.
3. Memahami kedudukan Negara-negara Asia dan Islam pada hari ini khususnya selepas kejatuhan kerajaan Islam.
4. Memahami gerakan dasar hegemoni Barat dan merancang strategi bagi mengatasinya.

## 9.1: Hegemoni Barat Dan Globalisasi

### PENGENALAN

Abad ke-20 membawa kepada bermulanya perkembangan pesat sains dan teknologi maklumat yang luar biasa. Kepesatan yang begitu eepat dan canggih ini berjaya menciptakan peradaban moden yang menjanjikan pelbagai kemajuan dan kemudahan, sekaligus memenuhi segala tuntutan arus kemodenan. Pelbagai alat sains dan teknologi maklumat berjaya dihasilkan dan kehidupan manusia bertambah mudah dengan segala keeanggihan ini. Namun, dalam manusia leka dengan limpahan kemewahan dan kemajuan ini, penghujung abad ke-20 juga telah diwarnai oleh pelbagai bene ana dan kemelut yang meresallkan hampir semua bidang kehidupan so sial, politik, ekonomi dan sebagainya yang juga sedikit sebanyak berpunea dari keeanggihan teknologi maklumat serta sains teknologi ciptaan manusia. Abad 21 telah pun berada di hadapan kita, seiring dengan kelajuan proses globalisasi dan dukungan kuat teknologi maklumat dan revolusi komunikasi yang menjadikan kehidupan manusia semakin pantas dan kompleks. Namun, di sebalik kehidupan manusia yang pantas dan serba eanggih ini, kita menyaksikan kemelut kemanusiaan pada saat kritikal dan tragis, wabak penyakit yang menular, terrorisrne global, perang saudara yang'berterusan dan pelanggaran hak asasi manusia. Sana-sini dipaparkan di dalam media eetak dan elektronik kehidupan manusia semakin tragis dengan semakin hebatnya arus kemodenan dunia.

Apabila diimbias kembali akan kehebatan Islam dalam menguasai dunia semenjak zaman Nabi Muhammad SAW hinggalah kepada kejatuhan kerajaan Islam Sepanyol, kita melihat bahawa dunia hidup dalam era yang aman kerana tiadanya dasar penguasaan globalisasi Barat. Namun, kebangkitan tamadun Barat mula menampakkan taringnya selepas kejatuhan kerajaan Islam Sepanyol sekaligus telah membuka era baru kepada dasar penguasaan Barat terhadap negara lain terutamanya negara Islam melalui dasar globalisasi ala-Barat yang diwar-warkan ke seluruh dunia. Inilah yang membawa kepada permulaannya dominasi barat atau disebut sebagai hegemoni Barat. Fenomena yang disebut sebagai hegemoni Barat ini ialah apabila Barat menggunakan



kuasanya sebagai kuasa terbesar dunia untuk menguasai politik, ekonomi, budaya, pemikiran, teknologi dan lain-lain. Dan yang paling dahsyat apabila Barat menggunakan kuasa tenteranya untuk menguasai negara yang tidak sehaluan dengannya. Sebagai kesannya, tindakan membalas dendam seera keras juga tidak dapat dibendung lagi dan di sinilah timbul isu keganasan dan terrorism yang selalunya ditujukan kepada pejuang Islam.

## **KEMUNCULAN TAMADUN BARAT**

Munculnya tamadun Barat ini adalah rentetan daripada dua tamadun awal utama iaitu tamadun Yunani atau Greek (muncul 200 sebelum Masihi) dan tamadun Rom (sekitar 753 sebelum Masihi). Oleh itu, tamadun Barat merupakan tamadun yang berteraskan kepada pemikiran dan falsafah tamadun Yunani dan Rom (Azhar Muhammad & Abdullah Sulong, 2005 : 95).

Tamadun Yunani adalah tamadun yang berasal dari tamadun terawal Barat iaitu tamadun Aegean dan tamadun Yunani ini muncul selepas kemunculan tamadun-tamadun yang lebih awal seperti tamadun Mesopotamia dan Mesir. Masyarakat dalam tamadun Yunani mempunyai pencapaian yang hebat dari sudut politik, so sial dan ekonomi. Tamadun Yunani telah dapat mencipta banyak ilmu falsafah yang menjadi as as kepada falsafah Eropah atau falsafah Barat itu sendiri.

Politik Yunani adalah berdasarkan suasana politik yang demokrasi. Sesuai dengan suasana politiknya yang bersikap terbuka dan demokrasi, tamadun ini telah menghasilkan ramai ahli falsafah yang terkemuka dan dikenali sehingga ke hari ini. Antara mereka yang terkenal ialah Socrates, Plato dan Aristotle. Socrates mempunyai ajaran falsafah yang tidak pernah ditulis sebaliknya diaksikan dalam perbuatan. Ajaran falsafah Socrates berpegang kepada "soal jawab adalah jalan untuk memperoleh pengetahuan". Plato yang banyak belajar dari Socrates telah banyak menghasilkan karya dan buku. Bukunya yang bertajuk Republic merupakan buku panduan akhlak yang memandangkan ahli-ahli falsafah sebagai pemimpin yang terbaik kerana berpegang kepada etika. Aristotle yang banyak menimba ilmu daripada Plato dan juga guru kepada

Iskandar Zulkarnain (Alexander the Great) merupakan orang yang pertama memperkenalkan cara berfikir yang teratur dan kaedah saintifik dalam mencari kebenaran (Muhammad Kamlin, 1986: 38).

Zaman penguasaan negara kota Yunani oleh Iskandar Zulkarnain dari Makedonia menandakan bermulanya Zaman Graeco-RomjHelenistik (323-146 S.M.). Zaman Helenistik ini adalah merujuk kepada perluasan dan penyebaran pelbagai pencapaian tamadun Yunani seperti idea, falsafah, teori politik, budaya dan bahasa ke dunia luar iaitu selepas kematian Iskandar Zulkarnain. Kemudian, pemerintahan kerajaad Yunani diambil alih oleh tiga orang jeneral di tiga buah kerajaan yang berlainan iaitu kerajaan Ptolemaic di bawah Ptolemy I, kerajaan Antigonid di bawah pimpinan Antigonus Gonates dan kerajaan Seleucid di bawah pimpinan jeneral Seleucus. Kerajaan inilah yang membantu memperkembangkan lagi kebudayaan Yunani ke luar dari kawasan asalnya (Sivachandralingam Sundara Raja & Ayadurai Letchumanan, 2001 : 160).

Empayar Rom dimulai oleh Augustus yang menguasai dunia Rom dari tahun 27 S.M. hingga tahun 14 M. Ketika ini empayar Rom telah melangkah ke zaman kegemilangan dan digelar sebagai Pax Romana yang bermaksud Keamanan Rom kerana selama 200 tahun keamanan wujud di Rom. Kerajaan Rom mampu berkembang sebagai sebuah empayar meliputi tiga buah benua Asia, Utara Afrika dan Eropah. Keseluruhan Eropah disatukan di bawah satu tampuk pemerintahan walaupun penduduknya terdiri daripada pelbagai suku bangsa yang membawa kepada permulaan negara dunia (Sivachandralingam Sundara Raja & A yadurai Letchumanan, 2001 : 164-165).

Kejatuhan empayar Rom pada tahun 476 M menyaksikan kemunculan kerajaan-kerajaan orang gasar dalam batasan empayar Rom. Di Barat pada tahun 800 M muncul empayar Rom Sud yang diasaskan oleh seorang pemimpin gasar berketurunan Frank, Charlemagne. Empayar ini merupakan satu usaha untuk mengembalikan kegemilangan empayar Rom (Sivachandralingam Sundara Raja & A yadurai Letchumanan, 2001 : xxi). Dengan tercetusnya Perang Salib (1096-1291 M) antara orang Islam dan Kristian untuk merebut Tanah Sud Jerusalem telah membuka peluang kepada penduduk Barat dan Eropah melihat kemajuan orang Islam.

Sebagai kesan daripada Perang Salib membawa kepada munculnya zaman Renaisans pada abad ke-14 dan 15 M. Renaisans telah melahirkan nilai-nilai humanisme, individualisme, sekularisme yang merangsangkan Eropah kepada kemajuan-kemajuan yang lebih pesat. Ia juga membawa kepada perkembangan semangat nasionalisme dan pembentukan negara bangsa seperti England, Sepanyol dan Portugal (Sivachandralingam Sundara Raja & A yadurai Letchumanan, 2001 : xxi). Kemunculan negara bangsa ini membawa kepada perkembangan ekonomi kebangsaan yang disebut merkantilisme yang menyebabkan persaingan dalam perdagangan, galakan kepada dptaan dan teori baru yang akhirnya membawa kepada Revolusi Sains.

Kesan langsung Revolusi Sains ialah Revolusi Intelektual di mana masyarakatnya lahir dengan idea-idea yang terbuka dan berdasarkan perlembagaan. Kesannya muncul negara berperlembagaan di England. Perubahan-perubahan politik ini menyediakan suasana yang baik bagi perkembangan ekonomi dan sosial di Eropah pada abad-abad berikutnya.



Berikan definisi ringkas mengenai ketamadunan. Apakah faktor-faktor penting yang mempengaruhi perubahan ketamadunan.

## **9.2: Krisis Alam Sekitar**

### **Akta Kualiti Alam Sekitar Malaysia(1974:1)**

Alam sekitar bermaksud faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi dan juga fakta-fakta sosial.

### **Ariffin T.N (1987: 203)**

Alam sekitar adalah sebagai ekosfera yang mengandungi ekosistem-ekosistem yang saling berinteraksi. Ekosistem pula terdiri daripada faktor-faktor biologi yang saling bergantung sesama sendiri antara faktor biologi dan fizikal.

### **Odum 1971: 432**

Pencemaran ialah perubahan yang tidak dikehendaki ke atas ciri-ciri fizikal dan biologi daripada air, udara dan tanah yang mungkin atau akan membahayakan manusia atau spesis-spesis yang lain, keadaan hidup dan nilai kebudayaan atau yang mungkin membazirkan atau merosotkan sumber-sumber bahan mentah.

### **Akta Kualiti Alam Sekitar (1974:-2-3)**

Pencemaran ialah apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, kimia, biologi atau radioaktif mana-mana bahagian alam sekeliling dengan melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan buangan hingga menjejaskan apa-apa kegunaan berfaedah, menyebabkan merbahaya kepada binatang, burung, binatang liar, ikan atau menyebabkan satu pelanggaran terhadap apa-apa syarat, had atau sekatan yang dikenakan ke atas sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah akta.

### **Norhibah Hasan Zawawi (1999:33-34)**

Pencemaran berlaku apabila bahan-bahan pencemaran menghasilkan sesuatu perubahan yang boleh mengancam alam sekitar. Pencemaran akan menimbulkan kesan negatif kepada persekitaran terutama organisma hidup termasuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Pencemaran yang paling ketara ialah udara, air dan tanah.

## **JENIS-JENIS KRISIS ALAM SEKITAR.**

### **Pencemaran Udara**

Pencemaran udara berlaku apabila terdapat gas, titisan cecair atau zarah dari bahan tertentu yang menyebabkan ruang atmosfera berubah dan membawa kesan buruk kepada semua kehidupan. Antara punca pencemaran ialah pertambahan bilangan kenderaan dan pertambahan kawasan industri berat.

Selain itu, pembakaran sampah dan asap rokok juga boleh menyumbang kepada pencemaran terhadap udara persekitaran.

### **Pencemaran Air**

Air meliputi 71% permukaan bumi, dari jumlah ini, 97% merupakan air laut , 2% air salji, manakala 1% ialah air daratan yang kita gunakan untuk kegunaan harian seperti industri dan pertanian. Sumber air yang 1 % ini harus kita jaga supaya tidak tercemar.

Pencemaran air bermaksud berlakunya perubahan dari segi kandungan, keadaan dan warna meliputi di sungai, laut dan tasik dan tidak sesuai dan memberikan risiko kepada manusia dan hidupan lain. Antara punca pencemaran air ialah sisa toksid, bahan buangan sampah, minyak dan najis serta penerokaan melampau yang menyebabkan hakisan tanah.

## **Pencemaran Bunyi**

Kebisingan didefinisikan sebagai bunyi yang keterlaluan dan boleh memekakkan telinga. Secara saintifik pula kebisingan maksudnya sebarang bunyi yang melebihi 80 dibesel (Db).

Klasifikasi pencemaran bunyi :

- a) Kebisingan Selanjar
- b) Kebisingan Fluktasi
- c) Kebisingan Impuls
- d) Kebisingan selang-seli

## **PANDANGAN DAN SIKAP MANUSIA TERHADAP ALAM SEKITAR**

Pandangan dan sikap manusia mengenai persoalan alam sekitar boleh dilihat dalam tiga kategori yang utama :

- **Dominasi (*Domination*)**
- **Kekhalifahan (*Stewardship*)**
- **Romantisisme (*Romanticism / Deep Ecology*)**

### **1. Dominasi (domination)**

- Pandangan ini membenarkan eksploitasi dan kawalan manusia terhadap alam sekitar demi memenuhi keperluan manusia.
- Alam semulajadi dianggap sebagai satu gedung sumber atau bahan untuk kehidupan. Alam semulajadi tidak mempunyai nilai intrinsik dan kepentingan tersendiri.
- Alam merupakan satu bentuk komoditi dan tertakluk kepada keperluan manusia.

- Manusia dan alam dilihat sebagai dua entiti yang terpisah.

## **2. Kekhalifahan (*Stewardship*)**

- Pandangan ini mengatakan bahawa manusia adalah khalifah di bumi dan bukannya tuan punya alam ini.
- Manusia bertanggungjawab di dalam memakmurkan alam dan bukan mengeksploitasinya secara sembarangan.
- Manusia dan alam semulajadi merupakan dua entiti yang berbeza tetapi saling berkaitan di antara satu sama lain.

## **3. Romantisisme (*Romanticism / Deep Ecology*)**

- Pandangan ini meletakkan nilai intrinsik dan kegunaan kepada setiap bentuk kehidupan.
- Spesies hidupan selain daripada manusia dilihat sebagai suatu entiti yang perlu dihormati haknya.
- Alam semulajadi perlu dihormati dan dijagai sebagai suatu yang suci.
- Pandangan ini menganggap bahawa manusia dan alam merupakan entiti yang sama.
- Manusia adalah sebahagian daripada alam.

## **PRINSIP-PRINSIP ISLAM DI DALAM HUBUNGAN MANUSIA DAN ALAM SEKITAR**

Prinsip-prinsip ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu: Tauhid, Khalifah dan Amanah, Syariah, Keadilan dan kesederhanaan.

### ***Tauhid***

- Konsep tauhid merujuk kepada konsep keesaan Tuhan iaitu tiada Tuhan selain Allah s.w.t. Umat Islam seharusnya sentiasa mengingati Allah s.w.t. dalam setiap perbuatan, pemikiran dan perasaannya.
- Matlamat utama segala perbuatan, pemikiran dan perasaan adalah untuk mendapat keredaan-Nya. Manusia adalah bertanggungjawab terhadap apa yang dilakukannya dan akan mendapat balasan setimpal di hari akhirat.
- Konsep tauhid ini tidak terhad kepada persoalan ibadah semata-mata tetapi turut merangkumi setiap aspek kehidupan termasuklah persoalan hubungan manusia dan alam sekitar.
- Manusia harus sedar bahawa bumi yang didiami ini adalah hak milik Allah s.w.t. jua. Spesies manusia hanyalah sebahagian daripada makhluk ciptaan-Nya; manusia perlu berinteraksi dengan lain-lain spesies yang mendiami bumi ini.
- Meskipun diberikan kelebihan sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi, manusia tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya. Sebaliknya manusia mestilah mengambil kira kesan dan akibat tindakannya terhadap spesies-spesies lain.
- Ini kerana manusia bertanggungjawab atas segala tindakannya dan akan dipersoalkan di hari kemudian kelak.
- Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda, maksudnya, ***‘Semua ciptaan Allah s.w.t. adalah seperti satu keluarga; dan Dia paling menyayangi mereka yang paling baik terhadap keluarga-Nya.’***

### ***Khalifah dan amanah***



- Al-Quran telah menjelaskan bahawa alam ini dijadikan mengikut ukuran tertentu dan berada dalam keadaan seimbang dan harmoni.
- Alam bersifat teratur dan boleh difahami. Ianya menjadi 'ayat' atau 'tanda' bagi manusia memahami hakikat kewujudan Allah s.w.t.
- Ini dinyatakan dalam Surah Taha, ayat 53-54, yang bermaksud: ***'Yang telah menjadikan bagimu bumi sebagai hamparan dan telah menjadikan bagimu bumi itu jalan-jalan dan menurunkan dari langit air hujan. Maka kami tumbuhkan dengan air hujan itu berjenis-jenis dari tumbuhan yang bermacam-macam... Makanlah dan gembalakanlah binatang-binatangmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang yang berakal.'***
- Manusia dipilih sebagai khalifah kerana kelebihanannya dikurniakan Allah s.w.t. dengan akal fikiran berbanding makhluk-makhluk lain.
- Sebagai khalifah, manusia bertanggungjawab menjaga keharmonian dan keseimbangan alam dan bukannya mendominasi alam ini.
- Amanah yang diberikan Allah s.w.t. kepada manusia ini perlu dijaga kerana pada akhirnya setiap individu akan dipersoalkan tentang tanggungjawabnya.
- Dunia ini adalah tempat ujian bagi manusia dalam menentukan kesudahan di hari akhirat.
- Surah al-An'am, ayat 165 menyatakan: ***'Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi. Dia meninggikan setengah kamu atas setengah yang lain dengan beberapa darjat supaya Dia boleh menguji kamu apa yang telah dikurniakan-Nya. Tuhan menurunkan azab amat seksanya tetapi sesungguhnya Dia Maha Pengampun Lagi Maha Mengasihani.'***

### ***Syariah***

- Syariah menggariskan asas etika dan norma serta perundangan untuk menjadi panduan umat Islam.

- Syariah adalah berasaskan kepada ajaran al-Quran dan juga contoh teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.
- Matlamat akhir hukum syariah adalah untuk kebaikan umum semua makhluk ciptaan Tuhan dalam kehidupan dunia dan juga akhirat.
- Hukum syariah berkembang daripada kepercayaan tentang konsep tawhid atau keesaan Tuhan.
- Allah s.w.t. adalah Maha Pencipta dan kepada-Nya jugalah tempat kembali bagi semua makhluk di dunia ini, sebagaimana dinyatakan dalam Surah Mulk, ayat 2, yang bermaksud: ***‘Dialah yang menjanjikan adanya mati dan hidup, supaya Dia boleh menguji siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya dan Dia Maha Perkasa Lagi Maha Penyayang.’***

### ***Keadilan dan Kesederhanaan***

- Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya.
- Al-Quran dalam Surah 16, ayat 90 menyatakan bahawa: ***‘Sesungguhnya Allah s.w.t. menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan.’***
- Konsep adil dalam alam ini dapat dilihat daripada penciptaan alam semulajadi yang mematuhi ukuran-ukuran tertentu serta sentiasa berada dalam keseimbangan dan keharmonian.
- Islam juga menganjurkan umatnya hidup dalam kesederhanaan dan tidak berlebih-lebihan.
- Dalam persoalan alam sekitar, Allah s.w.t. tidak melarang manusia menggunakan sumber semulajadi tetapi penggunaan ini tidaklah sehingga berlebih-lebihan, sebaliknya cukup sekadar memenuhi keperluan.
- Misalnya dalam Surah An Nahl, ayat 5 ada menyatakan: ***‘Dan binatang ternakan, diciptakan-Nya untuk kalian daripadanya mendapat pakaian panas dan keperluan (lain-lain) dan sebahagiannya untuk kalian makan’.***

- Contoh lain tentang kesederhanaan dalam kehidupan sehari-hari ialah ketika berwuduk sebelum menunaikan sembahyang, di mana hanya anggota tubuh tertentu sahaja yang wajib dibasahi dan bukannya seluruh badan.
- Selain itu, umat Islam juga digalakkan mengamalkan sikap berjimat cermat dan tidak membazir dalam penggunaan air.

## **APLIKASI PRINSIP-PRINSIP ISLAM DI DALAM HUBUNGAN MANUSIA DAN ALAM SEKITAR**

- 🚧 Hubungan manusia dan haiwan
- 🚧 Hubungan manusia dan tumbuh-tumbuhan
- 🚧 Penggunaan dan pemilikan tanah

## 1- Hubungan manusia dan haiwan

- Islam menganjurkan supaya manusia sentiasa mengamalkan sikap yang baik walaupun kepada haiwan.
- Hadis : ***'Kebaikan yang dibuat oleh seseorang itu terhadap haiwan adalah sama baiknya dengan kebaikan yang dibuatnya terhadap manusia; sementara kejahatan yang dilakukan terhadap haiwan adalah sama jahatnya dengan perbuatan kejam yang dilakukan terhadap manusia.'***
- Islam juga membenarkan manusia memelihara dan menternak haiwan untuk dijadikan makanan (misalnya ayam, itik dan kambing), kenderaan tunggangan atau menarik pedati (misalnya unta, kuda dan kaldai) dan juga kegunaan-kegunaan lain yang berpatutan.
- Namun, setiap haiwan peliharaan perlu diberikan haknya!
- Jika haiwan perlu dibunuh atau disembelih, ianya mestilah dilakukan dengan kaedah yang betul bagi mengurangkan kegelisahan dan rasa sakit kepada haiwan itu.

## 2- Hubungan Manusia dan Tumbuh-tumbuhan

- Hadis Rasulullah s.a.w. : ***'Dunia ini hijau dan cantik dan Tuhan telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan.'***
- Al-Quran dan hadis banyak menyebut tentang kegunaan tumbuh-tumbuhan kepada manusia serta juga keperluan untuk manusia bercucuk tanam.
- Al-Quran, surah 80, ayat 24 hingga 32 menyatakan tentang tumbuhan sebagai makanan manusia. Ayat itu bermaksud: ***'Maka hendaklah manusia itu memperhatikan makanannya. Sesungguhnya Kami telah benar-benar mencurahkan air dari langit. Kemudian kami belah bumi dengan sebaik-baiknya. Lalu kami tumbuhkan biji-bijian di bumi itu. Anggur dan sayur-sayuran. Zaitun dan pohon kurma. Kebun-kebun (yang lebat) dan buah-buahan serta rumput-rumputan untuk kesenanganmu dan binatang-binatang ternakmu.'***

- Kepentingan bercucuk tanam dan mengekalkan kehijauan bumi sememangnya mendapat keutamaan dan amat digalakkan oleh Islam
- Nabi Muhammad s.a.w. mengingatkan bahawa sekiranya sewaktu hampir kiamat ada di tangan seseorang itu sebatang pokok, maka pokok itu hendaklah ditanam.
- Allah s.w.t. menjanjikan ganjaran bagi mereka yang bercucuk tanam.
- Hadis : ***‘Sesiapa yang menanam pokok dan menjaganya dengan baik sehingga besar dan mengeluarkan hasil akan mendapat ganjaran di akhirat.’***
- Hadis : ***‘Jika ada sesiapa yang menanam sebatang pokok dan bercucuk tanam dan manusia serta haiwan atau burung-burung mendapat makanan darinya, ia hendaklah menganggapnya sebagai satu kebajikan.’***
- Pemeliharaan hutan dan tumbuh-tumbuhan adalah menjadi amalan pemerintahan Rasulullah s.a.w. di Mekah dan Madinah.
- Amalan melindungi pokok-pokok ini juga dilakukan di waktu peperangan di mana umat Islam dilarang daripada mencabut atau membunuh tumbuhan sekiranya tidak diperlukan.

### 3- Penggunaan dan Pemilikan Tanah

- Penggunaan tanah menurut undang-undang Islam boleh dibahagikan kepada empat jenis yang utama iaitu tanah yang sudah dibangunkan (***amir***), tanah terbiar (***mawat***), tanah yang dilindungi (***harim***) dan tanah yang dirizabkan secara kekal (***hima***).
- Tanah yang sudah dibangunkan atau *amir* merujuk kepada mana-mana kawasan yang telah didiami manusia atau mengandungi aktiviti-aktiviti pertanian.
- Tanah terbiar atau *mawat* merupakan tanah yang tidak didiami manusia dan tidak digunakan untuk bercucuk tanam, misalnya padang ragut liar dan kawasan hutan.
- *Mawat* boleh dimajukan oleh sesiapa sahaja sama ada secara usaha sendiri atau mendapat kebenaran dari kerajaan.
- Antara usaha yang boleh dilakukan untuk menghidupkan kembali tanah yang telah mati ini termasuklah menggali telaga, mengairi tanah sekiranya terlalu kering, mengeringkan tanah sekiranya terlalu basah, membersihkan pokok-pokok, bercucuk tanam atau membuat bangunan.
- Tanah dilindungi atau *harim* pula merujuk kepada kawasan yang dilindungi yang letaknya di sekitar tanah yang dimajukan.
- Tujuan *harim* adalah untuk melindungi sumber yang ada di kawasan pembangunan berkenaan dan juga menyediakan laluan masuk ke kawasan tersebut.
- *Hima* pula merupakan *mawat* yang tidak boleh dibangunkan sama sekali atau dirizabkan secara kekal.
- Secara umumnya, *harim* dan *hima* mempunyai tujuan yang sama iaitu sebagai kawasan yang dilindungi atau tidak dibangunkan.
- Perbezaannya ialah *harim* diuruskan oleh individu atau masyarakat setempat manakala *hima* pula diuruskan oleh kerajaan untuk kegunaan dan faedah awam.

- Contoh *harim* adalah tanah di sekitar perigi persendirian, tebing sungai dan bahu jalan.
- Contoh *hima* pula adalah kawasan hutan simpanan untuk pemuliharaan tumbuhan dan juga hidupan liar atau sebagai tempat simpanan kuda-kuda yang digunakan semasa peperangan.
- Pembahagian tanah tersebut dibuat secara berhati-hati dan mengikut penggunaan yang ditetapkan.
- Selain itu persoalan kepentingan bersama untuk masyarakat setempat turut diberi perhatian.
- Misalnya penggunaan tanah awam untuk dijadikan zon *hima* adalah dibuat secara adil.
- *Hima* hanya diwujudkan sekiranya benar-benar perlu dan kawasannya hendaklah tidak terlalu luas sehingga mengganggu kegunaan orang ramai.
- Meskipun kerajaan berhak untuk mewartakan sesuatu *hima*, namun ianya tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya kerana kepentingan awam adalah diutamakan.

### 9.3: Persepsi Jihad

#### PERSPEKTIF BARAT TERHADAP JIHAD

Jihad adalah satu konsep Agama Islam yang murni. Ia merupakan satu cara bagaimana Agama Islam mampu dipertahankan daripada kemusnahan akibat serangan daripada musuh. Malangnya, jihad kurang difahami oleh masyarakat Barat.

Media barat memutarbelitkan pengertian jihad dengan menggambarkan jihad dengan keganasan dan pembunuhan. Pengertian ini lebih jelas selepas Tragedi 11 September di New York serta beberapa siri pengeboman berani mati. Muncullah gerakan seperti Jemaah Islamiah, Militan Malaysia dan Al-Maunah.

Umat Islam bertindak balas dengan kekerasan yang perjuangan mereka dipanggil jihad. Barat menjatuhkan Islam dengan menjatuhkan kredibiliti pemimpin, meruntuhkan kestabilan ekonomi serta memecah belahkan perpaduan negara-negara Islam.

Masyarakat Barat juga tidak menerima pemikiran Agama Islam yang bersifat dogmatic (iaitu percaya kepada sesuatu dan mengikut kepercayaan itu tanpa menyoalkan kebenarannya).

Sebenarnya masyarakat Barat menganggap jihad sebagai perbuatan orang fanatik. Masyarakat umum di Barat menolak pemikiran bahawa jihad adalah satu cara penyelesaian yang bertamadun. Pada pendapat mereka, cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah adalah melalui proses perdamaian diplomasi. Ini berkait rapat dengan pemikiran sebahagian besar masyarakat Barat bahawa sistem demokrasi merupakan penyelesaian terbaik untuk menyelesaikan masalah kumpulan manusia yang berbeza hidup dalam keadaan aman bersama-sama. Pemikiran ini dapat dilihat daripada kesungguhan pihak Amerika Syarikat untuk mewujudkan satu sistem demokrasi di Iraq pada hari ini.



Terangkan perbezaan kefahaman Jihad dari pesepsi masyarakat Barat berbanding pesepsi Islam.

#### 9.4: Etika dalam Sains

Azizan Bahrudin ( 1986 ) menyatakan bahawa bidang sains merupakan cabang ilmu yang menjadi fitrah kepada manusia dan tidak tertakluk dengan mana-mana agama tertentu. Namun begitu, apabila diperhatikan, banyak ayat al-Quran dan hadis Nabi Muhammad S.A.W. menyentuh secara umum dan khusus mengenai bidang sains ini.

Kegiatan sains dalam Tamadun Islam, seperti juga dalam kegiatan-kegiatan hidup yang lain iaitu mestilah berpandu dan dibimbing oleh al-Quran Hadith nabi Muhammad S.A.W. Seorang sarjana Muslim yang terkenal dalam bidang kimia, Muhamad Abu



Zakaria al-razi, Bapa Kimia Arab, dikatakan telah diperintah oleh oleh khalifah untuk membuat racun arsenik namun beliau menolak pelawaan khalifah tersebut kerana arsenik boleh membunuh. Tindakan yang dilakukan oleh al-Razi menyerlahkan satu pendekatan berbeza antara dua pendekatan sains iaitu pendekatan di mana usaha dilakukan dengan sedar untuk menjadikan sains dan teknologi sebagai satu alat untuk kesejahteraan manusia dengan mengambil kira nilai-nilai sosial dan keseimbangan ekologi. Pendekatan kedua ialah pendekatan yang menganggap sains sebagai bebas nilai namun ia akhirnya menyebabkan kemusnahan kepada sistem sosial, moral, psikologi, ekonomi dan alam sekitar manusia.

Ilmu sains Islam perlu dikaji sebagai satu keseluruhan dan dan saling kaitan dengan benda lain. Ini kerana ciptaan Allah merupakan satu kesatuan organik. Semasa kajian dan penyelidikan, pengkaji dan sarjana Islam perlu insaf terhadap kekuasaan Allah yang menentukan sesuatu yang berlaku. Mereka perlu lebih dekat kepada Allah dengan penemuan yang diperoleh daripada kajian yang dilakukan.

Terdapat lima teras yang perlu diikuti dalam etika sains mengikut Islam. Yang pertamanya adalah Tauhid Uluhiyyah. Tauhid Uluhiyyah bermaksud kepercayaan bahawa Tuhan itu Esa dan seluruh semesta alam ini adalah hak kepunyaanNya. Dalam hubungan ini, alam adalah ciptaan Allah s.w.t. dan kewujudannya bukan berlaku secara kebetulan. Setiap yang diciptakanNya mempunyai tujuan dan matlamat.

Seterusnya adalah Tauhid Rububiyah yang merupakan elemen dalam etika sains mengikut perspektif Islam. Tauhid Rububiyah ialah kepercayaan bahawa Tuhan sahajalah yang menentukan rezeki kepada manusia dan akan membimbing orang-orang yang beriman kepadaNya ke arah kejayaan. Dalam usaha pembangunan, manusia harus menyedari bahawa mereka wajib berusaha dan juga mereka perlu berserah (berdoa) kepada Tuhan untuk mencapai matlamat pembangunan. Sikap berserah semata-mata (*kadariyyah*) merupakan sifat yang tidak baik. Manakala sifat yang sebaliknya pula (*Jabbariyyah*) , iaitu percaya semata-mata kepada usaha manusia, dianggap tidak adil kepada Penciptanya iaitu Allah.

Teras yang ketiga dalam etika sains adalah khilafah. Manusia adalah khalifah atau duta Allah di atas muka bumi ini. Manusia telah dianugerahkan oleh Tuhan dengan semua ciri-ciri kerohanian dan mental, dan juga sumber-sumber material, untuk membolehkan manusia melaksanakan tugas dengan berkesan. Dalam aspek tugasnya sebagai *khalifah*, manusia diberi kebebasan dan berupaya untuk berfikir dan memberi sebab, untuk memilih antara betul dan salah, adil dan tidak adil untuk merubah keadaan hidupnya, masyarakatnya dan juga perjalanan sejarah, sekiranya dia mahu. Manusia secara tabeiiinya adalah bersifat baik dan mulia (al-Quran, 15:29,30:30 dan 95:4). Manusia mampu mengekalkan sifat-sifat ini dan bangkit untuk menghadapi cabaran yang ada sekiranya ia menerima pendidikan dan bimbingan yang betul serta diberi galakan. Oleh sebab manusia sifatnya adalah baik, manusia secara psikologinya akan gembira dan puas selagi ia berada, atau menghampiri sifat dalamannya, dan akan berasa tidak gembira serta kecewa apabila ia menyeleweng daripadanya.

Allah telah berfirman dalam surah Al-Hijr ayat 29 yang bermaksud:

*“Maka apabila Aku (Allah) telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya ruh (ciptaan) Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud.”*

Di dalam surah ar-Rum ayat 30 juga Allah telah berfirman yang maksudnya:

*“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah), (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”*

Dalam teras keempat dalam etika sains menurut islam adalah Tazkiyyah An-Nafs. *Tazkiyyah an-nafs* merujuk kepada pertumbuhan dan pembersihan jiwa manusia sebagai langkah awal yang penting sebelum manusia mampu melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka sebagai khalifah. Manusia merupakan agen perubahan dan pembangunan. Maka amat sesuaialah jika perubahan dan pembangunan yang muncul daripada usaha-usaha manusia adalah untuk kebaikan untuk orang lain, bukan semata-mata untuk kepentingan diri sendiri serta tidak

mengandung unsur-unsur akhlak dan moral. *Tazkiyyah an-nafs* melibatkan proses penyucian dinamik yang perlu dilakukan setiap orang Islam sekiranya ia mahu berada dalam keadaan Islam yang tetap.

Etika sains dalam Islam yang terakhir adalah *Al-Falah*. *Al-falah* merupakan konsep kejayaan dalam Islam di mana kejayaan yang dicapai dalam kehidupan di dunia ini akan meyumbang kepada kejayaan di akhirat selagi kejayaan di dunia ini dicapai menerusi usaha yang tidak bertentangan dengan peraturan Allah s.w.t. Maka dalam Islam tidak ada pertentangan antara kepentingan dunia dengan kepentingan akhirat.



Terangkan perkaitan antara al-Quran dan Sains dengan mengemukakan dalil-dalil dari al-Quran atau kajian.

#### **9.5 : Kesan perkembangan kontemporari kepada masyarakat dan negara.**

Gelombang globalisasi kontemporari adalah yang terbesar dan terkuat pernah melanda dunia. Pengaruh gelombang ini sungguh besar dan luas sehingga meliputi semua bidang peradaban. Demi menjamin proses pembinaan peradaban di negara ini di atas landasan kerohanian dan moral yang dituntut oleh Islam dan agama-agama lain berterusan tanpa banyak terjejas, kita dipanggil untuk menilai buruk baik fenomena globalisasi ini dengan lebih teliti lagi.

Cabaran globalisasi kini memerlukan pembentukan generasi muda yang berdaya tahan melalui ilmu dan kemahiran. Berdasarkan beberapa aspek dan isu globalisasi yang telah dibicarakan, dapatlah dikatakan bahawa dunia hari ini sedang menghadapi satu cabaran dan perubahan yang sangat hebat yang belum pernah berlaku pada abad-abad sebelumnya. Cabaran globalisasi dan implikasi terhadap ekonomi, budaya, teknologi dan politik adalah luas dan mempunyai kesan yang positif dan negatif. Penerimaan terhadap perubahan haruslah difikirkan dan diterima secara positif dan membina untuk kemajuan diri, keluarga, agama, bangsa dan negara.

Kebaikannya perlu dimakmurkan dan dimanfaatkan oleh semua rakyat. Keburukannya perlu dihindari dan diatasi sebaik mungkin. Untuk berjaya, kita perlu menggunakan segala kekuatan dan kekayaan yang ada pada kita, terutamanya kekayaan dalaman (inner riches) yang terdapat dalam agama dan tradisi kita baik yang berupa kerohanian mahu pun yang berupa intelektual atau keilmuan. Globalisasi yang membawa mesej kesejagatan, merentasi sempadan negara dan yang menggambarkan kerjasama, sokongan dan perpaduan antara negara dan antarabangsa sewajarnya perlu diberi nafas baru agar manfaatnya turut sarna dinikmati oleh negara-negara kecil, bukannya sekadar menguntungkan negara-negara maju.



**Jelaskan serta contoh kesan perkembangan kontemporari kepada masyarakat dan Negara Malaysia.**



Cuba uji kefahaman anda dengan menyiapkan latihan berikut

### **SOALAN-SOALAN TUTORIAL**

1. Jelaskan sumber asas dan matlamat sains Islam.
2. Bincangkan etika penjagaan alam sekitar menurut perspektif Islam.

**SINOPSIS**

Dalam bab ini dibincangkan tentang konsep Islam Hadhari di Malaysia. Islam Hadhari yang menetapkan 10 objektif bukanlah satu ajaran baru bagi rakyat Malaysia. Ia lebih merujuk kepada aplikasi masyarakat Malaysia untuk menjayakan wawasan negara melalui pembangunan diri sama ada dari segi material dan spiritual bagi mengimbangi ketamadunan menurut acuan Malaysia. Pendekatan Yang digunakan bermatlamatkan tamadun Malaysia yang seimbang untuk semua masyarakat demi membangunkan negara mencapai kemakmuran sepertimana yang disebut oleh Ibnu Khaldun sebagai "Umran".

Unit ini mengandungi sepuluh tajuk:

**9.1: 10 Prinsip Islam Hadhari**

- 9.1.1- Keimanan dan ketaqwaan kepada Ilahi**
- 9.1.2- Kerajaan yang adil dan beramanah.**
- 9.1.3- Rakyat yang berjiwa merdeka.**
- 9.1.4- Penguasaan Ilmu Pengetahuan.**
- 9.1.5- Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif**
- 9.1.6- Kehidupan berkualiti.**
- 9.1.7- Pembelaan hal kumpulan minoriti dan wanita**
- 9.1.8-Keutuhan budaya dan moral**
- 9.1.9- Pemeliharaan alam semulajadi**
- 9.1.10-Kekuatan pertahanan**

**Hasil pembelajaran**

Di akhir bab ini, pelajar diharap dapat;

1. Memahami dasar-dasar Islam Hadhari
2. Memahami keperluan terhadap Islam Hadhari sebagai anjakan paradigma manusia.
3. Dapat membangunkan semangat jati diri bagi mencapai wawasan Negara.
4. Meningkatkan diri, masyarakat, Negara dan agama melalui Islam Hadhari.

## **PENDAHULUAN**

Islam hadhari bukanlah suatu ajaran baru di dalam islam. Ia adalah suatu pendekatan yang cuba menterjemahkan dan merealisasikan islam dari sudut pelaksanaan dan pendekatan yang dituntut untuk diikuti oleh umat islam sendiri berdasarkan al-quran dan as-sunnah.

Islam hadhari memberi penekanan kepada aspek pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban iaitu peradaban yang dicanai dengan pegangan islam sebenar dan memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, modal pembangunan insan, pembangunan kesihatan dan pembangunan fizikal. Kesannya, sekaligus dapat memantapkan keseluruhan cara hidup sarna ada dari aspek jasmani dan rohani.

Penjenamaan islam hadhari diharap dapat meningkatkan pelbagai kesedaran kesatuan di kalangan ummah dan membuka minda segar masyarakat non-muslim agar dapat memahami agama islam sebenar serta menghapuskan perasaan prejudis dan negatif di kalangan masyarakat non-muslim terhadap islam.

Definisi islam hadhar

Kalimah islam dan hadhari secara asasnya adalah ambilan dari perkataan bahasa arab dan diasimilasikan sehingga menjadi sebahagian dari bahasa melayu. Perkataan asalnya adalah 'ai-islam al-hadhari' atau disebut juga sebagai 'civilizational islam'

Dari segi istilah, perkataan hadhari membawa maksud seperti berikut;  
i- yang bertamadun atau

ii- islam yang menekankan aspek tamadun.

lii- dalam bahasa inggeris dikenali sebagai 'civilizational islam'

lv- dalam bahasa arab dikenali sebagai 'ai-islam al-hadhari'

Manakala takrif islam hadhari secara lengkap ialah 'suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara malaysia yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada perspektif tamadun islam' (jakim, 2005 : 9).

Sebagai huraian takrif di atas, ia bermaksud;

(a) pendekatan islam hadhari diperkenalkan kerana ia lebih lengkap dan menyeluruh berbanding pendekatan islam secara juzi'e (terpisah-pisah) seperti islam bersifat politik (ai-islam al-siyasi).

(b) islam hadhari membawa maksud ajaran islam yang membawa fokus kepada kehidupan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat bertamadun dan mempunyai peradaban yang unggul bagi menghadapi cabaran alaf baru seperti ledakan teknologi maklumat, dunia tanpa sempadan, ekonomi global, budaya materialisme, krisis identiti, jati diri serta penjajahan pemikiran.

(c) pendekatan islam hadhari, tidak menolak pentingnya aspek ritual dalam pembinaan tamadun. Ini kerana pandangan hidup, sistem nilai, kestabilan jiwa dan kemajuan rohaniah merupakan tonggak kepada pembinaan tamadun yang luhur (jakim, 2005 : 10).

visi dan misi

Visi islam hadhari adalah "untuk menjadikan malaysia sebagai sebuah negara islam contoh, iaitu sebuah negara maju mengikut acuan sendiri."

konsepnya ialah negara mempunyai masyarakat membangun dan memiliki ilmu, berkemahiran dan berketrampilan serta tergambar sebagai golongan yang berakhlak, berbudi dan berbudaya yang berpaksikan kepada kepercayaan agama.

Misi islam hadhari adalah "melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah

berlandaskan pendekatan islam yang universal, maju, bertamadun, bertoleransi dan berimbang" (jakim, 2005: 11-14).

objektif

objektif islam hadhari adalah;

(a) melahirkan individu dan masyarakat islam yang mempunyai kekuatankekuatan berikut;

a- spiritual (rohani)

B- akhlak

cintelektual

d- materia

Le- mampu

berdikari

f- berdaya saing

G- melihat ke hadapan

H- inovatif

(b) cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, Praktikal dan damai (jakim, 2005: 15).

konsep islam hadhari

Di dalam menjelaskan tentang konsep islam hadhari, konsep pertama telah menekankan aspek pembangunan yang membawa ke arah pembinaan peradaban. Peradaban bermaksud peradaban yang berasaskan acuan malaysia bersumberkan al-quran dan as-sunnah. Manakala peradaban yang berlawanan akan disesuaikan selagi mana ia tidak bertentangan dengan prinsip al-quran dan as-sunnah.



Konsep islam hadhari turut menekankan pembangunan modal insan sarna ada melalui material dan spiritual. Penggunaan modal insan yang maksimum adalah selaras dengan tuntutan syariat yang turut diperjelaskan dalam amalan solat secara berjemaah yang menjadi pemangkin ajaran islam dari aspek spiritual dan material.

Konsep islam hadhari juga menekankan kepada usaha untuk mengembalikan umat islam kepada asas-asas fundamental yang terkandung dalam al-quran dan hadith yang menjadi teras pembinaan tamadun islam. Tafsiran yang ikhlas ke atas islam hadhari akan membantu meningkatkan kekuatan ummah dari asas-asas akidah selain menjunjung kesucian ajaran itu sendiri. Ini secara tidak langsung meningkatkan keyakinan terhadap tuntutan ajaran yang sebenar. Malah ia turut berperanan. Mengkesampingkan pemikiran dan unsur tahyul dan khurafat.

Konsep islam hadhari cuba menekankan usaha kerajaan melindungi kesucian ajaran islam dan menangani gejala kegelinciran akidah (faith) semasa menghadapi cabaran dan realiti semasa. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kesucian agama, unsur-unsur negatif menerusi agama perlu dihindari sejak dari awal lagi. Dengan kerajaan yang kukuh dari pelbagai aspek, ia dapat membantu mengoptimumkan pengambilan peluang ke arah pintu ijtihad yang masih terbuka supaya tafsiran yang diwarisi dapat dikaitkan dengan bentuk dan corak pembangunan mengikut masa dan tempat. Antaranya;

(a) aspek pembangunan prasarana dan ekonomi

(b) pembangunan manusia melalui program pendidikan yang komprehensif dan dilengkapi dengan program pembangunan rohani supaya nilai-nilai murni islam dijadikan cara hidup (jakim, 2004 : 3-7).

Menurut prof. Datuk dr mahmood zuhdi bin abdul majid, konsep islam hadhari merupakan sebahagian daripada suatu konsep lain yang lebih besar dan menyeluruh dalam perjuangan islam pada masa sekarang iaitu 'perubahan yang menyeluruh' (al-islam, januari 2005: 15-16).

perubahan menyeluruh dikaitkan dengan kegagalan umat islam sedunia dalam mencapai kemajuan yang sepatutnya sebagaimana yang disebut menerusi al-quran dan as-sunnah. Perubahan ini sangat penting bagi merealisasikan kehendak islam sebenar.

keperluan prinsip maqasid al-syariah

selaras dengan konsep hidup sebagai pengabdian diri terhadap allah rabid) dan konsep kerja sebagai ibadat, manusia sebagai khalifah allah (khalifatullah fil ardh) dan kewajiban mencapai kekuatan dalam semua bidang kehidupan.

Sehubungan itu, prinsip maqasid al-syariah (dalam mazhab syafi' e disebut sebagai (al-kulliyatul khams) adalah berkaitan seperti berikut; (jakim, 2004: 11-12)

- (a) menjaga, memartabatkan dan memperkasakan agama
- (b) menjaga, memartabatkan dan memperkasakan nyawa
- (c) menjaga, memartabatkan dan memperkasakan akal
- (d) menjaga, memartabatkan dan memperkasakan keturunan
- (e) menjaga, memartabatkan dan memperkasakan harta.

segala usaha ke arah ini perlu dirancang. Segala bentuk pemikiran yang mengelirukan dan tidak sesuai dengan ajaran islam sebenar perlu dikikis agar jati diri umat dapat dibentuk. Perubahan sikap memerlukan umat berjihad dan berjihad ke arahnya. Contoh : konsep jihad perlu ditafsir secara meluas meliputi aspek kehidupan manusia seperti menguasai ilmu, sains dan teknologi serta melaksanakan aktivitiaktiviti ekonomi dan sebagainya.

kegagalan umat islam memahami konsep jihad secara meluas akan mengakibatkan kegagalan kebangkitan islam seluruhnya. Kelemahan dan kelewatan pemahaman surah al-fiil sebagai contoh, mengakibatkan masyarakat barat lebih terkehadapan menghasilkan peralatan atau kelengkapan ketenteraan mencakupi era kontemporari. Pemahaman islam hadhari

usaha ke arah memahami isi kandung islam hadhari perlu menjurus kepada semua pihak menerusi pelbagai saluran. Umpamanya;

(a) peningkatan kualiti (itqan) dalam semua urusan

(b) usaha-usaha ijtihad yang berterusan

(c) penghayatan dan mewarisi ketamadunan global (rahmatun lil'alamin

) (d) semangat ukhuwah islamiah (brotherhood) disemarakkan bagi menghasilkan jaringan sosial yang berkesan

(e) pembudayaan nilai-nilai positif yang terkandung di dalam tasawwur islam. Contoh : pembudayaan masyarakat iqra'.

(f) keseimbangan antara ilmu agama dan sekular. Banyak ayat al-quran yang menyentuh soal penguasaan sains dan teknologi sedangkan ianya dianggap ilmu sekular.

rasional islam hadhari diperkenalkan

terdapat dua aspek utama mengapa islam hadhari diperkenalkan iaitu dari sudut dalaman dan luaran (pusat pengajian islam dan pembangunan sosial, utm, 2005 : 153-154):

aspek dalaman

(a) kefahaman ajaran islam secara serpihan (b) kepelbagaian kumpulan

(c) kesan konspirasi politik dunia barat

Aspek luaran

(a) cabaran globalisasi

(b) isu terrorisme yang ditujukan kepada islam

- (c) membendung tradisionalisme dan fundamentalisme
- (d) cabaran fahaman kebendaan dan hedonisme

Prinsip islam hadhari

#### 9.1.1- keimanan dan ketaqwaan kepada ilahi (allah / god)

Amatlah penting umat islam memahami islam sebagai sistem kehidupan yang menyeluruh (islam sebagai cara hidup/islam the way of life). Islam bukan satu ritual semata-mata kerana ritualisme hanya menumpukan akhirat semata-mata, sedangkan asas kejadian manusia sendiri terdiri dari dua unsur (roh dan jasad) di mana ia perlu diseimbangkan dengan seadil-adilnya.

justeru itu, islam perlu dijadikan satu sistem integrasi kehidupan sarna ada kehidupan duniawi (dunia) dan persiapan ukhrawi (akhirat/judgement day). Ini turut disebut menerusi firman allah swt dalam surah al-qasas (28), ayat 77 yang bermaksud:

"dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba allah) sebagaimana allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."

oleh itu, ai-quran dan sunnah rasulullah saw dijadikan teras pegangan dan rujukan. Gabungan beberapa unsur yang terdiri dari akidah (kepercayaanj faith), syariah (perundanganj legislative), akhlak, moral dan nilai-nilai murni adalah teras perancangan pembangunan insan dan pengurusan sistem untuk mencapai umat yang - berkualiti dan negara yang cemerlang. Ini turut disebut menerusi firman allah swt dalam surah al-a'raaf (7) ayat 96 yang bermaksud:

"dan (tuhan berfirman lagi) : sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (rasul kami), lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka usahakan."

secara prinsipnya, ketentuan beragama bagi orang-orang bukan islam terbahagi kepada dua:

i) tiada paksaan dalam agama

ii) kebebasan beragama ini ditegaskan di dalam firman allah ta' ala yang bermaksud:

i) "tidak ada paksaan dalam agama (islam)" (surah al-baqarah (2) ayat 256)

ii) "bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku" (surah al-kafirun (109) ayat 6)

akidah yang dikehendaki adalah menurut ahli sunnah wal jama'ah bukan semata-mata kepercayaan di hati sahaja, malah hendaklah disusuli dengan ikrar dan pelaksanaannya dilihat menerusi amalan (as-syeikh muhammad bin salih al-'uthaymin, 2004 : 21).

gabungan ketiga-tiga unsur di atas akan menjadi pemangkin dan penangkis terhadap segala perkara yang bertentangan dengan ajaran islam sebenar terutamanya dari aspek kelahiran dan kepercayaan ajaran-ajaran sesat yang melemahkan umat islam sendiri selain kepercayaan-kepercayaan tahyul dan khurafat yang begitu berleluasa di kalangan umat islam.

sebagai balasan pelaksanaan menurut islam yang hakiki, maka allah akan memberi balasan setimpal dengan amalan dan perlakuan manusia itu sendiri. Ini boleh dilihat menerusi firman allah ta' ala;

i) maka barangsiapa yang melakukan amalan kebajikan walau sebesar zarah sekalipun, nescaya akan dilihat-nya (dalam surah amalnya) dan barangsiapa yang melakukan kejahatan walau sebesar zarah sekalipun, nescaya akan dilihat-nya (dalam surah amalnya).(surah az-zalalah (99) : 7-8)

ii) dan (tuhan berfirman lagi) : kalau sekiranya penduduk negari itu beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membukakan kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi tetapi mendustakan (rasul kami) lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan. (surah al-a'raf (7) : 96)

Dalam melaksanakan hak kebebasan beragama, malaysia sebagai negara islam tidak menghalang agama-agama lain diamalkan dan dihormati dengan seadil-adilnya. Perkara ini turut disebut di dalam perkara 11 perlembagaan negara yang memberi kebebasan beragama ke atas rakyat (perlembagaan malaysia, 2000 : bahagian kedua per kara 11 dan fasal 4).

#### 9.1.2- kerajaan yang adil dan beramanah.

Prof. Dr hamka menyebut; "adil itu ialah meletakkan sesuatu kena pada tempatnya". Ini bermakna adil adalah memberi hak kepada yang berhak akan haknya, mengikut kadar dan keperluan masing-masing. Ini sesuai dengan firman allah swt dalam surah an-nahl (16) ayat 90 yang bermaksud: "sesungguhnya allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-nya. "

pelaksanaan keadilan tidak melihat pada keturunan, warna kulit, bangsa, kedudukan, miskin, kaya atau perbezaan agama. Ini turut disebut menerusi beberapa kategori;

i) firman allah ta'ala dalam surah al-ma'idah (5) ayat 8 yang bermaksud: ". . . dan jangan sesekali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada allah,

sesungguhnya allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

ii) sabda rasulullah saw

"sekiranya (anakku) fatimah mencuri nescaya aku akan memotong tangannya."

iii) peristiwa saidina Umar ketika menjadi amirul mukminin yang telah menghukum anak beliau sendiri dengan hukuman sebat 100 rotan (dan wafat) akibat melakukan zina dengan seorang perempuan yahudi.

iv) peristiwa saidina Ali ketika menjadi khalifah Islam pernah kehilangan baju besinya yang ditinggalkan dalam suatu peperangan dan ditemui oleh seorang lelaki yahudi lalu mengambil dan mendakwa baju tersebut menjadi miliknya. Dalam penghakiman yang dilakukan di mahkamah Islam, hakim (Zaid bin Thabit) telah memberi kemenangan pendakwaan kepada seorang yahudi tersebut walaupun saidina Ali adalah seorang khalifah dan sahabatnya.

Manakala amanah pula bermaksud menunaikan segala tanggungjawab dan kewajipan yang diletakkan ke atasnya. Ini turut dirakamkan menerusi;

i) firman Allah Ta'ala dalam surah An-Nisa' (4) ayat 58 yang bermaksud; "sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT dengan (suruhan-nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat." ,

ii) sabda rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Ahmad; "dan tidak beriman bagi seseorang yang tidak amanah." selain itu, Islam hadhari menekankan amalan tadbir urus yang baik (good governance) dan adil serta amanah kepada semua lapisan rakyat. Pengurusan negara yang cekap, adil, amanah (tidak boros dan perbelanjaan berhemah) akan melahirkan negara yang baik, maju dan dirahmati Allah SWT. Ini ditegaskan dalam surah Saba' (34) ayat 15 yang bermaksud seperti berikut;

"demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk saba' satu tanda (yang membuktikan kemurahan allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu : dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur). Yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (lalu dikatakan kepada mereka) : makanlah dari rezeki pemberian tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-nya : (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (tuhan kamu adalah) tuhan yang maha pengampun".

### 9.1.3- rakyat yang berjiwa merdeka.

pendekatan islam hadhari menekankan aspek rakyat yang berjiwa merdeka. Jiwa merdeka bermaksud jiwa insan yang tidak memberi kepatuhan mutlak melainkan kepada allah swt semata-mata dan kepada rasul-nya. Kepatuhan kepada makhluk selain dari-nya adalah dilarang terutama dalam perkara berbentuk maksiat dan derhaka. Sebuah hadis ada menyebut : tidak ada ketaatan bagi seseorang yang melakukan/melibatkan perkara maksiat kepada allah. Ketaatan hanya ada dalam perkara yang makruf (baik) sahaja.

Jiwa merdeka mampu memberi aspirasi kepada individu untuk melahirkan pemikiran kreatif dan inovatif. Manakala masyarakat yang berjiwa merdeka boleh melahirkan pemikiran yang dinamik serta progresif. Idea-idea bemas ini mampu memartabatkan diri, keluarga, masyarakat dan negara ke mercu yang diredhai allah. Sebaliknya, jiwa yang terjajah akan meletakkan bangsa dan negaranya di bawah tahap sebenar. Kesan yang ketara ialah mereka sentiasa berada di takuk yang lama dan tidak sanggup terdedah dengan kemajuan dan persaingan.

Masyarakat yang berjiwa merdeka akan berusaha mengembeling tenaga dan buah fikiran menurut peraturan undang-undang dan etika dengan menjadikannya sebagai landasan masyarakat islam hadhari yang berfikiran terbuka dan memiliki sifat tasamuh (bertimbang rasa) yang penuh dengan kebijaksanaan. Masyarakat berjiwa merdeka



juga tidak akan dijajah dengan tuntutan hawa nafsu yang sentiasa menggalakkan perlakuan yang bertentangan dengan semangat islam hadhari dalam erti kata sebenar.

#### 9.1.4- penguasaan ilmu pengetahuan.

Ilmu merupakan satu tuntutan utama dalam islam di mana galakan menuntut ilmu telah bermula semenjak nabi adam a.s diciptakan oleh allah swt dan ini diwajibkan dengan penurunan wahyu pertama ke atas rasulullah saw menerusi surah al-alaaq (96) ayat 1-5. Dominasi ilmu memungkinkan umat islam menakluki dunia menerusi ketamadunan yang kekal sepanjang zaman. Ini telah terbukti dengan kekuatan islam menyaingi tamadun-tamadun dunia silam dengan sekelip mata.

Penguasaan ilmu menyebabkan umat islam dapat membezakan kebenaran dan kebatilan. Pelbagai kepercayaan tahyul dan khurafat yang berasaskan adat resam segera dibasmi menerusinya. Penguasaan ilmu pengetahuan secara berterusan akan membantu masyarakat malaysia sentiasa hadapan dan bersifat semasa. Ini boleh dimantap dan diperkasakan dengan penekanan ilmu bersifat revealed knowledge (ilmu wahyu) sehingga mampu menjana sebuah negara yang disegani sebagaimana yang pernah dicetuskan tamadun islam suatu mas a dahulu. Mereka menjadi pencetus perkembangan tamadun ilmu di dunia barat.

ketinggian kedudukan masyarakat berilmu pengetahuan turut dirakamkan oleh allah swt dalam firman-nya dalam surah al-mujadalah (58) ayat 11 yang bermaksud:

"dan allah. Mengangkat kedudukan orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan (ingatlah) allah maha mendalam pengetahuan-nya tentang apa yang kamu lakukan."

#### 9.1.5- pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif

sektor ekonomi merupakan salah satu bidang yang utama. Melalui sektor ekonomi, penanaan pembangunan akan mudah berkembang dengan pesat. Atas faktor ini,

ekonomi adalah sebahagian dari kesempurnaan islam. Sebuah hadis turut menekankan tentang kepentingannya menerusi sabda baginda : "tangan di atas (memberi) lebih baik dari tangan yang di bawah (meminta-minta)." (hadis qudsi)

atas dasar ini, ekonomi dalam ajaran islam bukanlah satu entiti yang berasingan dari tuntutan agama, malah ia saling berkait dengan unsur-unsur ritual islam itu sendiri. Ia menjadi punca kepada ketenangan beribadat dan be ramal seperti bersedekah, membayar zakat dan sebagainya.

Usaha ini turut dibuktikan oleh rasulullah saw ketika berhijrah ke madinah. Baginda berusaha menjadikan madinah sebagai pusat perniagaan terkenal di semenanjung tanah arab. Malah seorang sahabat muhajirin dari makkah bernama abdul rahman bin' auf, apabila telah dipersaudarakan dengan seorang ansar bernama saad bin al-rabi' ai-ansari telah menolak pemberian separuh dari harta saudaranya. Bahkan beliau meminta ditunjukkan pasar untuk membolehkan beliau berniaga. Beliau telah memperolehi keuntungan yang lumayan hasil usahanya itu.

pembangunan ekonomi dalam islam perlu seimbang yang mana harta adalah hak milik allah secara mutlak. Manusia hanya menjalankan amanah ke atas harta yang diperolehinya itu. Justeru itu, soal halal dan haram diambil kira dalam menjamin kehidupan berkualiti, hasil rezeki yang diperolehi bagi meraih keberkatan allah swt. Segala perolehan harta akan dipersoalkan di hadapan allah swt di hari akhirat (judgement day) nanti. Atas daya usaha tersebut, manusia harus mengelakkan sebarang perolehan hart a yang mendatangkan keraguan. Hadis nabi jelas menekankan persoalan ini menerusi sabda baginda : sesungguhnya sesuatu yang halal itu adalah jelas dan sesuatu yang haram itu adalah jelas. Di antara keduanya terdapat perkara yang syubahat (meragukan).

Oleh itu, sikap malas, sambil lewa dan mudah alpa adalah satu dosa yang menjurus kelemahan institusi so sial dan memalukan agama. Ismail al-faruqi menyebut bahawa tindakan ekonomi merupak~m luahan rasa kerohanian islam. Kaum muslimin perlu menyakinkan diri dengan kenyataan ini, bukan seperti agama kristian yang

mengasingkan gereja dengan kerajaan. Islam menekankan perlunya sebuah kerajaan. Kekukuhan kerajaan menjamin keutuhan agama dan ekonomi. Ekonomi sesuatu ummah dan kekukuhannya merupakan tunggak dalam islam.

Sistem ekonomi islam menolak sebarang unsur-unsur ketidakadilan, malah islam memeranginya dari pelbagai sudut. Antaranya sistem riba dalam ekonomi yang berteraskan kapitalisme. Al-quran mengumpamakan pengamal riba sebagai orang yang dirasuk syaitan menerusi firman allah swt;

Firman Allah:

"orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan (devil) dengan terhoyonghayang kerana sentuhan (syaitan) itu." (al-baqarah (2) : 274)

Firman Allah:

"wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki-baki riba (yang masih ada pada orang yang terhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kami tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu) maka ketahuilah kamu akan adanya peperangan dari allah dan rasul-nya (akibatnya kamu tidak menemui selamat)." (al-baqarah (2) : 278-279)

#### 9.1.6- kehidupan berkualiti.

kehidupan berkualiti bermaksud setiap aktiviti yang mencapai merit keredhaan allah (mardhatillah). Manakala kehidupan yang penuh dengan kemewahan, kegembiraan, aman damai tetapi dimurkai allah, islam menganggapnya sebagai kehidupan yang tidak berkualiti. Sebenarnya kehidupan berkualiti ditentukan oleh allah dan bukannya manusia. Sehubungan itu, manusia perlu membezakan kehidupan yang berasaskan akal fikiran manusia semata-mata dengan kehidupan menurut perintah allah (pusat pengajian islam dan pembangunan sosial, utm, 2005: 161).

keadaan ini disebabkan pemikiran manusia tidak mampu menggarap pemikiran yang benar-benar tulus dan ikhlas, memandangkan manusia banyak dipengaruhi dengan pengalaman hidup yang masih cetek, pendidikan yang masih banyak kedangkalannya serta faktor persekitaran yang masih mengongkong pemikiran mereka sehingga mereka gagal membezakan kehidupan berkualiti yang sebenar.

Justeru itu, fahaman yang berasaskan sekularisme lebih mementingkan kehidupan dengan kemewahan material semata-mata dan kehidupan serta kelengkapan prasarana yang mewah. Bahkan, ia dijadikan ukuran kedudukan seseorang di dalam menterjemahkan paras kualiti kehidupan seseorang. Keadaan seperti ini akan menjadikan pemikiran manusia semakin jumud dan bersifat rigid dalam menentukan kualiti hidup sese orang manusia sehingga melabelkan seseorang itu dengan tafsiran berasaskan kemewahan hidup. Kesannya, wujud pelbagai kelas manusia dari setinggi kemewahan sehingga serendah-rendah kemiskinan selain manusia terpaksa berlumba-lumba mengejar kemewahan sepertimana ditafsirkan menerusi kapitalisme.

Terdapat juga fahaman yang menekankan kehidupan berkualiti adalah hasil pelaksanaan ritual yang keterlaluan sehingga menganggap dunia yang abadi (syurgajheaven) adalah beramal ibadat sahaja tanpa menjejaskan tumpuan. Ini boleh mendorong seseorang menjadi malas dan tidak produktif dalam erti kata yang sebenarnya. Sedangkan islam menganjurkan umatnya agar berusaha sedaya upaya

mencari dan memperolehi kehidupan yang berkualiti. Ini bertentangan dengan nilai-nilai dan amaran yang dikemukakan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam surah al-qasas (28) ayat 77 yang bermaksud:

"dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."

kehidupan berkualiti turut disebut di dalam firman allah yang lain, antaranya dalam surah al-' asr (103) ayat 1-3 yang bermaksud:

"demi masa. Sesungguhnya manusia berada dalam kerugian. Melainkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran."

orang yang benar-benar beriman tidak akan membuat hidupnya murung dan mundur. Malah akan berusaha menjadikan diri mereka maju dan ke hadapan dari segenap aspek sarna ada spiritual, material dan jasmani. Tambahan lagi, kerajaan tidak pernah menghalang rakyatnya dari melakukan amal ibadat dan mencari kekayaan, bahkan mencadangkan perlakuan yang seimbang antara kekayaan dunia dan akhirat. Ia selaras dengan cadangan allah di dalam al-quran.

#### 9.1.7- pembelaan hal kumpulan minoriti dan wanita

Dalam mendokong prinsip islam hadhari, kedudukan dan pembelaan hak ke atas golongan minoriti tetap dijunjung. Hak kemuliaan insan di atas merupakan salah satu prinsip maqasid as-syariah yang telah disebut terdahulu dan pembelaan yang dilakukan dalam islam dibuat tanpa diskriminasi walaupun berbeza dari segi agama.

Jalinan penjagaan hak dalam islam hadhari turut didokong menerusi undangundang dan perlembagaan negara. Al-quran telah merakamkan tentang penjagaan hak di atas menerusi firman allah swt dalam surah al-hujurat (49) ayat 13 yang bermaksud:

"wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku (puak) supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi allah ialah orang yang lebih bertaqwa di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsa). Sesungguhnya allah amat mengetahui lagi amat mendalam pengetahuan-nya (akan keadaan dan amalan kamu)."

kesan dari ayat di atas juga menyebabkan jaminan pemerintah terlaksana ke atas golongan minoriti termasuk wanita juga. Kedudukan wanita disanjung dan diberi hak yang sewajarnya. Perkara ini dapat dilihat di dalam perlembagaan persekutuan tentang kebebasan hak asasi (perlembagaan persekutuan, 2000:

Bahagian kedua, perkara 8)

Kekuatan kedudukan golongan minoriti juga turut disebut oleh khalifah islam pertama; saidina abu bakar as-siddiq di balai bani sa' adah tatkala beliau diangkat menjadi khalifah islam pertama yang sedutannya adalah seperti berikut; "ketahuilah, sesungguhnya orang-orang yang lemah di kalangan kamu adalah kuat di sisiku kerana aku akan memberi hak kepada mereka dan orang-orang yang kuat di sisi kamu adalah lemah di sisiku kerana aku akan mengambil hak dari mereka. "

dalam satu peperangan saidina ali yang ketika itu menjadi khalifah islam keempat, baginda telah menanggalkan baju perangnya untuk memudahkan baginda merawat tentera islam yang tercedera selain menimbang kesan peperangan tersebut. Malangnya, baju besi tersebut ditemui oleh seorang yahudi lalu membawanya pulang. Tatkala baginda melewati perkampungan yahudi, baginda ternampak baju besinya itu di rumah yahudi tersebut lalu mendakwa haknya tetapi dinafikan oleh yahudi tersebut. Kes ini telah dibawa ke muka pengadilan dan diadili oleh zaid bin tsabit (beliau merupakan seorang islam, sahabat nabi dan saidina ali). Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, maka zaid bin tsabit memberi hak kepada yahudi tersebut dan khalifah terpaksa akur dengan keputusan tersebut. Maka baginda mengucapkan tahniah kepada yahudi tersebut di atas kemenangan beliau. Akhirnya, yahudi tersebut memulangkan baju besi tersebut kepada saidina ali secara sukarela selepas melihat keadilan hak yang beliau telah terima dari pemerintahan kerajaan islam.

Di dalam beberapa siri peperangan jihad umat islam misalnya, golongan wanita yang dilihat lemah turut memainkan peranan sekadar kemampuan mereka, apabila menyertai pasukan tentera islam dengan memberi sokongan moral dan rawatan ke atas tentera yang cedera di medan pertempuran.

Wanita dalam islam hadhari adalah wanita yang benar-benar mengilap potensi dalaman dirinya dan dapat menangkis salah faham yang menganggap bahawa mereka adalah kaum yang sesuai untuk dieksploitasi bagi keseronokan orang lain. Mereka adalah kalangan yang memiliki sudut pandangan yang jelas tentang hubungan silang gender dan mampu bekerjasama dengan sesiapa saja secara penuh profesionalisme (pusat pengajian islam dan pembangunan so sial, utm, 2005: 162).

wanita dalam islam hadhari amat menggalakkan pendidikan berterusan sesuai dengan slogan 'pendidikan sepanjang hayat'. Wanita tidak diketepikan dari arus pembangunan malah dijadikan daya saing yang kuat untuk kaum lelaki berusaha gigih dan bersifat inovatif dalam arus perdana. Kemampuan ini menjadi mercu tanda pembangunan personaliti.

#### 9.1.8-keutuhan budaya dan moral

Islam hadhari seperti yang telah dijelaskan sebelum ini merupakan satu bentuk perubahan atau anjakan paradigma ke arah ketamadunan yang dikehendaki oleh islam. Namun ia bersifat menurut acuan malaysia agar ia lebih dinamik.

Ini tidaklah bermaksud menerima pakai dialog peradaban secara total, bahkan ia menjadi titik tolak ke arah ketamadunan yang bersesuaian dengan budaya dan akhlak rakyat malaysia sendiri. Tambahan pula, acuan yang dibina adalah hasil gabung-jalin antara kaum dan budaya rakyat malaysia.

dalam menetapkan budaya menurut acuan tersendiri, malaysia menerusi islam hadhari terus menekankan prinsip raja berperlembagaan sebagai sumber budaya dan moral pentadbiran dalam sistem pemerintahannya. Berbeza dengan sistem barat apabila faktor tanah dianggap sebagai unsur asasi dalam pembinaan sesebuah kerajaan. Namun begitu ada perubahan dari sebuah kerajaan tetapi banyak didahului dengan pertukaran pemerintah, bukannya sistem dana budaya (mohd taib othman dan a. Aziz deraman, 2000: 69-70).

Kedatangan ajaran islam turut memainkan peranan utama keutuhan budaya dan moral masyarakat melayu di peringkat awal lebih terserlah. Hal ini sejajar dengan islam sebagai 'ad-din'. Pendewaan dan kepercayaan animisme terhakis akibat pembudayaan ilmu dan pengamalan ajaran islam yang membentuk sistem budaya masyarakat, turut menambah nilai budaya persekitaran dan diasimilasi secara perlahan-lahan dalam masyarakat (Mohd Taib Othman dan A. Aziz Deraman, 2000 : 69-71). Sebagai contoh, semangat perkauman berjaya diubah kepada semangat 'malaysia boleh' melalui ajaran islam yang sebenar.

Kedatangan islam ke alam melayu memberi impak yang besar sehingga mengubah masyarakatnya menjadi bertamadun. Perubahan ini dilihat sebagai 'melayu baru' melibatkan perubahan dalaman dan rupa bentuk luaran. Ia boleh diistilahkan sebagai perubahan jiwa dan rupa. Perubahan jiwa ini berpunca dari perubahan dalaman dari kepercayaan kepada animisme, hindu-buddha dan yang bersifat khayalan, kepada kepercayaan akidah tauhid terhadap tuhan yang selaras dengan akal rasional dan dalil nyata (pusat pengajian islam dan pembangunan sosial, utm, 2005 : 77). Maka islam hadhari adalah hasil manifestasi bersifat global menurut acuan negara agar islamisasi terus disemadi ke dalam jiwa dan diserlahkan dengan perbuatan dan amalan yang bersesuaian dengan tuntutan agama sebenar.

Dalam meneruskan agenda budaya dan moral, islam hadhari berusaha menekankan semangat jati diri malaysia untuk menepis segala amalan dan budaya barat yang mula menular ke dalam jiwa masyarakatnya. Manakala segala perkara baru yang bersesuaian dan menepati matlamat budaya dan moral masyarakat malaysia adalah diterima dengan berhati-hati.

#### 9.1.9- pemeliharaan alam semulajadi

dalam memupuk pemuliharaan alam semulajadi, islam menekankan peri pentingnya masyarakat memahami huquq al-'alam (hak-hak alam) di mana perlakuan dan perbuatan yang menyalahi hak di atas adalah dilarang sarna sekali.



Ini memandangkan secara fitrah, alam ini ada permulaan dan pasti akan menemui penamatnya. Ia dikira sebagai sunnatullah yang tidak boleh ditolak, sarna seperti api membakar, bulan menerangi malam dan sebagainya (hj. Ahmad fauzi hj. Morad, 2001 : unit 2). Manakala manusia sebagai pemegang amanah (khalifah fi al-ardh) hams memelihara dan berusaha memanjangkan hayat alam kerana tanpa alam, manusia tidak mampu meneruskan kehidupan dan zuriat keturunan akan turut terhapus. Tegasnya, manusia dan alam tidak dapat dipisahkan.

hasil daya usaha di atas, manusia terus hidup dan mampu meneruskan peradaban selain eko-sistem termasuk flora dan fauna terjamin. Pembangunan yang merosakkan eko-sistem harus diminimakan serendah yang perlu, bukannya pembangunan yang berpaksikan faktor ekonomi sehingga menjejaskan alam sekitar. Melalui pembudayaan ini, keindahan dan keunikan alam semulajadi boleh dinikmati dan seterusnya membuktikan keagungan dan kewujudan tuhan maha pencipta (allah/ god)

Dengan kesedaran manusia yang tinggi terhadap alam, secara tidak langsung memberi impak yang amat besar terhadap hubungan allah, manusia dengan alam antaranya ialah:

- (a) kekuasaan adalah hak milik allah
- (b)kelemahan manusia yang sentiasa memerlukan pertolongan
- (c)penciptaan alam untuk manusia
- (d)keperluan penjagaan alam.

kesedaran di kalangan manusia dapat membantu usaha-usaha pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (ngo) dan orang perseorangan menangani kelemahan dan pemantauan terhadap golongan yang kurang sikap ketamadunannya. Ini secara tidak langsung meringankan beban tugas yang digalas oleh pihak jabatan alam sekitar gas).

Dalam menjamin kesedaran yang tinggi di kalangan rakyat, malaysia telah berusaha dan menandatangani dua deklarasi yang melibatkan alam sekitar iaitu:

- (a) deklarasi rio de janeirio pada 1993
- (b) protolkol kyoto pad a 1997

selain itu juga, malaysia melalui asean telah berusaha gigih memastikan negara-negara asean bebas dari memiliki dan menjalankan aktiviti senjata nuklear. Lni turut berkaitan dengan pencemaran alam sekitar dan persaingan persenjataan (ketenteraan) yang boleh merosakkan asean, malah keindahan dan kehijauan kepulauan nusantara. Tambahan lagi, malaysia turut mengadakan deklarasi langkawi bagi menjamin keutuhan dan pembangunan selaras dengan kehendak alam.

usaha yang dijalankan ini tidak sekadar perjanjian di atas kertas, malah perdana menteri turut menggariskan prinsip penjagaan alam sekitar di dalam agenda pentadbirannya menerusi islam hadhari. Ini adalah lambang komitmen untuk meneruskan wadah penjagaan alam sehingga ke tahap maksima.

Manakala pembangunan berasaskan sains dan teknologi yang berteraskan agama dan nilai budaya turut digiatkan dengan konsep mesra alam bagi menjamin keperluan dan kesejahteraan rakyat tidak diabaikan, bahkan dijamin sepenuhnya. Setiap penyelidikan dipantau dan hasilnya dikongsi seera bersama berasaskan semangat menang-menang (win-win situation) antara manusia dan alam

#### 9.1.10-kekuatan pertahanan

Islam hadhari melihat bahawa pertahanan bukanlah isu sehalu yang hanya merujuk kepada kekuatan ketenteraan dan kekuatan teknologi persenjataan, malah islam hadhari turut memfokuskan terhadap kekuatan diri, jati diri, fizikal dan spiritual. Ini bermakna islam hadhari melihat aspek pertahanan dari perspektif yang lebih luas maksudnya.

Kekuatan persenjataan semata-mata tidak cukup bagi mempertahankan negara, jika aspek pertahanan jati diri diabaikan. Antara sebab kejatuhan kerajaan uthmaniah di turki dan kerajaan melaka pada 1511 masehi sebagai eontoh, adalah hash kelemahan semangat spiritual dan diri. Allah swt turut berfirman dalam surah al-anfal (8) ayat 60 yang bermaksud:

"dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap bersedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedangkan Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya."

Islam hadhari turut memfokuskan pertahanan secara konvensional. Jika ditinjau kekuatan surah al-fil, jelas mendesak kekuatan pertahanan perlu dititik-beratkan. Negara barat telah melihat kekuatan tentera bergajah pimpinan Abraham berjaya dijinakkan oleh pasukan burung ababil yang begitu kekil. Proses dan taktik peperangan burung ababil itu telah diterjemahkan dalam bentuk kontemporari di mana burung tersebut diterjemahkan menjadi jet-jet pejuang yang berkuasa di udara, kaki burung yang membawa batu dari neraka sijil diterjemah sebagai pembawa peluru dan bom berkuasa tinggi (smart bomb) serta mata burung ababil itu diterjemahkan sebagai ketepatan teknologi canggih termasuk satelit yang mampu memfokuskan beberapa kali ganda dari mata kasar manusia.

perubahan persekitaran global turut menuntut umat Islam agar bersedia menghadapi segala kemungkinan sejak dari awal lagi. Atas dasar ini, Islam hadhari turut memberi perhatian utama dengan melengkapkan serta menguasai kelengkapan pertahanan ke tahap yang diperlukan. Usaha kerajaan Malaysia melancarkan satelit Asia Timur Malaysia iaitu Measat-1 dan Measat-2 adalah memenuhi sebahagian keperluan pertahanan, selain usaha jangka masa panjang negara dengan menghantar rakyat Malaysia pertama; Dr. Sheikh Muszaphar Shukor menyertai misi aeroangkasa dan berada di orbit selama 7 hari pada tahun 2007 kelak dengan kerjasama kerajaan Rusia.

Menurut Hassan Mohd Noor di dalam utusan Malaysia bertarikh 14 Disember 2006, kejayaan pelancaran satelit Asia Timur Malaysia ketiga iaitu Measat-3 dengan menggunakan roket Proton Breeze-M di Kazakhstan pada 12 Disember 2006 (jam 7:28:43 pagi waktu Malaysia) dan memasuki orbit sembilan jam kemudian baru-baru ini, menyerlahkan hasrat dan usaha murni negara bersaing secara sihat dalam aspek pertahanan dan telekomunikasi.

beliau menambah, measat-3 dibina oleh boeing satellite systems international inc. Satelit ini telah direka bentuk dengan objektif untuk menyediakan tranmisi satelit serba guna yang paling berkuasa dan paling berpotensi dari segi komersial. Dengan satelit terbaru ini capaian liputannya melebihi 100 negara mewakili lebih 70 peratus daripada jumlah penduduk dunia. Keseluruhan projek measat-3 melibatkan pelaburan sebanyak rm 1 billion di mana perbelanjaan sebanyak usd 220 juta adalah untuk pembinaan satelit.

ia menyediakan tansponder berkuasa tinggi 24 jalur c dan 24 jalur ku dengan setiap jalur menyediakan 36 mhz jalur lebar dengan tempoh hayat 15 tahun. Perkhidmatan di asia, australia, asia barat, eropah timur dan afrika menggunakan jalur c. Jalur ku measat-3 pula menyediakan opsyen perkhidmatan berkuasa tinggi dan £1eksibel bagi pembangunan aplikasi terus ke rumah (direct to home) seperti televisyen satelit di malaysia, indonesia dan asia selatan. Apabila measat-3 beroperasi, ia mampu meningkatkan lebih banyak aplikasi penyiaran intensif jalur lebar yang lebih canggih seperti high definition television (hdtv) dan video on demand (vod). (hassan mohd noor, 14 disember 2006 : 10). Kejayaan malaysia akan membuka mat a negara-negara islam lain untuk berusaha dan berdaya maju bagi mempertahankan negara dan umat islam dari sebarang bentuk penindasan dan keganasan oleh pihak yang sentiasa mahu memeras ugut dan mengaut keuntungan hasil dari titik peluh rakyat negara tersebut melalui kekuatan pertahanan.

#### kesimpulan

Gagasan islam hadhari yang dikemukakan oleh y.a.b perdana menteri malaysia adalah satu medan buat umat islam bagi membangunkan semula kegemilangan islam yang telah jatuh seiring dengan kejatuhan kerajaan uthmaniah lalu. Ia juga merupakan satu peluang bagi membuka minda dan lembaran baru bagi masyarakat bukan islam agar dapat memahami dan meneliti nilai keislaman untuk dijadikan sandaran dalam mengerakkan inisiatif memakmurkan negara malaysia.

meletakkan islam hadhari sebagai satu keutamaan dari sudut positif akan

menggalakkan suasana sihat antara kaum di malaysia. Sebarang hujah berbentuk negatif dan provokasi harus dielakkan demi menjana idea bagi menggerakkan usaha maa'ruf (mendorong kebaikan dan keadilan), menolak kemungkaran (kejahatan) serta kebathilan (kebinasaan).



Cuba uji kefahaman anda dengan menyiapkan latihan berikut

### **SOALAN-SOALAN TUTORIAL**

1. Berikan definisi Islam Hadhari menurut kacamata anda sebenar.
2. Gejala sosial yang melanda negara kita pada hari ini boleh ditangani menerusi kefahaman prinsip Islam Hadhari. Bincangkan dari sudut keutuhan budaya dan moral.

# BIBLIOGRAFI

- .Ab. Alim Abdul Rahim dan Syed Mohamad. (1995). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abd. Rahman Nawas dan Nawawe Mohamad. (1995). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur:Pustaka Haji Abdul Majid.
- Azhar Hj. Mad Aros,*Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*, Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.Shah Alam
- M. A. J. Beg. (1980) *The Image of Islamic Civilization*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Haji Daud. (2002) *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mustafa Haji Daud. (1985). *Pengantar Tamadun Islam*. Petaling Jaya: Media Intelek sdn. Bhd.
- Penerbit Universiti Malaya.(2002) *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur.
- Sazelin Arif.(2007) *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. Shah Alam.

\_\_\_\_\_ (2008) Malaysian Studies. Kuala Lumpur. Jabatan Pendidikan Islam & Moral.

<http://bmm222.blogspot.com/2008/10/bab-2-interaksi-antara-pelbagai.html>

<http://bmm222.blogspot.com/2008/10/bab-3-islam-dalam-Tamadun-melayu.html>

<http://titas-haba.blogspot.com/2008/12/topik-3-interaksi-pelbagai-Tamadun.html>

<http://www.enotapelajar.com/2010/07/interaksi-antara-Tamadun-bab-3.html>

<http://www.pdf cari.com/BAB-2-:-INTERAKSI-ANTARA-PELBAGAI-TAMADUN-28-MELAYU,-CINA,-INDIA-....html>

<http://www.dapat.net/MYMALAYSIA/Bab3%20Tamadun%20Melayu.pdf>

<http://ctu551az.blogspot.com/2009/12/2-interaksi-antara-Tamadun.html>

<http://ayisy.blogspot.com/2009/03/peranan-islam-dalam-pembinaan-Tamadun.html>

<http://alhakelantan.tripod.com/tokoh/id11.html>

<http://alhakelantan.tripod.com/tokoh/id2.html>

<http://notapismp.blogspot.com/2009/02/tokoh-tokoh-falsafah-islam-ibnu-rushd.html>

[http://ms.wikipedia.org/wiki/Maharaja\\_Meiji](http://ms.wikipedia.org/wiki/Maharaja_Meiji)

<http://cikquadies.blogspot.com/2009/01/maharaja-meiji.html>

<http://www.scribd.com/doc/29546404/Kandungan-TITAS-2010>

<http://www.enotapelajar.com/2010/07/interaksi-antara-Tamadun-bab-3.html>

<http://www.pdfcar.com/BAB-2-:-INTERAKSI-ANTARA-PELBAGAI-TAMADUN-28-MELAYU,-CINA,-INDIA-....html>

<http://www.dapat.net/MYMALAYSIA/Bab3%20Tamadun%20Melayu.pdf>

<http://ctu551az.blogspot.com/2009/12/2-interaksi-antara-Tamadun.html>

<http://ayisy.blogspot.com/2009/03/peranan-Islam-dalam-pembinaan-Tamadun.html>

**PANEL PENULIS MODUL  
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU  
(IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN PENDIDIKAN RENDAH)  
WAJ 3101 TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA**

NAMA	KELAYAKAN
<p><b>PENYELARAS PERINGKAT IPGKPM</b></p> <p><b>EN. OTHMAN BIN LOMAN</b></p> <p>Unit Kurikulum Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia</p> <p><a href="mailto:othmalok@gmail.com">othmalok@gmail.com</a></p> <p><a href="mailto:Othman.loman@moe.gov.my">Othman.loman@moe.gov.my</a></p>	<p><b>Kelulusan:</b> Sarjana Muda (Hons). (Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah) UKM. Sijil Perguruan Khas (Qiraat dan Tarannum) MPI. Sijil Perguruan Asas MPI (PA &amp; BM), MPI</p> <p><b>Pengalaman:</b> Penolong Pengarah PPA IPG KPM Penolong Pengarah Unit Kurikulum (Pra Perkhidmatan Sekolah Rendah) Pensyarah Institut Perguruan 4 tahun. Guru Kelas Khas Kemahiran al-Quran 4 Tahun. Guru Sekolah Menengah 16 Tahun. Guru Sekolah Rendah 2 Tahun</p>
<p><b>HJ. MOHD ASRI BIN ABD.RAHMAN</b></p> <p>Pensyarah JAPIM IPG Kampus Bahasa Antarabangsa Kementerian Pelajaran Malaysia Lembah Pantai, 59200 Kuala Lumpur</p> <p><a href="mailto:mohdasriabdulrahman@yahoo.com">mohdasriabdulrahman@yahoo.com</a></p>	<p><b>Kelulusan :</b> Sarjana Pendidikan (MA) (Pendidikan Islam).UM Sarjana Muda (Hons)( Bahasa Arab), UIAM. Sijil Perguruan Khas ( Bahasa Arab) MPI Sijil Perguruan Khas (Qiraat dan Tarannum) MPI Sijil Perguruan Asas ( PA &amp; BM ), MPI</p> <p><b>Pengalaman :</b> Pensyarah IPG Bahasa Antarabangsa 6 Tahun Ketua Unit Teknologi &amp; Vokasional (ICT),PPD.Gombak. Guru Sekolah Menengah 5 Tahun Guru Sekolah Rendah 11 Tahun</p>
<p><b>ANUAR BIN MUHAMAD</b></p> <p>Pensyarah JAPIM IPG Kampus Bahasa Melayu Kementerian Pelajaran Malaysia Lembah Pantai, 59000 Kuala Lumpur</p> <p><a href="mailto:anuaripgmkbm@gmail.com">anuaripgmkbm@gmail.com</a></p>	<p><b>Kelulusan :</b> Sarjana Pendidikan (MA) (Bahasa Arab).UM Sarjana Muda (Hons)( SyariahIslamiah), Al-Azhar. Diploma Pendidikan ( Pendidikan Islam) MPI</p> <p><b>Pengalaman :</b> Pensyarah IPG Bahasa Melayu 4 Tahun Kolej Swasta (IPTS) 5 tahun Guru Sekolah Rendah 4 Tahun</p>